


Jilid III
Bil. 34



Hari Khamis
26hb Oktober, 1989

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6417]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Kematian Orang-orang Tahanan di Lokap Polis Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur—Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Jelutong) [Ruangan 6476]

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 6478]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 6479; 6550]

Kematian Orang-orang Tahanan di Lokap Polis Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur—Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Jelutong) [Ruangan 6525]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) [Ruangan 6480]

Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) [Ruangan 6545]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak),
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR Sm ZAHARAH BINTI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI AHMAD DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar)

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

„ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

„ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).

„ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).

„ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

„ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

„ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

„ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN Hu SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAJ (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut),
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

Yang Berhormat TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ Tuan Ong Tee Keat (Ampang Jaya).
- „ DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PrnNG BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATTN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M- TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., **J.P.** (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., **PIS.** (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

Yang Berhormat TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

- „ TUAN TIEU SUNO SENG *alias* Tiu SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING Kmw (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA DEWAN RAKYAT

Khamis, 26hb Oktober, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengurusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Nicholas Munong Ibau.

(Soalan No. 1 Y.B. Dr Nicholas Munong Ibau tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua. Di sini saya hendak membuat sedikit pembetulan ayat pada mukasurat pertama, baris keempat, dengan izin, saya bacakan "untuk kepentingan mencari keuntungan iaitu dengan merumikan, bukan "merumitkan".

Tuan Yang di-Pertua: "merumikan".

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Ya, "merumikan". Terima kasih.

AYAT AL-QURAN TUHSAN RUMI—PENJUALAN

2. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang diambil kepada pihak-pihak yang

menggunakan ayat-ayat Al-Ouran yang sering diperalatkan untuk kepentingan mencari keuntungan iaitu dengan merumikan ayat Al-Ouran dengan tulisan rumi dan mencetakkan buku-buku agama dengan tulisan rumi sedangkan huruf bahasa Al-Ouran tidak sama dengan sistem bunyi huruf-huruf mmi dan juga apakah tindakan yang diambil kepada peniaga-peniaga yang bukan Islam yang menggunakan ayat Al-Quran sama ada ayat Al-Quran di dalam jam-jam dinding dan lain-lain lagi yang mana ayat-ayat ini bersepah-sepah di lantai yang dipijak serta dilangkah dan ini adalah menyalahi dari segi agama Islam.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Perlua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini belum ada apa-apa tindakan yang diambil terhadap perbuatan-perbuatan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengeluarkan kenyataan bahawa mencek Al-Quran atau sebahagian darinya dalam tulisan rumi adalah haram.

Penerbitan buku-buku agama dalam tulisan rumi bukanlah menjadi satu kesalahan dari segi Islam dan tidak ada fatwa mengenainya.

Mengenai orang-orang bukan Islam yang menjual bahan-bahan yang mengandungi ayat-ayat Al-Quran, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke-13 pada 1hb dan 2hb Julai, 1985 telah membuat

keputusan bahawa orang-orang bukan Islam adalah haram atau tidak boleh menulis, mengukir, mempamer dan menjual barang-barang yang mengandungi tulisan ayat-ayat Al-Quran. Keputusan Muzakarah ini juga tidaklah menjadi satu tatwa.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soal yang tidak membenarkan orang-orang bukan Islam menggunakan sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, apakah tindakan yang diambil buat masa ini, kerana saya lihat di mana-mana sahaja, di kedai-kedai yang bukan Islam yang mempamerkan ayat-ayat suci Al-Quran yang mana mereka ini letak di lantai-lantai, dipijak-pijakkan sahaja. Jadi rasa saya mencemarkan ayat-ayat suci iaitu keagungan agama oleh Islam sendiri. Saya harap dapat tindakan dan juga jawapan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah menjelaskan bahawa tidak ada sebarang tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dan juga Majlis Agama Islam Negeri-negeri tentang perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana ini tidak terdapat sebarang peruntukan undang-undang dalam Negeri ataupun Persekutuan yang boleh dikenakan hukuman mengenai kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh mereka seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

PUSAT PEMULIHAN DADAH— KEBERKESANAN

3. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) berapa banyakkah pusat-pusat pemulihan dadah yang telah

dibina di negara ini hingga ke hari ini; dan

(b) sejauh manakah keberkesanan dan pencapaian pusat-pusat tersebut di dalam memulihkan kembali bekas-bekas mangsa dadah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 8 buah pusat serenti telah siap dibina oleh Kementerian Dalam Negeri sehingga kini iaitu di Sungai Petani, Bukit Mertajam, Tampin, Perlop di Perak, Tampoi di Johor, Besut di Terengganu, Kemumin di Kelantan dan Sungai Merchong di Pahang.

Pusat-pusat ini boleh memuatkan 2,750 orang penagih. 10 buah lagi sedang dalam berbagai peringkat pembinaan dan boleh memuatkan 1,359 orang. Dari tahun 1975 sehingga penghujung bulan Jun 1989 sejumlah 54,933 orang penagih dadah telah dan sedang mengikuti program rawatan dan pemulihan yang dilaksanakan oleh Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah Kementerian Dalam Negeri di pusat-pusat serenti.

Kadar kejayaan bagi mereka yang menjalani rawatan dan pemulihan di pusat-pusat serenti ini hingga 3 tahun yang lalu, pukul rata ialah 36.5% iaitu selepas tamat daripada program selama 4 tahun.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Timbalan Menteri Dalam Negeri sebentar tadi, pihak Kerajaan sedang berusaha untuk menyiapkan tempat-tempat pemulihan mengenai orang-orang yang terlibat dengan dadah. Saya ingin bertanya dalam usaha Kerajaan menambahkan hukuman dan meluluskan beberapa kali pindaan Akta Dadah sehingga sampai ke peringkat merampas harta selain dari hukuman bunuh dan juga

Kerajaan telah menyediakan berbelas-belas pusat-pusat pemulihan baru. . .

Tuan Yang di-Pertua: Lapan, Yang Berhormat. Kerajaan telah menyediakan lapan pusat, bukan berbelas-belas.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Lapan, tak apalah. Adakah ini membuktikan kegagalan Kerajaan dengan Akta-akta itu ataupun sebaliknya. Kalau sekiranya nyata usaha Kerajaan ini gagal, kerana keadaan tidak menurun bahkan bertambah, apakah Kerajaan dengan usaha-usaha baru untuk mengatasi masalah ini, apakah Kerajaan masih yakin lagi bahawa dengan Akta-akta itu boleh membanteraskan bencana dadah, ataupun Kerajaan telah menyedari bahawa penyakit rohani tak boleh diubat dengan ubat "akta" ataupun sebagainya?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kita kena memahami bahawa memerangi dadah ini mesti dijalankan dengan dua cara tetapi sealiran. Akta-akta kita gubal bukan untuk penagih, akta-akta kita gubal untuk membanteras pengedar-pengedar, di samping itu penagih-penagih pula terpaksa kita jalankan aktiviti pemulihan dan rawatan. Kalau kita lihat setelah akta-akta itu kita laksanakan baru-baru ini di Dewan Parlimen yang mulia ini, kalau kita lihat bersabit daripada kurangnya pengedaran, kalau kita lihat sebelum kita mengadakan hukuman mati mandatori: Tahun 1981—bilangan penagih yang pertama ialah 10,391 orang, 1982—13,363, 1983—14,000, 1984—11,000. Tetapi setelah Akta yang begitu tegas kita luluskan di Parlimen, kita lihat bilangannya menurun. Tahun 1985—9,000, 1986—7,000, 1987—7,000, 1988—kerana CHOGM kita doublekan atau dua kali gandakan serangan kita di seluruh bandar, maka meningkat 9,000 dan 1989 sehingga Jun ialah hanya 2,908 orang.

Ini membuktikan bahawa kesannya daripada akta yang tegas yang kita laksanakan. Di samping itu selama tiga tahun kita tidak mendapati mana-mana pengedar besar antarbangsa yang telah menggunakan negara kita sebagai pusat mengedar dadah.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas ke-berkesanannya program yang dilancarkan di pusat-pusat pemulihan ini.

Yang kedua apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya Malaysia ini tidak akan direbak oleh bencana dadah seperti cocaine dan crack? Adakah cocaine dan crack dikesan dalam negara kita ini?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan pertama sepertilah soalan dalam 3 (b). Tidak payahlah dijawab. Minta dijawab soalan yang kedua sahaja.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, setakat hari ini Malaysia belum lagi dilanda oleh cocaine.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam lapan buah Pusat Serenti yang beroperasi sekarang ini, berapa banyakkah Kementerian sudah membelanja setiap tahun bagi memulihkan mereka di situ?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan di sini, lapan buah itu ialah 100% telah siap dan berfungsi. Di samping itu sepuluh buah lagi sungguhpun dalam pembinaan tetapi mempunyai penghuni kerana kita merasakan bahawa pelatih-pelatih yang hampir hendak keluar dari Pusat-pusat Serenti yang ada kita tempatkan di Pusat-pusat Serenti yang sepuluh buah ini supaya mereka dapat membantu membereskan segala prasarana di kawasan-kawasan tersebut.

Oleh kerana mereka yang mendiami Pusat-pusat Serenti ini mengusaha sendiri seperti ayam yang mereka makan adalah ayam peliharaan mereka dan sayur yang mereka makan adalah sayur yang dipelihara oleh mereka sendiri, jadi perbelanjaan di tiap-tiap Pusat Serenti adalah begitu minimal sekali kerana kita memang hendak menggalakkan self-sufficiency, dengan izin, terhadap tiap-tiap Pusat Serenti daripada pelatih-pelatih itu sendiri.

**"ORANGE RATING" BAGI
LAPANGANTERBANG
ANTARABANGSA SUBANG/
BAYAN LEPAS**

4. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada benar bahawa Lapangan-lapangan-terbang Antarabangsa Subang dan Bayan Lepas telah diberi "orange ratings" oleh International Federation of Airline Pilots Association yang bermakna bahawa lapangan-lapanganterbang ini telah dikelaskan sebagai tidak selamat dan serba kekurangan. Jika ia, apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan bahawa lapangan-lapanganterbang ini adalah selamat untuk kapal-kapalterbang membuat daratan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar Lapanganterbang Antarabangsa Subang dan Bayan Lepas telah diberi "Orange Rating" oleh International Federation of Airline Pilots Association. Taraf "Orange Rating" yang diberi kepada Lapanganterbang Antarabangsa Subang dan Bayan Lepas adalah atas sebab-sebab berikut:

"Orange Rating" yang diberi kepada Lapanganterbang Antarabangsa Subang adalah disebabkan permukaan landasan 33, dengan izin, runway 33, tidak rata dan beralun. Kawasan yang

tidak rata dan beralun ini telah pun diturap dan tidak lagi menjadi masalah.

Bagi Lapanganterbang Bayan Lepas, "Orange Rating" yang diberi kepadanya pada bulan Oktober 1988 adalah disebabkan ketiadaan Alat Sistem Pendaratan atau, dengan izin, Instrument Landing System, untuk landasan 22. Landasan 22 memang tidak dilengkapi dengan Alat Sistem Pendaratan kerana landasan 04 telah pun dipasang dengan alat tersebut dan alat ini berupaya memenuhi keperluan pesawat-pesawat yang hendak mendarat.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk memperbaiki keselamatan di Lapanganterbang Antarabangsa Subang, suka saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan kemajuan yang telah dicapai oleh pihak tertentu untuk memperbaiki alat-alat radar iaitu Secondary Surveillance Radar ataupun SSR untuk memastikan kemudahan untuk kapalterbang mendarat.

Yang kedua ialah selain daripada keselamatan saya juga ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa Lapanganterbang Antarabangsa Subang yang wujud sekarang adalah tidak mencukupi dari segi memberikan lebih banyak kemudahan dan juga aspek-aspek yang lain. Saya ingin mendapat tahu adakah pihak Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina sebuah lapangan terbang yang baru, moden dan kemaskini.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, demi keselamatan memang Jabatan Penerbangan Awam dan Kementerian Pengangkutan sentiasa meneliti mengenai keperluan-keperluan keselamatan. Namun begitu alat-alat yang diperlukan, SSR, seperti yang

disebut oleh Yang Berhormat sudapn dipesan tetapi tidak boleh siap dalam satu bulan, terpaksa menunggu sebelas bulan lagi dan insyaAllah akan dipasang di Lapanganterbang Antarabangsa Subang.

Mengenai kemudahan-kemudahan lain Yang Berhormat tidak menyenaraikan butir-butir, katanya kemudahan-kemudahan yang tidak cukup dan aspek-aspek lain. Saya tidak tahulah apa aspek-aspek Yang Berhormat maksudkan. Kalau boleh dijelaskan lagi mungkin agaknya dapat saya menjawab.

Mengenai cadangan lapangan terbang yang baru setakat ini kita masih lagi boleh menampung penerbangan-penerbangan yang datang ke-Kuala Lumpur dan cadangan untuk masa hadapan jangka panjang memang ada tetapi belumlah dapat saya menyatakan detailnya.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sedikit soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat ada menyatakan ada 33 runway dan 22 runway di Bayan Lepas. Saya ingin tahu berapakah jarak jauh panjangnya tiap-tiap runway ataupun landasan itu tadi yang disebutkan 33 dan 22.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, "landasan 22" bukan bermakna kita ada 22 tandasan. Kita hanya ada satu sahaja landasan, dipanggil landasan 22 disebabkan bearingnya iaitu 22 darjah, landasan yang sama, satu hujung 22 dan satu hujung lagi 04. Jadi, di bahagian 04 ini kita lengkapkan dengan alat-alat pendaratan tadi sepenuhnya kerana memang kerap kapal terbang mendarat di landasan 04 di hujung yang sebelah dipanggil 04. Bila hendak mendarat kapal terbang mesti menengok arah angin dan juga faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi.

Jadi lebih banyak pendaratan dibuat di landasan 04, kurang sangat di landasan 22.

BAYI BARU LAHIR—LAPORAN KEMATIAN

5. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah kematian bayi baru lahir di negara ini semenjak tahun 1987-1989, secara perbandingan mengikut % antara di bandar dengan luar bandar mengikut bangsa. Nyatakan sebab-sebab kematian sama ada kecemasan, kelahiran atau lain-lain hal.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab laporan jumlah kematian bayi yang baru lahir bagi seluruh negara bagi tahun 1988 dan 1989 belum lagi siap, maka saya akan memberi jawapan berdasarkan pada tahun 1987 sahaja.

Bilangan kematian bayi di Malaysia iaitu bayi sebelum umur satu tahun pada tahun 1987 ialah 7,595 iaitu dengan kadar 14.6 bagi tiap-tiap 1,000 kelahiran hidup. Bilangan dan kadar kematian bayi mengikut kaum ialah:

Melayu—4,345 dengan kadar 16.03 bagi tiap-tiap 1,000 kelahiran hidup.

Cina—764 dengan kadar 9.17 bagi tiap-tiap 1,000 kelahiran hidup.

India—493 dengan kadar 14.15 bagi tiap-tiap 1,000 kelahiran hidup.

Bilangan kematian bayi yang baru lahir di negara ini tidaklah dipecahkan mengikut bandar dan luar bandar.

Di antara sebab-sebab utama kematian bayi ialah demam yang kuat berserta dengan sawan (high fever and fits), dengan izin, demam paru-paru (bronchial-pneumonia), dengan izin, sakit jantung kongenital (congenital heart disease), penyakit cirit birit yang acute (acute gestritis), kuman di dalam darah (septicemia) dan premature.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kematian bayi yang baru lahir di kalangan orang-orang Melayu adalah berjumlah 4,345 ataupun 16.03%, satu angka yang begitu tinggi. Manakala mengikuti jawapan Setiausaha Parlimen, kematian ini tidak dikira dari segi soal bandar ataupun luar bandar tetapi sebab-sebab tertentu. Tetapi adakah Yang Berhormat menyedari bahawa klinik-klinik bidan yang bertanggungjawab dari segi kelahiran bayi di luar bandar tidak mempunyai kelengkapan yang cukup jika berlaku kecemasan. Begitu juga dengan lain-lain kemudahan termasuklah jika ada kecemasan supaya dapat bertindak dengan cepat menyelamatkan bayi-bayi yang baru lahir ini. Itulah soalan pertama.

Soalan yang kedua, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat adakah Kementerian Kesihatan menyedari ataupun adakah wujud di mana apabila kematian bayi itu berlaku, surat-surat beranak bayi-bayi yang mati ini kemungkinan diguna oleh pihak-pihak tertentu dalam usaha menyeludup bayi-bayi ke dalam negara kita ini. Apakah Kementerian Kesihatan turut menyedari hakikat ini ataupun adakah Kementerian Kesihatan mempunyai satu tatacara kerja dari segi mengesan masalah ini bersama dengan Kementerian Dalam Negeri ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang kedua itu tidak bersangkut. Minta jawab soalan yang pertama sahaja, Yang Berhormat.

Tuan Chua Jui Meng: Untuk menjawab soalan tambahan Yang Berhormat dari Pasir Mas, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kadar kematian bayi bukan di dalam tahap yang begitu tinggi yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas. Sebenarnya, kita sudah memajukan dalam keadaan ini mungkin berbanding dengan tahun

1957, umpamanya kita ada satu kadar kematian bayi 76. Kita sekarang sudah turun kepada tahap 14.5 sahaja. Kalau kita berbanding dengan negeri-negeri berjiran, kita sudah sampai ke tahap yang boleh menggalakkan seperti Thailand—40, Indonesia—70 dan Philippines—lebih daripada 40. Yang sebenarnya kita sudah mencapai suatu tahap yang setaraf dengan negara-negara yang maju.

Mengenai soalan klinik-klinik bidan yang tidak mencukupi kelengkapan atau kemudahan, sukalah saya kata di sini memang betul di dalam klinik bidan kita menempatkan seorang bidan sahaja. Tetapi kita ada satu sistem rujukan. Daripada bidan kita rujukkan kepada pusat kesihatan, besar atau keil. Daripada itu, kalau ada risiko tinggi, kita merujukkan kepada hospital daerah atau hospital besar. Kita ada satu sistem merujukkan dan Kementerian cubalah berusaha untuk melengkapi lagi kemudahan dengan lebih lengkap untuk klinik-klinik bidan di seluruh negara kita. Itulah jawapan saya.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Setiausaha Parlimen tadi, Yang Berhormat telah memberi angka-angka mengenai kematian bayi baru lahir di negara tetapi dalam pandangan saya, angka itu hanya untuk Semenanjung. Jadi, saya berharap Yang Berhormat dapat memberi keadaan di negeri Sabah dan Sarawak. Kalau angka itu tidak ada, saya ingin penjelasan daripada Setiausaha Parlimen mengapa angka itu tidak ada.

Tuan Chua Jui Meng: Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Betong. Tuan Yang di-Pertua, kadar kematian bayi baru lahir di Sarawak pada tahun 1987 adalah 9.1 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup. Kalau berbanding dengan tahun 1983 di Sarawak, kita memperolehi angka 15.2. Untuk Sabah pada tahun 1983 kita ada satu kadar

kematian bayi sebanyak 22.9 berbanding dengan tahun 1987 iaitu 20.8 pada tahun 1987.

SENAPANG TEMPUR STEYR AUG

6. Tuan P. Patto minta Menteri Pertahanan memberi butir-butir lanjut mengenai usaha membuat senjatapi dengan Austria dan nyatakan apakah faedah kepada negara dengan adanya perusahaan pembuatan senjatapi di Malaysia memandangkan ianya bertentangan dengan dasar berkecuali Malaysia dan juga dasar mewujudkan rantau ini sebagai satu Zon bebas, aman dan berkecuali.

9-11-89

22. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Pertahanan menyatakan Skim Usahasama Kerajaan dengan sebuah syarikat luar negeri untuk mengeluarkan "Rifle Tempur" dalam negara. Terangkan juga negara-negara yang telah dibawa berunding dan bersetuju pada dasar untuk menggunakan alat senjata keluaran negara ini.

10-11-89

6. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah kosnya kepada Kerajaan untuk mengadakan usahasama dengan Steyr Mannlicher GMBH untuk membuat rifle steyr di sini dan apakah syarat-syarat dan persediaan-persediaan yang sedia ada dalam perjanjian, dan bagaimanakah Malaysia dapat berfaedah daripada usahasama ini.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Muar dan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan yang dijadualkan pada 9hb dan 10hb

November 1989 kerana masing-masing bertanyakan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Projek pengeluaran senapang tempur steyr AUG dalam negeri akan dilaksanakan oleh Syarikat Malaysia Explosives Sdn. Bhd. atau SME. Sebuah syarikat Kerajaan, dengan cara pemindahan teknologi yang diperolehi daripada pengeluar senjata tersebut iaitu Syarikat Steyr Mannlicher atau SMG dari Austria bersama dengan SMG yang meliputi bidang-bidang berikut:

- (i) SME diberi lesen mengeluarkan senapang tempur steyr AUG;
- (ii) SMG memberi bantuan teknikal berkaitan dengan kemudahan dan pengeluaran senapang tempur;
- (iii) SME dan SMG berusaha bersama untuk memasarkan senapang tempur sama ada ianya dikeluarkan oleh SME atau SMG;
- (iv) SME boleh memberi komponen daripada SMG serta pemegang lesen SMG yang lain.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan telah menandatangani kontrak dengan SME untuk membekalkan sebanyak 65,000 pucuk senapang tempur dengan kos sebanyak \$182 juta untuk keperluan Angkatan Tentera Malaysia bagi tempoh 5 tahun bermula dari tahun 1991 hingga 1995. Pengeluaran senapang tempur styers AUG akan bermula dengan komponen dan diikuti dengan pengilangan atau "manufacturing", dengan izin, empat komponen utama iaitu "barrels, housing, guide tubes" dan "slide body". Komponen-komponen tersebut merupakan lebih kurang 50% daripada pembuatan

senjata itu. Komponen-komponen lain, kebanyakannya dibuat daripada bahan plastik dan dibuat kemudahan melalui sub-kontrak kepada industri tempatan. Projek-projek pengeluaran senapang tempur telah dilaksanakan untuk memenuhi dua maklumat penting iaitu atas kehendak strategik dan mencapai keupayaan teknologi tinggi dalam pengeluaran perlahan-lahan. Faedah-faedah yang akan diperolehi daripada projek tersebut ialah seperti berikut:

- (i) mendapatkan teknologi baru dalam pembuatan senjata;
- (ii) mewujudkan satu keupayaan dan kemudahan dalam negeri untuk mengeluarkan senapang tempur bagi pengeluaran sendiri dan untuk dieksport;
- (iii) menggalakkan pertempuran industri pembuatan komponen tempatan untuk senapang tempur ini seperti komponen plastik;
- (iv) menjimatkan pertukaran wang asing dalam masa jangka panjang;
- (v) memajukan industri pertahanan tempatan selaras dengan konsep berdikari dalam memenuhi keperluan tertentu peralatan pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini adalah terlampau awal untuk memastikan pasaran senapang tempur buatan Malaysia ini. Saya berharap bila projek ini berjalan dengan sepenuhnya kedua-dua SMG dan SME akan berusaha untuk mendapatkan pasaran bagi senapang tempur buatan Malaysia ini.

Mengenai anggapan bahawa projek pengeluaran senapang tempur ini bertentangan dengan dasar berkecuali Malaysia dan ZOPFAN adalah tidak boleh diterima kerana projek tersebut adalah semata-mata untuk meningkatkan keupayaan industri

teknologi tinggi supaya negara menjadi lebih berdikari dan self-sufficient, dengan izin, serta boleh meningkat-kaitkan self-reliance dengan izin, dan ketahanan dalam dasar pertahanan. Dasar berkecuali dan ZOPFAN tidaklah bermakna negara tidak perlu untuk melengkap dan meningkatkan keupayaan pertahanannya. Negara tidak mahu terperangkap dengan keadaan di mana kita tidak menyediakan payung ketika hujan turun. Oleh yang demikian, pemindahan teknologi ini tidak akan menjejaskan dasar berkecuali dan ZOPFAN yang diamalkan sekarang kerana ianya adalah usaha-sama yang bercorak perdagangan bukannya usaha untuk mewujudkan satu military pact ataupun perlumbaan ketenteraan atau arms race, dengan izin, di rantau ini.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Kementerian apakah kriteria-kriteria yang menyebabkan Kerajaan Malaysia khususnya pihak Kementerian Pertahanan memilih Australia bagi mewujudkan industri membuat senjatapi

Tuan Yang di-Pertua: Austria.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:

Austria?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:

Austria. Soalan kedua, kenapa kita hanya memilih industri senjatapi iaitu senapang sahaja? Adakah kerana kita tidak mampu hendak buat yang lain-lain seperti bom kecil-kecil, kasut boot ataupun lain-lain hal? Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dua cukuplah.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:

Dua cukup, Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Pertahanan telah memanggil secara tender terhadap kepada pengeluaran-pengeluar senapang tempur di seluruh dunia. Banyak syarikat-syarikat, kalau tidak salah saya lebih daripada 22 syarikat, telah mengambil bahagian dalam ujian ini dan kita memberi satu spesifikasi untuk mereka memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki. Dari itu 3 buah syarikat telah di short-listed, dengan izin, dan daripada 3 buah itu Syarikat Steyr telah berjaya untuk mengerjakan projek ini.

Berkenaan dengan soalan kedua, sebenarnya Kementerian Pertahanan telah mengambil tindakan untuk syarikat-syarikat tempatan seperti MARA mengeluarkan boot-boot untuk digunakan oleh askar-askar kita. Begitu juga SME sendiri mengeluarkan jenis-jenis peluru tertentu dan juga, dengan izin, hand grenades dan bom-bom kecil seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan pembuatan senjatapi dengan Austria ini, saya ingin tahu daripada pihak Kementerian Pertahanan adakah Kementerian bercadang untuk menggantikan semua senjatapi yang dipakai oleh Angkatan Tentera kita sekarang? Saya juga ingin tahu apakah nama jenis senapang tempur ini nanti? Adakah ianya setanding dengan senapang-senapang yang ada pada masa sekarang?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan nama senapang tempur yang akan dikeluarkan oleh Malaysia, buat masa sekarang Syarikat SME belum lagi membuat satu keputusan memberi nama senapang tempur ini.

Kedua, soalan pertama Yang Berhormat itu sangat too generalised,

dengan izin, jadi susah saya hendak jawab, kerana sebentar tadi saya sudahpun sebutkan bahawa SME telah mengeluarkan banyak ammunition tertentu yang dikeluarkan oleh mereka sekarang.

SUKAN BOLA KERANJANG

7. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan jumlah peruntukan bagi memajukan sukan bola keranjang pada tahun 1986, 1987, 1988 dan 1989.

Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1983, Kementerian Belia dan Sukan memberi penekanan kepada pembangunan sukan melalui dua pendekatan:

- (a) Bahagian Sukan, Kementerian Belia dan Sukan menumpukan tanggungjawab yang khas kepada sukan untuk semua;
- (b) Majlis Sukan Negara melibatkan diri di atas sukan prestasi tinggi.

Dalam sukan untuk semua kementerian Belia dan Sukan menggalakkan penyertaan ramai dalam bidang sukan bola keranjang di mana program integrasi sukan digalakkan. Peruntukan yang dibelanjakan oleh Kementerian Belia dan Sukan bagi tujuan ini daripada tahun 1986 hingga 1989 ialah seperti berikut:

1986..	\$25,875.00
1987..	\$11,750.00
1988..	\$ 9,990.00
1989..	\$17,600.00

Peruntukan kepada Majlis Sukan Negara untuk menjayakan sukan bola keranjang termasuk bagi membiayai

program latihan, pendedahan, pertandingan luar negeri, elaun jurulatih, peralatan dan kemudahan sukan serta kursus kejurulatihan ialah:

1986	..	\$36,803.00;
1987	..	\$62,304.00;
1988	..	\$34,040.00 (untuk pasukan bola keranjang lelaki), \$60,740.00 (untuk pasukan bola keranjang wanita);
1989	..	\$92,550.00 (untuk pasukan bola keranjang lelaki); \$74,380.00 (untuk pasukan bola keranjang wanita).

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan jawapan Yang Berhormat Menteri. Satu, soalan saya, saya hendak tahu kenapa peruntukan bagi pasukan bola keranjang wanita adalah lebih daripada peruntukan bola keranjang lelaki, dari segi pakaiankah ataupun dari segi latihan ataupun perkara-perkara lain yang melibatkan peruntukan yang berlebihan ini? Saya rasa Yang Berhormat Menteri sudah tentu mahir dalam perkara ini.

Yang kedua, dalam jawapan berkenaan ada terdapat sumber-sumber untuk melahirkan satu integrasi yang baik. Sejauh manakah Kementerian ini sudah membawa satu pendekatan bahawa bola keranjang tidak merupakan satu permainan bagi kaum Cina tetapi ianya boleh diintegrasikan kepada semua kaum? Sehingga 32 tahun kita mencapai kemerdekaan, dalam pandangan saya, pasukan bola keranjang ini masih tidak terdapat sama ada seorang pemain daripada kaum India ataupun daripada kalangan bangsa Melayu. Apakah ini merupakan satu kegagalan ataupun merupakan satu usaha yang belum berjaya? Jadi, apakah rancangan jangka panjang untuk menentukan

bahawa integrasi melalui bola keranjang ini dapat membawa satu pencapaian yang mantap seperti yang dikehendaki oleh Perdana Menteri?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tuan Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, perbezaan peruntukan di antara pasukan bola keranjang lelaki dan wanita adalah berdasarkan kepada keperluan sebenarnya. Bagi tahun 1988, peruntukan untuk pasukan wanita lebih daripada pasukan lelaki. Tetapi bagi tahun 1989, pasukan lelaki telah memerlukan peruntukan perbelanjaan yang lebih daripada wanita.

Tentang usaha Kerajaan untuk memastikan penyertaan semua kaum di dalam sukan, khususnya dalam sukan bola keranjang, memang merupakan dasar Kerajaan untuk menggalakkan penyertaan semua kaum dalam semua jenis sukan supaya tidak ada pengenalan mengikut kaum berdasarkan kepada satu-satu jenis sukan. Usaha ini telah berjalan dalam jenis sukan tertentu seperti badminton, perkara ini telah dicapai di mana pasukan negara kita merupakan pasukan berbilang kaum dan begitu jugalah pasukan pelapis dan bakat.

Apa yang menggalakkan, dalam sukan SEA ke—XV baru-baru ini, walaupun kaum Cina merupakan kaum yang mewakili negara dalam permainan bola keranjang dan kaum Melayu mewakili pasukan sepak takraw negara, tetapi pada masa pasukan sepak takraw negara telah bermain, semua ahli-ahli kontinjen pasukan bola keranjang telah hadir di gelanggang untuk memberi tepukan dan sokongan yang gemuruh kepada pasukan sepak takraw negara kita. Oleh itu, daripada sudut ini, kita telah berjaya memupuk semangat patriotisme yang lebih kukuh dalam sukan SEA ke—XV baru-baru ini—

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa pasukan lelaki

Malaysia telah pun berjaya memenangi pingat emas dalam acara bola keranjang, dalam sukan SEA baru-baru ini, saya ingin tahu setakat manakah Kementerian Belia dan Sukan telah merancang program-program khusus atau spesifik untuk memajukan permainan bola keranjang, khususnya untuk menghadapi sukan Asia pada tahun 1990 di Beijing.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun

Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita amat sedar bahawa pasukan bola keranjang negara kita mempunyai potensi untuk maju ke tahap yang lebih tinggi lagi. Oleh itu, kita telah meminta Kesatuan Bola Keranjang Malaysia untuk mengemukakan cadangan-cadangan kepada pihak Kementerian dan Majlis Sukan Negara khususnya dalam usaha post-mortem selepas sukan SEA ke—XV untuk menggaris satu blueprint dua tahun akan datang di mana sukan bola keranjang ini akan diberi tumpuan bagi mencapai peningkatan mutu permainan. Saya suka memaklumkan bahawa usaha selepas ini, termasuk memberi pekerjaan kepada ahli-ahli pasukan bola keranjang, sedang dalam usaha pihak Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Lim Kit Siang tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latiff.

TEMPAT SEMBAHYANG DI STESEN KERETAPI

9. Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latiff minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian menyedari bahawa terdapat di setengah-setengah stesen keretapi masih

belum menyediakan kemudahan tempat sembahyang bagi penumpang-penumpang beragama Islam yang memerlukan. Begitu juga di setengah-setengah stesen bas yang besar-besar selain dari stesen bas Pudu Raya; dan

- (b) adakah Kementerian berhasrat untuk mengatasi masalah tersebut. Jika ia, bilakah agaknya.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti

Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu ialah mengadakan kemudahan tempat sembahyang di stesen-stesen yang baru dibina dan di stesen-stesen yang lama yang sedang diubahsuai. Kemudahan-kemudahan tersebut akan disediakan secara berperingkat tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi. Sememangnya Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu berhasrat untuk mengadakan kemudahan tempat sembahyang di semua stesen keretapi. Setakat ini 26 buah stesen iaitu dari Singapura ke utara dan juga ke Pantai Timur telah pun diadakan kemudahan tersebut.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kemudahan yang disediakan oleh Keretapi, saya mohon izin daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk kalau sekiranya boleh diberi perhatian, pada satu ketika saya tidak dapat tiket atau tempat bagi menaiki ekspres, jadi saya naik keretapi Kelas 3. Kelas 3 adalah merupakan keretapi yang boleh digolongkan kebanyakan bagi proletariat, dengan izin, menggunakan kemudahan ini. Saya lihat dalam keretapi Kelas 3 ini, sudahlah rakyat biasa menumpang dapat kemudahan ini, kalau boleh saya lihat kebersihannya adalah amat tidak menyenangkan hati. Apakah dasar Kementerian ataupun KTM untuk melihat bahawa keretapi Kelas 3 ini

dapat diperelokkan sedikit dan sesuai dengan rakyat kita yang menggunakan kemudahan keretapi Kelas 3 ini puashati dalam perjalanan yang jauh yang sudah pun mereka diberi kemudahan sedikit ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pertanyaan ialah berkenaan menyediakan tempat sembahyang.

SKIM HADIAH KEMENANGAN SUKAN

10. Tuan Michael Asang minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan jumlah insentif berupa wang tunai yang diberikan kepada para ahli sukan negara yang telah berjaya memungut pingat emas di masa Sukan SEA Ke XV yang lalu. Apakah Kementerian bercadang untuk menaikkan jumlah insentif seperti ini dan apakah langkah lain yang akan diambil oleh Kementerian sebagai galakan kepada para ahli sukan kita demi pencapaian prestasi yang lebih cemerlang di Sukan SEA yang akan datang.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang tunai yang telah diberikan kepada para pemenang pingat emas di Sukan SEA ke XV yang lalu ialah sebanyak \$118,000.

Ganjaran wang tunai ini diperuntukkan di bawah Skim Hadiah Kemenangan Sukan yang telah dilancarkan pada tahun 1987. Setiap pemegang pingat emas di sukan SEA telah dihadiahkan wang tunai sebanyak \$1,500.

Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara Malaysia tidak bercadang untuk menaikkan jumlah wang tunai yang telah ditetapkan di bawah Skim Hadiah Kemenangan Sukan. Wang Tunai yang diperuntukkan adalah berdasarkan kepada pencapaian atlit-atlit yang berjaya memenangi pingat di peringkat

Olimpik, Asia dan Asia Tenggara serta pertandingan yang setaraf dengannya. Pemberian wang tunai ini adalah merupakan satu pengiktirafan terhadap atlit-atlit negara yang telah mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa.

Langkah-langkah lain yang telah diambil oleh Kementerian melalui Majlis Sukan Negara antara lain termasuk:

mempertimbangkan untuk mendapat elaun setiap bulan di bawah skim Perangsang Ahli Sukan. Skim ini bertujuan untuk membantu dari segi kewangan dan sebagainya supaya atlit-atlit dapat menjalani latihan yang sempurna di bawah program yang diatur dan diawasi oleh Persatuan Sukan Kebangsaan dan Majlis Sukan Negara. Atlit-atlit yang dipilih diberi elaun mengikut kategori masing-masing iaitu:

— Peringkat Dunia dan Asia \$250 sebulan selama dua tahun.

— Peringkat Asia Tenggara dan serantau \$200 sebulan selama satu tahun.

— Peringkat yang berpotensi \$150 sebulan selama satu tahun.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pingat-pingat emas ini kadang-kadang pemberian itu mengelirukan kerana yang seorang

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila kemukakan soalnya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Mukadimmah dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya mukadimmah itu hendak menyimpang jauh.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Nanti orang tidak tahu. Yang mendapat pingat emas ialah seorang

pelari satu pingat emas. Bagi pasukan bola sepak yang semuanya berlari, ke sebelasnya atau tigabelas pun mendapat satu pingat emas. Jadi dapatkah Yang Berhormat menjelaskan asas pemberian pingat emas kepada pasukan dan kepada individu kerana kalau dikira pingat emas keseluruhannya, kalau bola sepak sebelas pingat emas ataupun limabelas, kalau sepak takraw mungkin tiga pingat emas. Perkara ini telah lama dibincangkan, tetapi sila jelaskan.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Saya cuba memahami soalan tambahan itu . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya pun cuba memahaminya.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Pertama, dari segi pingat emas, pengiraan pingat emas berdasarkan kepada events sama ada individu ataupun team event. Dari segi pengiraan untuk negara, maknanya satu pingat sama ada untuk pasukan ataupun individu tidak kira berapa orang yang bermain dalam satu pasukan. Tetapi setiap daripada ahli pasukan itu setiap orang menerima satu pingat emas.

Tuan Hu Sepang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bersabit dengan skim wang tunai ini nampaknya Kementerian berkenaan cuma berminat kepada mereka yang berjaya ataupun yang sudah mencapai satu keputusan yang cemerlang sehingga Menteri berkenaan sendiri, seperti katanya, baru-baru ini di Sukan SEA sehingga saya malam siang pun dapat melihat wajah Menteri di dalam TV memberi hadiah kepada mereka yang menang dan yang telah berjaya. Jadi, saya ingin hendak tahu apakah skim ataupun adakah Kerajaan mempunyai skim yang lain untuk mereka yang gagal (*Ketawa*) Itu sahaja, jangan cuma mengambil berat kepada mereka yang menang sahaja. Bagaimana mereka yang gagal?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, yang gagal itu macam mana pula?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, falsafah Kerajaan ialah untuk menggalakkan ke arah kecemerlangan. Oleh itu, kita memberi hadiah kepada mereka yang berjaya. Saya fikir dasar ini sudah mencapai kejayaan yang boleh kita berasa bangga. Jadi, kalau kita hendak memberi hadiah kepada mereka yang gagal seolah-olah kita menggalakkan mereka yang gagal. Saya tidak faham falsafah DAP. Terbalik kot nampaknya.

BIL TELEFON—KOMPLEN

11. Tuan Samson Chin Chee Tsu: minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapa lamakan masa yang diperlukan untuk menyiapkan penyiasatan terhadap komplek yang dibuat terhadap bayaran telefon yang berlebihan dikenakan oleh Syarikat Telefon Malaysia untuk panggilan-panggilan yang bukan dibuat oleh para pelanggan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, ada beberapa faktor yang terlibat dalam mengendalikan penyiasatan bersabit dengan tuntutan dan aduan bil tinggi ataupun panggilan bermeter tinggi yang diterima daripada pelanggan. Proses-proses yang terlibat seperti berikut:

- (1) menyiasat dan menguji keadaan fizikal talian telefon pelanggan untuk menentukan sama ada sebarang kerosakan;
- (2) menyemak rekod-rekod untuk menentukan sama ada sebarang kerosakan yang dilaporkan semasa tempoh bulan bil berkenaan yang dipertikaikan;
- (3) menguji peralatan-peralatan di ibusawat;

- (4) meletakkan talian pelanggan dalam perhatian—biasanya bagi jangka masa dua minggu hingga satu bulan; dan
- (5) mengkaji dan menganalisis ragam penggunaan pelanggan berkenaan.

Berikutan dnegan proses-proses yang terpaksa dijalankan tempoh yang diambil untuk menyiasat aduan-aduan adalah berbeza dan pada kebiasaannya memakan masa di antara 45 hari hingga 90 hari. Walaupun begitu, Syarikat Telekom Malaysia sentiasa berusaha untuk mengurangkan tempoh ini melalui pengenalan sistem-sistem komputer dalam pengendaliannya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Simunjan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, satu aspek yang serius mengenai bayaran telefon ialah saya rasa soal perbezaan rate, kadar di antara Sarawak, Sabah dan sebagainya yang kadang-kadang menghalang perhubungan integrasi di antara rakyat di Malaysia ini. Soalannya ialah adakah pihak Kerajaan bercadang hendak menyelaraskan kadar bayaran telefon? Kalau dari Kuching—Kuala Lumpur—\$1.00, dari Kuala Lumpur—Petaling Jaya pun \$1.00 juga. Adakah cadangan macam itu supaya integrasi nasional itu dapat dipupukkan iaitu dari Kota Kinabalu—Kuala Lumpur misal kata \$5.00 untuk 3 minit. Kalau dapat dari Kota Kinabalu—Kuala Lumpur pun \$5.00 juga. Adakah cadangan macam itu?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkhidmatan telekomunikasi di mana juga di dunia ini ada perbezaan antara panggilan dekat dan panggilan jauh. Jadi, ada bezanya dari segi kadar dan ianya berdasarkan kepada kos yang terpaksa ditanggung oleh pembekal perkhidmatan ini. Jadi, agak terbalik kotlah kalau sekiranya kita hendak

sama ratakan kos panggilan jauh dan panggilan dekat. Jadi, kalau begitu maka kos yang terpaksa ditanggung agak tidak memadai dengan pungutan dan perkhidmatan tidak boleh dilaksanakan mana integrasi tidak dapat dicapai.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya. silakan.

Tuan Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam banyak-banyak keadaan berikaku mengenai Telekom ini, satu perkara yang saya ingin kemukakan pada Kementerian yang berkenaan iaitu adakah Kementerian berkenaan sedar ada pencuri telefon?

Tuan Yang di-Pertua: Dia curi telefon?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Yang menyebabkan tuan telefon itu terpaksa menerima beban yang berat misalnya dengan kegunaan dia mungkin tidak sampai puluh ataupun ratus tetapi oleh kerana orang lain menggunakan telefon dia dengan tidak disedari. Perkara ini memang berlaku, jadi saya ingin tahu adakah pihak Kementerian berkenaan sedar pencuri yang melakukan tindakan ini. Kalau sudah sedar bagaimanakah usaha untuk mengesankan supaya dapat diatasi.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soaian peringkat awal tadi mengatakan mencuri alat telefon rupanya Yang Berhormat merujuk kepada kemungkinan mencuri line agaknya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada sistem yang ada sama ada dari segi teknologi yang ada dan juga pengawasan yang dibuat, mencuri line ini tidak ada. Lebih-lebih

lagi kalau sekiranya kita merujuk kepada kemudahan yang terakhir iaitu detail billing kalau sekiranya ada komplek mengenai perkara yang seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, maka Syarikat Telekom Malaysia terdedah kepada kenyataan-kenyataan yang terbuka yang terkandung dalam detail billing tadi. Jadi, kalau sekiranya perkara ini berbangkit maka sewajarnya pihak yang berkenaan merujuk terlebih dahulu kepada Syarikat Telekom Malaysia di peringkat tempatan ataupun di kedainya dan kalau sekiranya perkara itu tidak selesai di peringkat itu sewajarnya merujuk kepada pihak Ketua pengarah, Jabatan Telekom Malaysia untuk diambil tindakan yang sewajarnya.

WANG HARTA PESAKA ANAK YATIM DILABURKAN

12. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk melipatgandakan wang harta pesaka anak-anak yatim yang dipegang oleh Jabatan Amanah Raya. Adakah Kementerian merancang untuk melaburkan wang tersebut ke dalam saham-saham syarikat seperti Amanah Saham Nasional (ASN) untuk menjamin pembiayaan sekolah dan masa depan anak-anak yatim terlibat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, segala wang yang diamanahkan kepada Pemegang Amanah Raya Malaysia adalah disatukan dan dikumpulkan di dalam satu tabung yang dinamakan Kumpulan Wang Am. Pemegang Amanah Raya atau Public Trustee Common Fund, dengan izin, yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Pemegang Amanah Raya 1950. Wang Anak-anak Yatim yang dipegang oleh Pemegang Amanah Raya termasuk dalam Kumpulan Wang Am ini.

Dengan persetujuan Lembaga Pelaburan, Pemegang Amanah Raya Kumpulan Wang Am ini dilaburkan sama ada secara:

- (1) Simpanan tetap di dalam institusi kewangan yang diluluskan; atau
- (2) membeli saham-saham tertentu dalam syarikat yang mempunyai modal dibayar sebanyak \$5 juta dan telah membayar dividen tidak kurang dari 5% pada tiap-tiap tahun dalam masa 5 tahun berturut-turut sebelumnya.

Segala dividen dan faedah akan diberi kepada setiap kes amanah di dalam Kumpulan Wang Am dan kadar faedahnya adalah bergantung kepada jumlah keuntungan yang diperolehi dan pengesyoran yang dibuat oleh Lembaga Pelaburan Pemegang Amanah Raya dan diluluskan oleh Menteri. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 1989 kadarnya ialah 7%. Bagi pelaburan ke dalam Amanah Saham Nasional, dukacita surat ikatan Amanah Saham Nasional tidak membenarkan sesiapa membeli saham bagi pihak orang lain dan sebagai Pemegang Amanah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dividen simpanan tetap ataupun keuntungan daripada saham-saham yang diperolehi melalui Kumpulan Wang Am di mana wang anak yatim ini disimpan. Berapa banyakkah sekarang ini wang tersebut dikeluarkan untuk faedah anak yatim itu sendiri? Berapa jumlah anak-anak yatim yang dikira mendapat faedah daripada hasil tersebut dan soalan No. 2, apakah Kementerian Kehakiman bercadang untuk menasihati pihak Pemegang Amanah Raya supaya wang-wang kepunyaan anak yatim ini disimpan dalam Bank Islam iaitu seperti simpanan tetap ataupun

sebagainya tetapi yang dihalalkan oleh Islam sebagai wang kepunyaan anak-anak yatim. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada mempunyai angka-angka tentang bilangan anak yatim yang mendapat faedah daripada pelaburan caruman ini. Walau bagaimanapun saya akan memberi jawapan ini secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Mengenai cadangan supaya menasihatkan Pemegang Amanah Raya supaya melaburkan wang ini dalam Bank Islam, insya Allah saya akan berbuat demikian. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita mendengar satu berita yang sungguh dahsyat, iaitu saya ingin tahu sekumpulan orang profesional mahkamah, kalau tidak silap saya peguam itu telah menyalahgunakan wang Kumpulanwang Am Anak Yatim yang saya kira melibatkan kira-kira 8 orang peguam.

Saya ingin tahu apakah tindakan yang dibuat oleh mana-mana pihak khususnya daripada Majlis Peguam ataupun pihak Kementerian sendiri dan berapa banyakkah wang itu terlibat, siapakah yang terlibat dan bagaimana perkara ini boleh diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat soalan ini tidak berbangkit. Adakah Yang Berhormat Menteri sedia hendak menjawab jikalau hendak menjawab?

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat itu merujuk kepada satu berita dalam *The New Straits Times*, muka hadapan hari ini di mana kalau tidak salah ingatan saya telah dilaporkan bahawa beberapa orang peguam telah menyelewengkan wang ataupun tidak membayar wang yang

sepatutnya dibayarkan kepada mereka ini.

Saya hanya hendak memberi pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, iaitu saya berasa amat sedih dan dukacita perkara macam ini dilakukan oleh segelintir kecil pihak-pihak yang berkenaan iaitu peguam. Ini saya rasa merupakan satu kumpulan, dengan izin, "black sheep" dalam satu keluarga dan saya yakin Ahii-ahli Yang Berhormat terutama sekali mereka yang terdiri dari peguam tidak bersetuju dengan perbuatan seperti ini dan seharausnya dikecam perbuatan seperti ini kerana pada pandangan saya ini merupakan satu "pecah amanah" agaknya kerana mereka yang telah diberi tanggungjawab untuk mewakili ataupun membela nasib mereka telah tidak menjalankan tugas sepertimana yang kita harapkan. Perbuatan seperti ini saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, adalah memalukan profesion itu sendiri. Oleh itu, saya rasa sepatutnya pihak-pihak berkenaan, terutama sekali Majlis Peguam patutlah mengambil tindakan yang tegas dan keras terhadap mereka segelintir kecil yang terlibat supaya jangan mereka menjatuhkan mertabat dan maruah profesion mereka itu.

KWSP—PENGELUARAN CARUMAN

13. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah benar pihak KWSP telah mengambil suatu tindakan drastik untuk tidak memberi beberapa jenis pinjaman kepada pembeli-pembeli rumah kos murah dengan sebab beberapa penyelewengan yang telah berlaku dalam sistem pinjaman tersebut. Jika penyelewengan seperti ini telah berlaku bukankah hasrat Kementerian ini untuk meningkat dan menaik mutu perkhidmatannya

untuk mengelakkan penyelewengan seperti tersebut dan bukan untuk "freeze" dan mengurangkan bilangan pinjaman yang sedang diberi oleh KWSP kepada peminjam-peminjam; dan

- (b) adakah Yang Berhormat sedar beberapa projek Perumahan Kos Rendah telah tergendala dengan keadaan polisi yang tertutup dengan prinsip-prinsip yang "laissez-faire" untuk memberi pinjaman KWSP kepada pembeli-pembeli rumah kos murah yang layak. Jika sedar, apakah tindakan yang telah diambil dan jika ada proses yang baru apakah sebenarnya prinsip-prinsip baru yang membolehkan seorang pembeli mendapat pinjaman dari KWSP dengan lebih mudah dan tepat.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adakah tidak benar wujudnya tindakan untuk membekukan kemudahan pengeluaran caruman KWSP untuk tujuan membeli rumah kos rendah berikutan terjadinya beberapa kes penyelewengan dalam pengeluaran caruman KWSP bagi tujuan ini. Penyelewengan yang dikatakan telah berlaku itu adalah berhubung dengan setengah-setengah ahli KWSP yang sebenarnya tidak ingin membeli rumah kos rendah tetapi telah memalsukan dokumen-dokumen jual-beli untuk mengeluarkan caruman mereka;
- (b) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KWSP akan meneruskan sistem kawalan yang ada sekarang untuk menentukan supaya pengeluaran yang

dibuat itu adalah benar-benar digunakan bagi membiayai belian rumah tersebut. Oleh yang demikian, pihak KWSP telah mengenakan syarat dan peraturan bahawa semua permohonan pengeluaran caruman bagi pembelian rumah hendaklah disertakan dengan perjanjian Jual Beli dan Surat Kelulusan Pinjaman Perumahan sebagai bukti bahawa ahli benar-benar membeli rumah.

Kenyataan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan tergendalnya projek-projek perumahan kos rendah adalah tidak begitu jelas. Walau bagaimanapun, pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat dan sistem kawalan skim pengeluaran caruman KWSP tidak ada kena-mena dengan kegagalan sesuatu projek perumahan kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 8 dan 14 hingga 32 adalah diberi di bawah ini).

TRUNK ROAD BAGI SATU KILOMETER—ANGGARAN KOS

1. Dr Nicholas Munong Ibau minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) Berapakah jumlah anggaran perbelanjaan membina satu kilometer "Trunk Road", satu kilometer Feeder Road (Jalan Kampung Berbatu); dan
- (b) Adakah Jabatan Kerjaraya di Sarawak, Sibuan Sarawak dijemput oleh Majlis Luar Bandar Sibuan Sarawak untuk memberi runding pakar (Civil Engineers Expert Advice) semasa melaksanakan projek membina jalan kampung di luar bandar di Sibuan.

Menteri Kerjaraya (Datuk Leo Moggie anak Irok):

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran kos membina satu kilometer jalan raya utama (Trunk Road) Sarawak adalah di antara \$500,000 hingga \$850,000, sementara untuk jalan raya kampung berbatu (Feeder Road) adalah \$120,000 hingga \$150,000; dan
- (b) untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Kerjaya telah diberitahu bahawa JKR Negeri Sarawak atau JKR Sibul pada masa sekarang tidak dijemput oleh Majlis Luar Bandar Sibul untuk memberi runding pakar semasa melaksanakan projek membina jalan kampung di luar bandar Sibul.

SUIL PEPERIKSAAN BERSAMA SEKOLAH MENENGAH CINA PERSENDIRIAN— MENGIKTIRAF

8. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan akan mengiktirafkan Sijil Peperiksaan Bersama Sekolah Menengah Cina Persendirian bagi tujuan kemasukan ke dalam universiti-universiti tempatan dan lain-lain institusi pengajian tinggi kerana sijil tersebut diberi pengiktirafan bagi tujuan kemasukan ke universiti-universiti dan institusi-institusi pengajian tinggi di banyak negara termasuk United Kingdom, Amerika Syarikat dan Jepun.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mengiktirafkan Sijil Peperiksaan Bersama Sekolah Menengah Cina Persendirian sebagai tujuan kemasukan ke universiti-universiti

tempatan dan institusi-institusi lain di bawah Kementerian Pendidikan.

PENDERITAAN NELAYAN SABAH

14. Tuan Maidon P. Pansai minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan sedar tentang penderitaan masyarakat nelayan di daerah Kota Belud, Sabah akibat kegiatan para nelayan asing yang menggunakan pukut tunda selalu mengganggu para nelayan tempatan. Ini disebabkan tidak ada kawasan larangan yang ditentukan oleh Kerajaan. Kalau tak sedar, apakah Kerajaan tidak menyiasat perkara ini. Dan kalau sedar, bolehkah Kerajaan pertimbangkan penentuan kawasan karangan di perairan Pantai Daerah Kota Belud bermula daripada Kg. Ambong Point Long: 116 degree 16.7'E dan Lat: 6 degree 9.5'N hingga ke Tanjung Sempang Mengahau Long: 116 degree 44.7'E dan Lat: 7 degree 2.5'N sejauh 3 batu daripada pantai.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Kementerian Pertanian Malaysia sentiasa menyedari tentang penderitaan masyarakat nelayan akibat kegiatan para nelayan-nelayan pukut tunda khususnya pukut tunda dari negara asing yang mencero bohi kawasan yang dikenali sebagai kawasan menangkap ikan oleh nelayan-nelayan pukut tradisi di Daerah Kota Belud. Untuk mengatasi masalah ini dan juga untuk melindungi dan mengurus sumber-sumber perikanan serta perkembangan nelayan kecil, pihak Kementerian telah mewujudkan peraturan sementara mengenai penangkapan ikan yang menggunakan pukut tunda. Mulai dari 1 Januari, 1990 seluruh Pantai Barat Sabah (termasuk kawasan dari Ambong Point ke Tg. Sempang Menyayu) akan diisytihar kawasan larangan bagi bot pukut tunda yang lebih dari 10 tan GRT meliputi kawasan 3 batu nautika dari pantai

tanah besar sehingga satu dasar pengurusan perikanan yang tetap disediakan.

BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH

15. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan bersedia menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa keutamaan di sekolah-sekolah, universiti-universiti dan kolej-kolej memandangkan kejatuhan taraf bahasa ini di dalam negeri dan memandangkan kepentingan bahasa ini sebagai bahasa pengangkutan untuk berkomunikasi antarabangsa.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahasa Inggeris sudahpun dijadikan bahasa kedua yang utama di negara ini. Walaupun Bahasa Malaysia menjadi bahasa rasmi, namun kedudukan bahasa Inggeris tetap dipelihara memandangkan pentingnya bahasa itu dalam menimba ilmu pengetahuan dan sebagai bahasa perhubungan. Perhatian yang serius diberikan terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di semua peringkat dan usaha sentiasa dijamin bagi meningkatkan lagi tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar dan tenaga pengajar.

PENYEMBUHAN PENYAKIT DAN PEMBEDAHAN

16. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah kesudahan penyelidikan yang dibuat ke atas penyembuhan penyakit dan pembedahan yang dilakukan tanpa alat-alat pembedahan. Dan sama ada Kementerian beliau yakin akan pembedahan yang dijalankan tersebut. Jika tidak, adakah Kementerian beliau membenarkan mereka berkenaan mengamalkan cara rawatan seperti ini.

Tuan Chua Jui Meng: Kementerian Kesihatan telah pun memulakan penyiasatan terhadap perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu semenjak 16hb September 1989. Walau bagaimanapun, penyiasatan perkara seperti ini akan memakan masa dan ianya belum lagi berakhir. Penyiasatan yang lebih mendalam, termasuk "perhatian pembedahan" dan pemeriksaan sebarang tisu yang "dikeluarkan" dari pesakit-pesakit adalah perlu untuk memahami apa sebenarnya amalan perubatan yang dijalankan. Dari itu pada masa ini Kementerian belum boleh memberi apa-apa ulasan mengenai perkara-perkara lain yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat di dalam soalnya itu sehingga penyiasatan mengenainya selesai.

ANGGOTA TENTERA TERLIBAT DENGAN KECURIAN DI NAMIBIA

17. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah kedudukan salah seorang anggota Tentera kita yang turut berkhidmat di Namibia Afrika yang dilaporkan terlibat dengan kes mencuri di negara itu, jika kes itu betul apakah jenis tindakan yang diambil.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Salah seorang anggota tentera kita yang terlibat dengan kejadian tersebut telah pun dibicarakan oleh Pegawai Memerintahnya, tindakan telah diambil mengikut lunas-lunas perundangan yang sedia ada di mana anggota yang terbabit telah diturunkan pangkat dari Lans Kopral kepada Prebet. Anggota tersebut telah dihantar balik ke tanahair untuk meneruskan tugas-tugasnya di sini.

BUKU PANDUAN TELEFON

18. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapakah Buku

Panduan Telefon bagi tahun 1989 masih belum lagi diterbitkan dan diedarkan kepada pengguna-pengguna telefon dan ini menimbulkan banyak kesulitan kepada orang ramai dan apakah langkah-langkah Kementerian beliau telah mengambil bagi menyelesaikan masalah ini dan mengapakah langkah-langkah sedemikian gagal.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak STM telah pun mengumumkan bahawa pihaknya tidak dapat mengeluarkan buku panduan bagi tahun 1989 oleh kerana pihak kontraktor yang diberi kontrak untuk menerbitkannya menghadapi masalah urusan penyempurnaan kontrak.

Sebagai latar belakang, dalam bulan Disember 1986, Jabatan Telekom Malaysia pada masa itu telah menandatangani satu kontrak dengan General Telephone Directory Company (Malaysia) Bhd. untuk menerbitkan buku panduan telefon bagi pihaknya selama lima tahun mulai tahun 1987 hingga tahun 1992. Pemberian kontrak ini dibuat atas satu bentuk bayaran "royalty" tahunan. Syarikat tersebut telah berjaya menerbitkan buku panduan bagi tahun 1987 dan 1988.

Akan tetapi pada akhir tahun 1988, pihak General Telephone Directory Company memberitahu STM bahawa pihak GTDC tidak boleh lagi menerbitkan buku panduan telefon atas terma kontrak yang sedia ada kerana ia akan mengalami kerugian besar. Beberapa perbincangan diadakan di antara kedua-dua pihak tetapi tidak berjaya mencapai sebarang persetujuan. Sementara itu pihak STM telah cuba mencari cara lain untuk menerbitkan buku panduan telefon bagi tahun 1989, tetapi oleh kerana kesuntukan masa, tidak berjaya membuat demikian.

Berikutan dengan itu pihak STM telah pun mewujudkan sebuah anak

syarikatnya sendiri yang dikenali sebagai Telekom Publications Sdn Bhd (TPSB) untuk mengendali penerbitan buku panduan telefon di masa hadapan. Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kerja-kerja dan persiapan untuk mengeluarkan buku panduan telefon bagi tahun 1990 sedang berjalan lancar. Pihak STM telah pun membuat pengumuman bahawa buku itu akan diedarkan kepada pengguna-pengguna menjelang tahun hadapan.

Sementara itu pihak Kementerian telah meminta STM supaya mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengurangkan kesulitan yang bakal dialami oleh pengguna-pengguna.

Dalam hubungan ini, STM telah pun mengambil langkah berkenaan dengan meningkatkan kemudahan perkhidmatan PNATAS (Panduan Telefon Awam Segera) iaitu satu perkhidmatan pertanyaan panduan telefon berkomputer bagi membolehkan pertanyaan-pertanyaan pengguna dilayan dengan cepat.

KONSERT SHEILA MAJID DI UNIVERSITI MALAYA

19. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah pendirian Kementerian Pendidikan berhubung dengan Konsert Rock atau seperti Konsert Sheila Majid yang diadakan di Universiti Malaya yang dibantah oleh sebahagian mahasiswa-mahasiswa apabila diadakan di universiti-universiti. Apakah Kementerian Pendidikan akan mengeluarkan garis panduan yang tegas berhubung dengan sebarang kegiatan sosial dan kebudayaan kampus-kampus universiti dan pusat pengajian tinggi.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa menyokong semua aktiviti kampus

yang sihat seperti acara sukan, kegiatan ko-kurikulum, kebudayaan dan sebagainya. Pihak Kementerian Pendidikan mempunyai kepercayaan bahawa pengurusan universiti akan sentiasa memastikan bahawa kegiatan sosial dan kebudayaan tidak akan menjejaskan keharmonian sosial di kampus.

Berhubung dengan Konsert Sheila Majid, Kementerian Pendidikan merasakan segala bentuk bantahan haruslah dibuat mengikut saluran tertentu dan bukan secara liar.

SEKOLAH MENENGAH TUN PERAK—DERMA SURAU

20. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa pelajar-pelajar bukan Islam yang tidak mampu atau tidak menderma wang yang cukup kepada Tabung Pembinaan Sekolah telah dianaktirikan oleh guru-guru dan jika ya, nyatakan apakah tindakan yang beliau akan ambil terhadap mereka; dan
- (b) apakah tindakan yang telah diambil terhadap seorang guru, Encik Kamaruddin di Sekolah Menengah Tun Perak, Jasin, Melaka yang melakukan kekerasan fizikal ke atas muridnya, Seah Tiong Hock dari Tingkatan IP2 pada 31-5-1989 yang hanya mampu menderma \$2.50 bagi pembinaan sebuah surau.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) berdasarkan laporan yang diterima tuduhan menyatakan pelajar-pelajar bukan Islam yang tidak mampu atau tidak menderma kepada Tabung Pembinaan Sekolah telah dianaktirikan oleh guru-guru

adalah tidak benar dan tidak berlaku di mana-mana sekolah di Melaka.

- (b) berdasarkan laporan yang diterima juga, guru berkenaan tidak melakukan kekerasan fizikal ke atas murid tersebut. Sebenarnya Sekolah Menengah Tun Perak, Jasin, Melaka tidak memungut derma daripada pelajar-pelajar bukan Islam.

Guru berkenaan cuma mengenakan denda yang ringan kepada pelajar berkenaan kerana bersikap biadap dan mengeluarkan perkataan yang tidak sedap didengar. Beliau bertindak demikian untuk mendidik dan menanamkan nilai moral yang baik kepada pelajar berkenaan.

Walau bagaimanapun, demi keperluan perkhidmatan, guru berkenaan kini telah ditukarkan ke Sekolah Menengah Datuk Bendahara, Melaka mulai 1 Ogos 1989.

KANAK-KANAK/ISTERI TERANIAYA—PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

21. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) sama ada peruntukan undang-undang untuk melindungi penganiayaan kanak-kanak dan isteri-isteri mencukupi; dan
- (b) apakah kejayaan-kejayaan dari segi penguatkuasaan terhadap kanak-kanak dan isteh-isteri yang telah dianiaya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui):

- (a) Peruntukan undang-undang untuk melindungi kanak-kanak

adalah seperti yang terkandung di dalam Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947. Akta ini mempunyai perbekalan mengenai langkah-langkah menyelamatkan kanak-kanak yang teraniaya dan menentukan hukuman bagi mereka yang disabit dengan kesalahan itu. Kementerian Kebajikan Masyarakat kini sedang menggubal sebuah Akta yang lebih lengkap terhadap perlindungan dan kebajikan kanak-kanak yang dikenali sebagai Akta Perlindungan Kanak-kanak. Penganiayaan atau keganasan terhadap isteri adalah isu yang sedang hebat diperbincangkan sekarang. Adalah didapati tiada Akta khusus bagi melindungi mereka. Beberapa pertubuhan sukarela seperti Persatuan Peguam Wanita, Majlis Pertubuhan Kebajikan Wanita dan pertubuhan lain sedang berusaha menyediakan draf undang-undang bagi memenuhi maksud itu.

(b) Kejayaan yang ketara dari segi penguatkuasaan undang-undang bagi menyelamatkan kanak-kanak yang teraniaya ialah:

- (i) kerjasama yang didapati dari ahli masyarakat melaporkan kejadian kepada pihak berkuasa;
- (ii) usaha dari pelbagai pihak meningkatkan kesedaran masyarakat melalui perbincangan bengkel, seminar dan sebagainya;
- (iii) media massa juga turut memainkan peranan menyebarkan maklumat kepada semua lapisan masyarakat;
- (iv) pelajar dari pusat pengajian tinggi dan murid-murid sekolah

sekarang lebih peka terhadap masalah penganiayaan.

BANJIR DI WILAYAH PERSEKUTUAN—PENCEGAHAN

22. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah wang yang diperuntukkan khas bagi pembinaan infrastruktur di bawah program Tebatan Banjir di sekitar Wilayah Persekutuan pada amnya, dan di kawasan Kepong-Jinjang pada khususnya, setiap tahun sejak tahun 1984;
- (b) daripada jumlah wang yang diperuntukkan setiap tahun, apakah jumlah wang yang sebenarnya dibelanja pada tahun-tahun berkenaan;
- (c) mengikut statistik-statistik luas kawasan, ketinggian air, kekerapan banjir kilat serta bilangan isirumah yang perlu dipindah, apakah tahap pencapaian yang berhasil daripada kerja pembinaan berbanding dengan masa sebelum adanya infrastruktur ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Kerajaan telah memperkenalkan dua rancangan pencegahan banjir bagi Wilayah Persekutuan iaitu:

- (i) Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur.
- (ii) Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan.

Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur bertujuan memperbaiki sungai-sungai utama di Kuala Lumpur iaitu Sungai Kelang, Sungai Batu dan Sungai Gombak serta membina Empangan Sungai Batu dan meninggikan Empangan Kelang Gate

untuk menahan lebihan larian air hujan dari turun membanjiri Kuala Lumpur. Rancangan ini telah dimulakan pada tahun 1975 dan dianggarkan menelan belanja \$385 juta. Sehingga kini lebih dari \$140 juta telah dibelanjakan.

Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan bertujuan memperbaiki sungai-sungai yang lain selain dari tiga sungai utama di atas. Rancangan ini telah dimulakan pada tahun 1978 dan berbagai pihak seperti Jabatan Pengairan dan Saliran, Kementerian Pertanian, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pihak swasta (pemaju kawasan perumahan) turut melaksanakannya. Sehingga kini sepanjang 111 km daripada 360 km (31%) perparitan di Wilayah Persekutuan telah dibaiki. Di bawah Rancangan ini, Kerajaan telah membelanjakan \$3.8 juta di kawasan Jinjang-Kepong (sehingga 1988). Pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut:

	\$
1980-1982	3.32 juta
1986 ..	205ribu
1987 ..	256ribu
1988 ..	95ribu
1989 ..	300 ribu (jangkaan)
1990 ..	969 ribu (jangkaan)

Kesemua peruntukan memperbaiki sungai dalam sesuatu Rancangan Malaysia lima tahun dijangka akan dapat dibelanjakan sepenuhnya. Perbelanjaan sebenar dari tahun ke tahun adalah berbeza kerana masalah teknikal dan sosial di tapak yang berkenaan seperti masalah kelewatan pengambilan balik tanah untuk melebarkan sungai, setinggan dan lain-lain.

Daripada kajian yang dibuat kekerapan banjir kilat di kawasan Jinjang-Kepong adalah seperti berikut:

- (i) Kg Railway Gate—kekerapan 5 kali setahun sedalam 0.75m.

- (ii) Tapak Perindustrian Segambut—kekerapan 10 kali setahun sedalam 0.75m.
- (iii) Taman Zamboo—kekerapan 5 kali setahun sedalam 0.75m.
- (iv) Kg Ipoh—kekerapan 5 kali setahun sedalam 0.75m.

Pada tahun 1976, empat (4) kawasan di Kepong sering dilanda banjir kilat iaitu Bandar Kepong, Kg Railway Gate, Taman Sri Segambut dan tapak perindustrian di Segambut Dalam. Projek Penyaluran Sg Keroh—Peringkat 1, siap dilaksanakan pada tahun 1982 berharga \$3.32 juta telah menyelesaikan masalah banjir di Taman Kepong; projek membina Ban di Taman Sri Segambut siap dilaksanakan pada tahun 1987 berharga \$461,000.00 telah menyelesaikan masalah banjir yang sering melanda 100 buah rumah teres di Taman Sri Segambut. Kerja-kerja menyelesaikan masalah banjir kilat di Kg Railway Gate dan tapak perindustrian Segambut Dalam masih dalam proses pengambilan balik tanah untuk melebarkan sungai. Di kawasan Jinjang pula, kawasan yang sering dilanda banjir kilat ialah Taman Kok Lian. Satu tender telah dipanggil dan pembinaan memperbaiki pengaliran Sungai Jinjang berharga \$1.7 juta akan dimulakan pada bulan November, 1989.

KAD PENGENALAN—LAPORAN KEHILANGAN

23. Tuan Haji Mohamed bin Haji Yaacob minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah motif yang sebenarnya mengenai dengan laporan kehilangan kad pengenalan sebanyak 822,902 dalam tempoh 4 tahun 3 bulan iaitu tahun 1985 hingga bulan Mac 1989;
- (b) apakah sebabnya pemohon-pemohon kad pengenalan tidak

mengambil kadnya dalam tempoh 4 tahun sehingga dimusnahkan sebanyak 12,137 dalam tempoh 4 tahun iaitu dari 1985 hingga 1989.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Adalah sukar mendatami motif sebenar di sebalik kehilangan Kad Pengenalan tersebut. Tetapi bagi pihak Kerajaan tujuan penghebahan mengenai laporan tersebut ialah untuk memberi peringatan serta menyedarkan orang ramai akan pentingnya menjaga Kad Pengenalan mereka dengan lebih berhati-hati supaya kad-kad tersebut tidak disalahgunakan oleh mereka yang tidak berhak memilikinya.
- (b) Pemohon-pemohon Kad Pengenalan tidak mengambil kad berkenaan disebabkan oleh faktor-faktor antara lainnya:
 - (i) Pemohon berpindah alamat dan mereka tidak memberitahu Jabatan Pendaftaran mengenai pertukaran alamat terbaru,
 - (ii) Pemohon menjumpai semula kad yang dilaporkan hilang,
 - (iii) Pemohon menunggu masa yang sesuai untuk mengambilnya,
 - (iv) Pemohon telah meninggalkan Malaysia, dan
 - (v) Pemohon telah meninggal dunia.

**BURUH ASING BEKERJA
DI LADANG-LADANG**

24. Dr. Eng Seng Chai minta Menteri Buruh menyatakan apakah hasil penyiasatan Kementeriannya terhadap kumpulan-kumpulan buruh orang asing yang mempunyai kad pengenalan

warna merah dan biru sebaik sahaja mereka tiba di Malaysia. Sudahkah Kementeriannya melaporkan kes-kes ini dengan rasmi kepada Polis dan Kementerian Dalam Negeri. Jika sudah, apakah tindakan mereka setakat hari ini menentang majikan-majikan dan orang-orang buruh asing yang terlibat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buruh asing yang datang ke negara ini, sebelum dihantar keladang-ladang untuk bekerja, mereka terlebih dahulu akan disoal periksa "interrogate", dengan izin, oleh Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis. Tindakan ini bertujuan untuk memastikan mereka tidak menyalahi peraturan dan undang-undang negara ini. Semasa kehadiran mereka disini, seandainya terdapat mereka yang cuba melanggar atau melakukan kesalahan yang bercanggah dengan peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan, tindakan tegas akan diambil dan mereka akan diusir keluar.

Bagi majikan-majikan atau orang-orang yang cuba bersubahat atau memberi perlindungan kepada mereka ini, pihak Kerajaan tidak akan teragak-agak mendakwa mereka di Mahkamah.

**BANDUAN MELEPASKAN DIRI
DARI PENJARA**

25. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejak kebelakangan ini sering berlaku kejadian banduan melarikan diri dari pusat-pusat tahanan (Penjara dan sebagainya). Apakah punca yang menyebabkan kejadian seperti ini boleh berlaku sedangkan sebelum ini jarang sekali ianya berlaku. Adakah pihak kerajaan sudah menemui sesuatu rumusan yang sesuai untuk mengatasi ini dan mencegahnya dari berlaku lagi. Sila

butirkan berapakah ramai banduan-banduan yang terlibat dengan kejadian ini dalam tahun 1986, 1987, 1988 dan 1989.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Antara sebab-sebab utama yang membolehkan banduan-banduan melepaskan diri daripada penjara ialah:

- (i) kelalaian pegawai penjara semasa menjalankan tugas.
- (ii) peluang yang wujud semasa menyertai "Projek Khidmat Bakti" di luar penjara;
- (iii) keadaan fizikal penjara yang sudah tidak sesuai serta kurangnya kemudahan peralatan kawalan yang disediakan; dan
- (iv) keadaan kesesakan di penjara tertentu menyebabkan banduan-banduan berpeluang untuk melarikan diri.

Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi mencegah kelarian adalah:

- (i) mengenakan tindakan tata-tertib yang keras termasuk buang kerja keatas pegawai penjara yang didapati cuai menjalankan tugas;
- (ii) mempergiatkan rondaan di sekeliling penjara-penjara;
- (iii) menambahkan bilangan pegawai penjara bagi mengawal banduan-banduan yang perlu dibawa keluar daripada penjara misalnya untuk mendapatkan rawatan di hospital atau menghadiri perbicaraan di mahkamah;
- (iv) membina lebih banyak menara-menara kawalan;
- (v) menambah pemasangan "sportlight" (dengan izin) di sekeliling tembok penjara;
- (vi) Menambahkan pemasangan wire kecemasan disekeliling pagar di atas tembok penjara

bagi menghalang banduan-banduan memanjat tembok penjara;

- (vii) memindahkan banduan-banduan daripada penjara yang mengalami kesesakan ke penjara-penjara yang baru dibina/penjara-penjara yang tidak mengalami kesesakan;
- (viii) menghantar pegawai penjara menghadiri kursus keselamatan dan semasa ke semasa; dan
- (ix) mempergiatkan program pemulihan supaya ianya lebih berkesan.

Berikut diperturunkan perangkaan mengenai bilangan banduan melarikan diri daripada penjara.

<i>Tahun</i>	<i>Kelarian</i>
1986	30 orang
1987	44 "
1988	34 "
1989 (sehingga September 1989)	27 "

PENGEDAR DADAH YANG DITANGKAP

26. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan pengedar dadah yang ditangkap dan di tuduh di bawah Seksyen 39 (A) Akta Dadah Berbahaya berkaitan tahun-tahun 1987, 1988 dan tempoh sehingga Ogos 1989;
- (b) bilangan pengedar dadah yang ditangkap dan di tuduh di bawah 39 (B) Akta Dadah Berbahaya berkaitan tahun-tahun 1987, 1988 dan tempoh sehingga Ogos 1989;
- (c) bilangan pengedar dadah yang menjalani hukuman penjara seumur hidup dan bilangan pengedar yang dijatuh hukuman gantung sampai mati berkaitan

tahun-tahun 1987, 1988 dan tempoh sehingga Ogos 1989;

- (d) bilangan orang yang ditangkap dan ditahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1984 berkaitan tahun-tahun 1987, 1988 dan tempoh sehingga Ogos 1989; dan

- (e) bagaimanakah Kerajaan menilai usahanya untuk mengatasi masalah dadah dalam negara sejak pelancaran kempen anti-dadah, bagaimanakah keberkesanan kempen ini memandangkan wabak dadah masih merupakan satu ancaman utama kepada masyarakat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Bilangan pengedar dadah yang ditangkap dan dituduh di bawah Seksyen 39 (A) Akta Dadah Berbahaya bagi tahun-tahun 1987, 1988 dan sehingga bulan Ogos 1989 ialah seperti berikut:

1987		1988		1989 (Ogos)	
Tangkap	Dituduh	Tangkap	Dituduh	Tangkap	Dituduh
423	398	672	641	465	366

- (b) Bilangan pengedar dadah yang ditangkap dan dituduh di bawah Seksyen 39 (B) Akta Dadah Berbahaya bagi tahun-tahun 1987, 1988 dan sehingga bulan Ogos 1989 ialah seperti berikut:

1987		1988		1989 (Ogos)	
Tangkap	Dituduh	Tangkap	Dituduh	Tangkap	Dituduh
525	308	561	292	368	278

- (c) Bilangan pengedar dadah yang menjalani hukuman penjara seumur hidup dan bilangan pengedar yang dijatuhkan hukuman gantung sampai mati bagi tahun-tahun 1987, 1988 dan sehingga Ogos 1989 ialah seperti berikut:

	1987	1988	1989 (Ogos)
Penjara Seumur Hidup	9	8	1
Hukuman Gantung	34	56	44

- (d) Bilangan orang yang ditangkap dan ditahan dibawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 dalam tahun-tahun 1987, 1988 dan sehingga Ogos 1989 ialah seperti berikut:

	1987	1988	~ 1989 (Ogos)
Tangkapan Sek. 3 (1) ABD (LLPK)	300	446	313
Tahanan Sek. 6 (1) ABD (LLPK)	279	391	203

- (e) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kempen pencegahan dadah telah pun dilancarkan sejak tahun 1983. Berbagai bentuk program dan aktiviti telah diatur bagi menjayakan usaha tersebut yang bertujuan untuk:

- (i) mengurangkan bekalan dadah yang di bawa masuk kedalam negara;
- (ii) menyedarkan masyarakat mengenai bahaya dan ancaman dadah;
- (iii) mendapatkan penyertaan masyarakat dalam usaha-usaha pencegahan dan pengawalan masalah dadah;
- (iv) merawat serta memulihkan mereka yang telah terlibat dalam penagihan.

Penilaian yang dijalankan adalah untuk melihat sama ada usaha ini telah membawa hasil.

Usaha-usaha untuk menyekat ke-masukan dadah ke dalam negara telah mula nampak berkesan. Jumlah dadah yang dapat dirampas telah meningkat. Agensi-agensi penguatkuasaan di Malaysia telah berjaya merampas sejumlah besar dadah yang diseludup masuk ke negara ini. Pada masa yang sama bilangan pengedar yang telah ditangkap telah meningkat. Kejayaan-kejayaan agensi-agensi penguatkuasaan ini adalah

hasil daripada maklumat-maklumat yang diberikan orang ramai.

Kesedaran mengenai ancaman dan bahaya dadah dikalangan masyarakat adalah lebih tinggi pada masa ini. Masyarakat lebih rela terlibat dalam usaha-usaha pencegahan dadah sama ada di peringkat pencegahan awalan, pencegahan penagihan semula ataupun memberi maklumat mengenai kegiatan-pengedaran dan penagihan dadah.

Dalam bidang rawatan dan pemulihan penagih dadah pula, usaha-usaha telah diambil untuk mengembangkan perkhidmatan tersebut. Hasilnya, kini terdapat kira-kira 4,000 orang penagih yang masih menjalani rawatan di pusat-pusat rawatan dan pemulihan. Bilangan Pusat Jagaan Lanjutan juga telah diperbanyakkan untuk meningkatkan lagi peluang bagi penagih dadah bebas daripada dadah. Bilangan penagih dadah yang menerima rawatan dalam program pengawasan juga telah meningkat. Penglibatan masyarakat dalam usaha-usaha merawat dan memulih penagih dadah adalah juga amat menggalakkan.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA— PERUNTUKAN

27. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan jumlah wang yang

akan dibelanjakan sempena dengan "Tahun Melawat Malaysia 1990", jumlah pulangan dari segi kewangan yang dijangka diterima daripada pelancong-pelancong asing, dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah penyakit AIDS daripada dibawa ke negara ini oleh pelancong-pelancong asing.

Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Ng Cheng Kuai):

Jumlah peruntukan yang telah diluluskan oleh Perbendaharaan bagi perbelanjaan Tahun Melawat Malaysia 1990 adalah \$93 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak \$46 juta telah diperuntukkan untuk kegunaan bagi tahun 1989. Dalam tahun 1990 dianggarkan seramai lebih kurang 4.3 juta pelancong asing akan melawat Malaysia dengan jumlah pulangan dari segi kewangan dijangkakan lebih kurang 2.6 billion ringgit.

Mengenai langkah-langkah yang diambil untuk mencegah penyakit AIDS daripada dibawa ke negara ini oleh pelancong-pelancong asing, soalan ini telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam jawapan beliau kepada Soalan Mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman Bakar dari Marang pada 16hb Oktober 1989.

ALAT AMARAN HAD LAJU

28. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar:

- (a) syarat memerlukan lori-lori memasang dua buah alat amaran had laju telah menimbulkan pelbagai masalah dan kesulitan di kalangan tuanpunya dan pemandu lori. Jika ya, sama ada Kementerian beliau bercadang untuk melonggarkan syarat ini dengan memerlukan satu buah alat amaran had laju dipasang sahaja; jika tidak, mengapa.

- (b) keluarga-keluarga mangsa dalam tragedi keruntuhan jeti Pengkalan Sultan Abdul Halim, Butterworth yang berlaku pada 31-7-1988 bercadang supaya sebuah tugu peringatan didirikan di tempat kejadian. Jika ya, apakah pendirian dan keputusan Kerajaan Pusat.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:

- (a) Lori-lori yang diperlukan memasang dua buah alat amaran had laju adalah jenis kenderaan berat (4 1/2 ton ke atas) yang menggunakan lebuh raya dan jalan biasa. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah mewartakan had laju dua tahap iaitu had laju bagi lebuh raya dan satu lagi had laju bagi jalan biasa. Dengan itu, lori-lori berat yang menggunakan lebuh raya dan jalan biasa perlulah memasang dua buah alat amaran had laju, tetapi bagi lori-lori yang dalam operasinya tidak melalui lebuh raya perlu memasang sebuah alat amaran had laju sahaja. Memandangkan terdapat dua tahap had laju yang telah diwartakan, Kementerian Pengangkutan tidak bercadang untuk melonggarkan syarat memasang dua buah alat amaran had laju pada lori-lori yang menggunakan lebuh raya dan jalan biasa.

Keperluan memasang alat amaran had laju sepatutnya tidak menimbulkan sebarang masalah dan kesulitan kepada tuanpunya lori kerana keperluan ini adakah untuk mengurangkan kadar kemalangan dan meningkatkan kadar keselamatan di jalanraya.

- (b) Kementerian Pengangkutan tidak menerima cadangan dari keluarga-keluarga mangsa tragedi

keruntuhan Pengkalan Sultan Abdul Halim bagi sebuah tugu peringatan didirikan di tempat kejadian tersebut. Dengan yang demikian, perkara ini tidaklah timbul.

Walau bagaimanapun, pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang ada menerima cadangan dari Jawatankuasa mangsa-mangsa tragedi meminta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang mendirikan sebuah tugu peringatan di kawasan tersebut. Jemaah Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang telah pun membincang perkara ini dan telah memutuskan permohonan tersebut tidak dapat dipertimbangkan. Keputusan ini telah pun disampaikan kepada Jawatankuasa tersebut melalui surat bertarikh 5hb September, 1989.

telah memberikan kita kekuatan bersama (collective strength) bagi menghadapi berbagai cabaran dalam menyelenggarakan perhubungan luar kita dengan negara-negara lain.

Pergerakan Negara Berkecuali berpegang kepada prinsip tidak mencero bohi hal ehwal dalam negeri negara-negara lain, dan tidak menggunakan kekerasan dalam dasar luar masing-masing, sebagai cara untuk menyelesaikan masalah antarabangsa.

Hasil dari ketegasan dan dasar-dasar di atas, Malaysia, sebagai sebuah negara anggota Pergerakan Berkecuali telah memenangi penghormatan daripada negara-negara lain termasuk kuasa-kuasa besar. Dan hasil-hasil ini juga telah membawa kesan-kesan baik secara langsung dan tidak langsung, kepada perkembangan ekonomi dan sosial di negara kita.

PERGERAKAN NEGARA BERKECUALI (NAM)

29. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah faedah kepada Malaysia menyertai Pergerakan Negara Berkecuali (NAM).

Menteri Luar Negeri (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Pergerakan Negara-Negara Berkecuali bertujuan untuk mempertahankan dan mengekalkan kemerdekaan dan kedaulatan negara-negara anggotanya dalam dunia yang terbahagi kepada blok-blok kuasa besar yang berlainan ideologi. Dalam suasana peperangan dingin di antara kuasa-kuasa besar dasar berkecuali telah menyelamatkan Malaysia daripada terjerumus ke kancan konfrantasi. Sementara itu, dengan menganggotai Pergerakan ini Malaysia telah berpeluang memperkenalkan identiti dan dasar kebangsaan kita kepada dunia luar. Penyertaan kita dalam pergerakan ini

PEGAWAI MEMBURUKKAN DASAR KERAJAAN

30. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah Kerajaan sedar bahawa ada pegawai-pegawai yang bekerja di bawah Jawatankuasa Keselamatan Negeri-negeri tetapi bergerak secara sulit memburukkan dasar-dasar Kerajaan dan pucuk pimpinan. Kalau sedar apakah tindakan yang telah diambil kepada pegawai-pegawai berkenaan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sehingga ini Kementerian Dalam Negeri belum lagi menerima sebarang laporan berhubung dengan pegawai di Jawatankuasa Keselamatan Negeri-negeri yang bergerak secara sulit memburuk-burukkan dasar-dasar Kerajaan dan pucuk pimpinan. Jika Yang Berhormat mempunyai bukti-bukti yang nyata pihak kementerian Dalam Negeri akan menyiasat dan

mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pegawai-pegawai berkenaan.

PEGAWAI PENJARA YANG DITAHAN

31. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah Pegawai-pegawai Penjara yang kini ditahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Bilangan Pegawai Penjara yang kini ditahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 ialah seramai 9 orang.

MANGSA AIDS

32. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang sedang diambil oleh Kementerianya untuk mengatasi masalah kenaikan mangsa "AIDS" yang sedang berlaku di dalam negara kita pada masa kini;
- (b) apakah cara-cara kesihatan yang harus diikuti oleh seorang dewasa kita untuk mengelakkan kejangkitan penyakit tersebut; dan
- (c) selain daripada iklan dalam TV adakah Kementerian akan menjalankan kursus-kursus ataupun kempen-kempen lain untuk memberitahu kepada rakyat kita betapa serius masalah AIDS ini kepada negara kita.

Tuan Chua Jui Meng: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah pun dijawab pada 16-10-1989 kepada soalan mulut oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman Bakar dari Marang.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

KEMATIAN ORANG-ORANG TAHANAN DI LOKAP POLIS, WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR

3.36 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, saya bangun dibawah Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat No. 18 (2) untuk meminta kebenaran hendak mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk membincangkan suatu perkara tertentu kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Tuan Speaker, Usul saya berbunyi:

"Bahawa Dewan ini, di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1), Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Ahli Parlimen Jelutong, Yang Berhormat R. Karpal Singh, menangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk membincangkan kematian lebih kurang 30 hingga 40 orang setahun yang berada semasa tahanan di lokap-lokap Polis di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur akibat, dengan izin, "congestive heart failure with pneumonia" sepertimana didedahkan oleh Pakar Perunding Forensik Hospital Besar, Kuala Lumpur, Dr Abdul Rahman Yusof, pada 25hb Oktober 1989 semasa berkata dalam keterangan dalam siasatan koroner yang kini berjalan atas kematian D. Anthonysamy.

Tuan Speaker, pendedahan ini mengenai satu perkara tertentu telah memeranjatkan oleh kerana ini jelas membaiki bahawa nyawa orang-orang yang ditahan oleh polis dalam lokapnya tidak selamat. Dalam hal ini, sudah jelas juga bahawa Polis tidak mengambil tindakan-tindakan yang sesuai dan memerlukan untuk memastikan

bahawa sesiapa yang di bawah tahanan Polis di lokapnya hendaklah diberi rawatan perubatan rapi supaya tidak berlaku peristiwa-peristiwa kematian seumpama ini.

Tuan Speaker, ini adalah perkara mengenai kepentingan orang ramai kerana kematian ini bukanlah terhad kepada seorang atau dua sahaja, malah berpuluh-puluh yang mati kerana sebab-sebab yang diberi oleh Pakar Perunding Forensik, iaitu dengan izin, "congestive heart failure with pneumonia". Kejadian-kejadian ini tidak boleh di-benar berterusan lagi. Adalah difahamkan bahawa seseorang boleh diserang penyakit, dengan izin, "congestive heart failure with pneumonia" apabila orang itu terdedah kepada "mental stress dan physical torture".

Adalah wajar perkara ini hendaklah disegerakan kerana peristiwa ini melibatkan Polis yang telah tidak bertanggungjawab dan telah menunjukkan kelalaian dalam menjalankan tugas mereka. Keyakinan orang ramai terhadap integriti Polis terus hakis dan ini tidak seharusnya dibenarkan berterusan lagi. Keyakinan orang ramai terhadap Polis hendaklah dipulihkan"

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini saya menerima satu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen kawasan Jelutong. Teks Usul yang berkenaan ialah seperti yang telah dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (2), Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan untuk menangguhkan mesyuarat kecuali beliau puas hati bahawa perkara yang dibangkitkan itu menepati tiga syarat iaitu:

- (i) perkara itu tertentu;

- (ii) perkara itu bagi kepentingan orang ramai; dan

- (iii) ia perlu disegerakan perbincangannya.

Setelah meneliti perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu, saya bersetuju bahawa perkara yang dibangkitkan itu menepati ke semua tiga syarat yang disebutkan. Oleh kerana itu saya memutuskan supaya perkara ini dibincangkan pada jam 5.30 petang ini selama sejam mengikut Peraturan Mesyuarat. (*Tepuk*)

Saya akan membenarkan Ahli mencadang Usul ini mengambil masa setengah jam untuk berbahas dan Yang Berhormat Menteri menjawab selama setengah jam.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PELABUHAN-PELABUHAN (PENSWASTAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi memudahkan pen-swastaaan pengusahaan-pengusahaan pelabuhan mana-mana Pihak Berkuasa Pelaburan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 dan 14 (1) dan dengan tidak menghiraukan Peraturan-peraturan Mesyuarat yang lain-lain, Dewan ini apabila tamat mesyuaratnya hari ini, hendaklah ditangguhkan hingga hari esok, Jumaat, 27hb Oktober, 1989 jam 4.00 petang untuk hanya pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan, 1990 bagi Bacaan Kali Yang Kedua dan Usul Anggaran Pembangunan, 1990 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan sebaik sahaja selepas itu Dewan ini hendaklah ditangguhkan hingga hari Isnin, 30hb Oktober, 1989.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul Yang Berhormat Menteri yang berbunyi:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 dan 14 (1) dan dengan tidak menghiraukan Peraturan-peraturan Mesyuarat yang lain-lain, Dewan ini apabila tamat mesyuaratnya hari ini, hendaklah ditangguhkan hingga hari esok, Jumaat, 27hb Oktober, 1989, jam 4.00 petang untuk hanya pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan, 1990 bagi Bacaan Kali Yang Kedua dan Usul Anggaran Pembangunan, 1990 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan

sebaik sahaja selepas itu Dewan ini hendaklah ditangguhkan sehingga hari Isnin, 30hb Oktober, 1989.

hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 dan 14 (1) dan dengan tidak menghiraukan Peraturan-peraturan Mesyuarat yang lain-lain, Dewan ini apabila tamat mesyuaratnya hari ini, hendaklah ditangguhkan hingga hari esok, Jumaat, 27hb Oktober, 1989 jam 4.00 petang untuk hanya pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan, 1990 bagi Bacaan Kali Yang Kedua dan Usul Anggaran Pembangunan, 1990 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, dan sebaik sahaja selepas itu Dewan ini hendaklah ditangguhkan hingga hari Isnin, 30hb Oktober, 1989.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG DAN SUKAT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (25hb Oktober, 1989)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

3.44 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi beberapa ulasan saya ke atas Rang Undang-undang Timbang dan Sukat yang telah dibentangkan kelmarin oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat pindaan-pindaan ini telah lama ditunggu-tunggu oleh banyak pihak termasuk golongan pengguna di negara ini oleh kerana Akta ini telah berjalan sejak tahun 1972 dan segala yang tidak sesuai lagi dalam Rang Undang-undang ini perlu dipinda atau dikemaskinikan.

Semasa membahaskan Rang Undang-undang ini saya suka menahk perhatian Kerajaan tentang beberapa perkara yang perlu saya bangkitkan di sini yang dirasakan perlu untuk ditimbang oleh pihak yang berkaitan. Mula-mula sekali saya ingin menarik perhatian kepada Fasal 3A Rang Undang-undang yang memberi tafsiran ataupun definisi tentang alat timbang dan sukat awam yang terkandung dalam mukasurat 2 Rang Undang-undang ini di mana ada dijelaskan di sini bahawa alat timbang dan sukat awam bererti apa-apa alat timbang dan sukat yang diadakan untuk kegunaan orangramai dan yang bagi penggunaannya suatu bayaran dikenakan.

Alat timbang dan sukat awam memang perlu disediakan untuk kegunaan orangramai. Dengan alat ini orangramai dan para pengguna berpeluang memeriksa sendiri sukatan dan timbangan, malah kesesuaian, harga bagi setiap barang yang dibeli dan dengan ini mereka dapat memastikan sama ada pembelian itu betul ditimbang dan disukat oleh penjual ataupun sebaliknya. Jika didapati timbangan atau sukatan itu tidak betul semasa dibeli barang-barang yang berkenaan, maka mudahlah mereka mengambil tindakan yang wajar ke atas penjual dan peniaga-peniaga yang tertentu. Akan tetapi, apa yang saya lihat sebagai satu kekurangan dalam fasal ini ialah tidak dinyatakan lokasi alat timbang dan sukat itu akan diletakkan.

Maka, saya berpendapat bahawa alat timbang dan sukat awam yang

disebut dalam Rang Undang-undang ini patut diletakkan di tempat awam yang sesuai seperti di pasar-pasar, kedai runcit yang besar serta di supermarket-supermarket di serata tempat. Alat-alat ini pula tidaklah perlu dikenakan apa-apa bayaran apabila orangramai dan pengguna hendak menggunakannya. Saya rasa bahawa penggunaan alat ini hendaklah secara percuma. Saya kira tidak sesuai para pengguna dan pembeli dikenakan apa-apa bayaran apabila mereka hendak menggunakan alat timbang dan sukat ini.

Di supermarket-supermarket, misalnya, tuanpunya supermarket boleh memasang sendiri alat tersebut di ruang luar pasaraya mereka. Dan untuk pasar-pasar biasa, misalannya di Kuala Lumpur, maka Dewan Bandaraya Kuala Lumpur patut menyediakan alat timbang dan sukat awam sendiri tanpa dikenakan apa-apa bayaran.

Di samping itu saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyarankan bahawa Sijil-sijil Pengesahan atau, dengan izin, Certificate of Verification bagi alat timbang dan sukat hendaklah dipamerkan bersama-sama lesen perniagaan mereka.

Para pembeli tidak perlu tertanya-tanya sama ada alat itu sah digunakan atau sebaliknya dan dengan ini boleh menimbulkan keyakinan pembeli terhadap penjualan. Alat timbang dan sukat patutlah diperiksa setiap tahun seperti alat pemadam api.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin menimbulkan di sini ialah bahawa saya mendapati daripada Rang Undang-undang ini hukuman denda kerana berbagai kesalahan tidak disemak dan dipinda pada keseluruhannya. Saya memperhatikan bahawa pindaan hanya dibentangkan kepada Fasal 8 sahaja yang bertujuan untuk meminda seksyen 19 Akta

induk, iaitu dengan menaikkan denda dari \$200 kepada \$500, manakala kesalahan lain tidak disemak dan dipinda.

Merujuk kepada Fasal 9, iaitu mengenai seksyen 20A (1) dan (2), saya suka menyatakan di sini walaupun ia merupakan satu kesalahan kepada sesiapa yang bukan seorang inspektor menanda cap penentuan, mengubah dan mencatitkan cap penentuan, memindah atau memasang atau meletakkan apa-apa cap selepas ia ditandakan dan sebagainya, tetapi pindaan ini mengecualikan pembuat dan pembuat timbang dan sukat dari melakukan apa-apa kesalahan tertentu jika tindakan itu dilakukan semasa apa-apa penyesuaian atau pembaikan alat itu oleh orang-orang yang berlesen. Oleh itu saya suka mencadangkan sekiranya alat timbang itu perlu diperbaiki atau diubahsuai dan sebagainya oleh pembuat atau pembuat yang dilesenkan, maka selepas pembaikan dan pengubahsuai dilakukan, hendaklah alat itu diperiksa semula dan disahkan oleh pegawai yang berkenaan bagi mengelakkan sebarang penipuan dan penyalahgunaan kuasa oleh pihak tertentu.

Berkenaan dengan skop Rang Undang-undang ini, yang kelmarin telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa salah satu tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meluaskan skop pemakaiannya. Saya suka ingin memastikan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan alat timbang dan sukat, sama ada Rang Undang-undang ini juga meliputi alat-alat timbang berkomputer ataupun computerised weights and measures, dengan izin, di samping penggunaan alat-alat timbang dan sukat biasa. Jika alat timbang berkomputer ini di pakai, maka bagaimanakah pegawai pemeriksa alat timbang dan sukat hendak memastikan ketepatan alat timbang berkomputer itu? Saya

berharap bahawa Yang Berhormat dapat memberikan sedikit penjelasan.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk bertanya sama ada Kerajaan bercadang supaya meter letak kereta diliputi juga dalam Akta ini yang mana penentu ukuran atau, dengan izin, the calibration of metres ke atas meter-meter letak kereta dapat dilakukan dan diperkenalkan juga.

Saya tidak bercadang untuk berucap dengan panjang lebar, tetapi di sini sebelum saya mengakhiri ucapan ini, dengan secara ringkas saya ingin menyatakan bahawa selepas Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan saya ingin menggesa pihak berkuasa yang berkenaan supaya menghebahkan ataupun mengumumkan kepada orang ramai, pengguna dan para peniaga tentang pindaan Akta ini, di samping memberi didikan secara tidak langsung kepada mereka tentang peraturan-peraturan Rang Undang-undang ini. Di sini pihak Kerajaan boleh mendapatkan kerjasama daripada Persatuan-persatuan Pengguna di seluruh negara untuk memainkan peranan masing-masing bagi menyedarkan para pengguna tentang hak mereka menerima keadilan semasa membuat pembelian. Rancangan pendidikan yang disyorkan oleh saya ini hendaklah melibatkan golongan peniaga dan penjaja itu sendiri supaya mereka sedar tentang kepentingan undang-undang ini.

Akhirnya, saya ingin menyentuh aspek penguatkuasaan. Bagi mana-mana undang-undang supaya menjadi bermakna dan berkesan, maka mestilah terdapat penguatkuasaan. Bagaimanapun, penguatkuasaan mestilah dipastikan dijalankan dengan adil dan tidak sepatutnya disalahgunakan oleh pegawai-pegawai yang terlalu bersemangat ataupun, dengan izin, "over-zealous" officers. Yang membimbangkan saya ialah kepentingan pengguna-pengguna yang senantiasa perlu dijaga dan dilindungi

dan oleh kerana itu saya sedia untuk menyokong mana-mana aspek Rang Undang-undang ini yang boleh memberi sumbangan kepada perlindungan pengguna. Dalam masa yang sama, saya juga berharap bahawa pihak Kerajaan akan melaksanakan undang-undang ini dengan adil supaya para peniaga dan penjaja tidak dijadikan mangsa. Apa yang saya anggap penting pada akhirnya ialah pendidikan iaitu mendidik para peniaga supaya mereka lebih berdisiplin dan bermoral dalam urusan mereka dan untuk menyedarkan para pengguna juga tentang hak-hak mereka sebagai pengguna.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, itu ialah komen-komen ataupun ulasan-ulasan saya terhadap Rang Undang-undang ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Arau,

3.59ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Dato' Yang di-Pertua. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya belum "Dato" lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya bangun untuk memberi sokongan dan juga membuat ulasan mengenai Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 1989.

Pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh di sini dari segi aspek teknikal.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, katalah, kita timbang beras—sebab kita hendak buat ukuran mengenai penimbang beras di kilang-kilang padi dan juga di kilang LPN—kita timbang beras, katakan 100 kilo, tetapi beras ini ialah sejenis barang yang sentiasa susut, lagi dia kehnng, lagi

dia susut. Apabila ada pemborong pergi membeli beras, dia timbang balik, dia kata barang yang dia dapat itu tidak sampai 100 kilo, cuma 98 kilo oleh kerana beras itu telah pun susut 2 kilo.

Jadi, dia pun buat laporan kepada pihak penguatkuasa Timbang dan Sukat bawa beras yang sama pergi timbang semula dan beras ini bukan jadi 98 kilo, dia akan jadi 96 kilo, lagi turun. Sebab beras ini dia makin lama dia makin susut. Jadi, dalam hal ini dari segi penguatkuasaan apakah kriteria yang dipakai untuk membolehkan ada kekurangan dan kelebihan bagi barang-barang tertentu untuk membolehkan tindakan yang diambil se-timpal, tepat kepada sasarannya.

Jadi, penimbang ini mungkin tidak rosak, tetapi barang yang kita timbang itu ialah sebenarnya barang yang mungkin boleh berubah-ubah termasuklah kalau kita timbang ayam di pasar, semasa pagi-pagi itu ayam ini dengan darah-darahnya sekali mungkin dia lebih tetapi bila ditimbang semula apabila ayam ini mungkin dibawa balik, ditimbang semula mungkin kurang. Lagi kita buat siasatan, ayam ini telah kering lagi kurang timbangan. Jadi, perkara-perkara ini saya minta supaya satu sukatan yang dibuat iaitu mungkin pihak Yang Berhormat mengatakan bahawa kita mempunyai alat kita sendiri untuk menimbang, untuk menjamin supaya hanya menggunakan sukatan ataupun benda daripada pihak Timbang dan Sukat. Tetapi kita kena ingat bila laporan dibuat bukan didasarkan kepada besi yang ditimbang sebagai alat penguji itu tetapi ialah daripada barang yang kita hendak timbang. Jadi, inilah persoalan yang sentiasa timbul, yang mana sering dilaporkan oleh banyak pihak bahawa perkara ini bukan sahaja merugikan dari segi masa dan juga dari segi perniagaan tetapi banyak perkara-perkara yang berkaitan dengan

perkara ini termasuklah peniaga-peniaga yang berniaga dengan pihak Kerajaan. kadang-kadang apabila kita timbang pada masa benda itu dikeluarkan, ianya mungkin lagi ada wap basahnya yang tinggi dan sebagainya agak tinggi tetapi bila kita pakai benda itu, bila wap basah sudah tiada maka perkara ini ianya akan ringan semula.

Yang keduanya berhubung dengan soal teknikal, Ada penimbang-penimbang yang kalau sekiranya kita timbang dengan barangan yang ringan, saya ambil contoh yang paling mudah ialah penimbang di kompleks kompleks LPN. Kalau sekiranya kita timbang dengan lori kecil, penimbang itu dia tidak menunjukkan perbezaan tetapi kalau kita masukkan barangan yang berat di atasnya dia menampakkan perbezaan. Walaupun kita memperbaiki tetapi ini ialah benda perbuatan manusia, Tuan Yang di-Pertua, dia akan mengalami kerosakan dari masa ke semasa dan sekiranya kalau tindakan diambil, maknanya Kerajaan terpaksa membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk menggantikan penimbang-penimbang ini.

Jadi, saya cadangkan sebab ini untuk melindungi pengguna dan juga peniaga-peniaga untuk menjamin supaya mana pihak pun tidak akan menghadapi kerugian dan kita lihat sekarang ini banyak komplek-komplek yang dibuat terutamanya oleh petani-petani berhubung dengan penimbang-penimbang ini dan penimbang ini pula walaupun telah disiasat dan telah pun diuji oleh pihak Timbang dan Sukat ianya sentiasa berbeza. Contohnya pihak Timbang dan Sukat menguji satu penimbang di satu tempat dia sahkan betul, kemudian di satu tempat dia sahkan betul tetapi lori yang sama kita pergi timbang di sini, terdapat perbezaan dan kadang-kadang perbezaannya amat ketara sekali. Jadi, apakah ukuran Yang Berhormat yang boleh kita buat hendak jamin supaya

penimbang di tempat sana dan di sini boleh sama. Kalau tidak sama pun mungkin perbezaan dua, tiga kilo, tidak sangat memudaratkan mana-mana pihak tetapi kalau perbezaannya amat ketara maka ianya akan merugikan pengguna dan kadang-kadang merugikan Kerajaan sekali. Jadi, saya pohon supaya satu penjelasan dan juga satu tatacara yang membolehkan kita menerima bahawa perbezaan yang demikian rupa, kita mesti mengikut yang mana satu. Sekarang ini merupakan satu pertelingkahan yang kadang-kadang pihak penimbang dan sukat sendiri pun susah hendak memikirkan sebab dia uji semuanya elok tetapi bila ditimbang dia jadi lain.

Saya setujulah dengan DAP tadi dan nampaknya dia menyokong Akta ini, kita ucap tahniahlah dan kita harap dia menyokong banyak lagi Akta-akta yang kita akan tablekan di Parlimen ini, dengan izin, iaitu berhubung dengan penimbang-penimbang berkomputer yang diperkenalkan sekarang. Saya telah hubungi pihak Timbang dan Sukat, memang perkara ini merupakan perkara baru dan kita amat berharap supaya latihan diberikan kepada pegawai-pegawai untuk dapat menyesuaikan diri dengan peralatan-peralatan moden ini. Kita berharap apabila mereka pergi membuat siasatan ataupun buat ujian, mereka bukan merosakkan timbang itu balik tetapi sebenarnya memberi ukuran yang sebenarnya, sebab banyak alat-alat timbang baru yang berkomputer sekarang ini yang agak tinggi sedikit dari segi teknikalnya. Jadi, saya cadangkan supaya pegawai-pegawai diberi latihan yang lebih. Kalau boleh Yang Berhormat pohon peruntukan yang lebih supaya mereka ini dapat menyesuaikan dengan perubahan yang ada sekarang. Saya percaya banyak pihak yang akan menggunakan komputer kerana ini mudah dan tidak timbul mana-mana pihak yang cuba untuk meminda dan

sebagainya. Saya percaya kalau sekiranya diperkenalkan penimbang berkomputer ini amat sukar tuan punya penimbang itu hendak pinda di mana-mana sebab benda itu dia agak complicated sedikit, tetapi yang secara manual ini, dengan izin, kita boleh ubah, malah dari segi penimbang padi yang secara biasa itu kita boleh ubah waktu malam pun kita boleh ubah, kita boleh ringan dan kita beratkan walaupun kita seal dekat mana-mana tetapi dia ada tempat-tempat yang memang boleh kita buat perubahan. Jadi, perkara-perkara ini saya ingat eloklah diberi perhatian supaya semua pihak tidak rugi mengenai perkara ini.

Yang keduanya, berkenaan Seksyen 9 iaitu yang membenarkan pihak yang berlesen membuat pindaan ataupun pembaikan kepada penimbang-penimbang. Saya bersetuju tetapi sementara kita hendak menunggu pihak Timbang dan Sukat datang, saya ingat mungkin dalam masa seminggu, kalau dalam masa seminggu apa-apa terjadi kepada penimbang yang berkenaan yang akan merugikan pengguna, jadi siapakah hendak bertanggungjawab. Itu nombor satu.

Yang keduanya, katalah boleh dia datang dalam masa dua hari tetapi kadang-kadang peniaga-peniaga ini dia hendak untung lebih, kadang-kadang kita boleh jual barang dengan harga yang murah dengan hanya menipu dengan menggunakan penimbang. Jadi, dia rosakkan selalu barangnya dan dia minta pihak yang berlesen sentiasa memperbaiki. Saya minta supaya diberi syarat-syarat tertentu bahawa kerosakan ini dihadkan sampai ke tahap mana. Berapa kali sebulan, berapa kali setahun. Kalau sekiranya selalu rosak sampai sepuluh kali, adakah kita hendak suruh dia write-off, dengan izin, barang yang berkenaan dan menggantikan dengan yang baru, ataupun kita beri syarat setiap kali penguatkuasa datang kita tinggikan bayaran yang dikenakan kepada ujian

penimbang yang berkenaan. Dengan itu, saya rasa tidak sangat hendak merosakkan penimbang yang berkenaan.

Saya percaya kalau sekiranya tempoh seminggu pun banyak perkara yang boleh berlaku, dalam perusahaan padi sebagai contohnya, dalam masa seminggu sudah beribu goni boleh kita elakkan ataupun boleh ditipu. Jadi, mungkin pihak Kerajaan yang rugi, mungkin pihak pengguna yang rugi dan sampailah masanya pihak penimbang dan sukat untuk memberi perhatian kepada perkara ini.

Cuma saya hendak sentuh di sini Bahagian Penguatkuasa. Saya tidak bersetuju dengan DAP tadi bahawa pihak penguatkuasa ini mesti janganlah strict sangat dan sebagainya. Saya rasa penguatkuasa tetap penguatkuasa dan jalankan tugasnya dan merekalah yang saya rasa boleh sama-sama menjamin ataupun memberi perlindungan kepada pengguna-pengguna kerana pengguna-pengguna ini kadang-kadang tidak ada penimbang di rumah untuk hendak menentukan bahawa timbangan yang dibuat di tempat perniagaan tadi sama dengan di rumah. Jadi penguatkuasa saya cadangkan kalau boleh ditambah, ditambahlah, tetapi jalankan tugas ini dengan sewajarnya untuk menjamin supaya semua pihak tidak ditipu dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong dan saya berharap supaya sesuatu dapat dibuat untuk menguatkan lagi Bahagian Penimbang dan Sukat di Kementerian Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pagoh.

4.11 *ptg.*

Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut

sama membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat, 1972.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah Kementerian yang bertanggungjawab bagi mengawal kegiatan-kegiatan perdagangan di negara ini. Dengan adanya Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 1989 ini, maka saya percaya Akta itu akan menjadi lebih kemaskini lagi. Bagi kepentingan peniaga dan rakyat pengguna seluruhnya, usaha mengemaskinkan Akta ini pada pendapat saya amatlah penting sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dengan takrif baru yang lebih jelas dari segi maksud dan juga peristilahan, maka kepentingan peniaga dan rakyat adalah lebih terjamin. Perkara ini sudah sepatutnya disegerakan bagi mengelakkan penyelewengan dan penekanan di kalangan peniaga dan juga rakyat tebih berleluasa dan terlepas tanpa kawalan dan juga perlindungan.

Saya lihat di dalam pindaan Akta ini memberi keterangan-keterangan yang lebih jelas mengenai takrif, khasnya dari segi "alat timbang dan sukat", "alat timbang dan sukat awam", "cap penentuan" dan juga "premis". Takrif baru ini jika dapat difahami sepenuhnya oleh semua pihak sudah tentulah akan mengelakkan kekeliruan dan kesangsian dari segi penggunaan alat-alat timbang dan sukat dan juga tidak menghadkan premis untuk penguatkuasaan. Dengan adanya pindaan ini, Akta ini saya yakin akan memberi kesan baik kepada peniaga dan juga rakyat jelata. Walau bagaimanapun, kekesanan Akta ini ialah pada keseluruhannya bergantung kepada sejauh mana Akta ini boleh difahami oleh semua pihak dan seterusnya diikuti oleh semua pihak, iaitu bermaksud bahawa sejauh

manakah penguatkuasaan ini dapat dijalankan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi penguatkuasaan oleh Inspektor-inspektor yang menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta ini, pada pendapat saya, pertamanya, jumlah mereka mestilah ramai dan mencukupi. Kalau bilangan mereka pada hari ini belum cukup sebelum Akta ini dilaksanakan, Kementerian mestilah mengambil tahu dan mengambil langkah segera untuk menambahkan bilangan-bilangan Inspektor ini sebelum Akta ini dilaksanakan. Seterusnya, para Inspektor ini mestilah daripada golongan-golongan yang bijak, yang diberikan latihan yang mahir serta cekap dari segi membuat pemeriksaan dan juga ujian-ujian pada alat-alat timbang dan sukat, sama ada alat-alat timbang yang biasa ataupun yang secara komputer. Selain daripada itu, mereka mestilah menjalankan tugas dengan jujur dan tidak menyeleweng. Kita tidak ingin melihat di dalam penguatkuasaan ini bukan peniaga yang menyeleweng, tetapi sebaliknya Inspektor-inspektor yang menyeleweng. Kalau perkara ini berlaku, maka tidak ada makna Akta ini dipinda. Selain daripada itu, sejauh manakah kekerapan penguatkuasaan ini dijalankan. Adakah ia dijalankan sebulan sekali, dua bulan sekali ataupun enam bulan sekali? Ini adalah penting kerana penyelewengan itu berlaku hari-hari dan setiap minit. Oleh sebab itu kekerapan bagi penguatkuasaan ini saya fikir amat penting.

Seterusnya, penguatkuasaan mestilah dijalankan menyeluruh, bukan mengikut pilihan-pilihan tertentu daripada laporan-laporan ataupun dari segi kiraan-kiraan tertentu yang dibuat oleh Kementerian ataupun daripada maklumat orang ramai. Saya fikir penguatkuasaan ini mesti menyeluruh, tidak kira tempat dan harus dijalankan

bukan mengikut jadual, tetapi boleh juga diperbanyakkan dengan penguatkuasaan secara mengejut dan seterusnya bukan sahaja tertumpu di bandar-bandar, bahkan di luar bandar yang mana saya fikir mereka ini selalu terlepas dalam hal-hal penipuan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya bagi menentukan bahawa penguatkuasaan ini berjalan dengan baik, saya ingin bertanya adakah pengenalan-pengenalan yang tidak boleh ditiru oleh Inspektor-inspektor palsu yang ingin menipu dan mengambil keuntungan secara peras ugut, sebab banyak sekali berlaku di dalam hal-hal pemeriksa seperti ini. Di samping pemeriksa-pemeriksa ataupun Inspektor-inspektor yang betul, terdapat juga Inspektor-inspektor yang palsu yang mengambil kesempatan dan mendapat keuntungan dengan cara peras ugut dan ini mesti dikawal. Kuasa yang diberikan kepada Inspektor nampaknya begitu luas dan apakah cara untuk mengawal supaya kuasa-kuasa yang diberikan kepada Inspektor ini tidak disalahgunakan. Siapakah pihak yang akan menentukan bahawa mereka ini tidak menyalahgunakan kuasa? Kita harap apa juga tugas yang telah diberikan kepada Inspektor-inspektor ini akan dijalankan dengan penuh tanggungjawab. Apa pula hukuman yang akan dikenakan kepada Inspektor-inspektor yang menyalahgunakan kuasa? Kita menetapkan hukuman-hukuman yang berat kepada peniaga-peniaga yang membuat kesalahan, tetapi apakah hukuman berat yang perlu ditetapkan kepada penguatkuasa sendiri kalau mereka menjalankan tugas dan menyalahi undang-undang yang perlu dipatuhi? Inilah perkara-perkara yang saya fikir harus diambil kira supaya kedua-dua belah pihak akan terlindung dan selamat.

Saya setuju dengan hukuman berat yang dikenakan kepada mereka yang melanggar Akta ini kerana selama ini

perbuatan-perbuatan seperti ini memang telah berleluasa berjalan begitu serius keadaannya dan banyak pihak yang tertipu. Tetapi oleh kerana kurangnya penguatkuasaan, penipuan ini berjalan dan pengguna-pengguna rakyat jelata adalah menjadi mangsa daripada pihak-pihak peniaga.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan dengan penyimpanan rekod—penyimpanan rekod penimbangan yang dimaksudkan dalam pindaan ini—saya berpendapat bahawa penyimpanan rekod penimbangan adalah baik kerana akan terdapat satu rekod yang kemaskini yang boleh disemak, yang boleh diperiksa, tetapi apakah cara, apakah sistem yang akan digunakan, yang boleh menentukan bahawa rekod-rekod ini akan betul, akan kemaskini, akan dibuat dengan cara jujur, tidak ada penyelewengan dan penipuan selepas enam bulan rekod itu dibuat. Kalau ada satu sistem yang baik yang selaras, yang boleh digunakan dan dapat ditentukan kesahihannya selepas enam bulan maka rekod ini akan menjadi rekod yang paling baik.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan cop atau cap penandaan kepada alat-alat timbang. Adakah cop ini satu cop yang hakiki yang hak, yang dimiliki oleh Kementerian yang tidak boleh ditiru oleh orang lain. Sebab kita tahu banyak pihak yang boleh menipu. Kalau wang boleh menjadi wang palsu, cop juga boleh jadi cop palsu, mungkin di dalam hal ini dorongan untuk menipu terutama dari segi membuat cap penentuan saya fikir akan mudah berlaku. Oleh sebab itu langkah-langkah yang ketat perlu ada. Kalau tidak, saya bimbang perkara ini akan dapat dijalankan dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itulah sahaja perkara-perkara yang saya ingin bangkitkan dan saya ingin menyokong. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Timbalan Menteri boleh menjawab.

4.22 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan semasa mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 1989 yang dibentangkan oleh saya semalam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong adalah membangkitkan beberapa perkara dan di sini saya meringkaskan soalan dan perkara yang dibangkitkan oleh beliau. Bolehlah kata ada tiga perkara beliau membangkit, itu ialah menerangkan bahawa kuasa yang diberikan kepada Inspektor Timbang dan Sukat adalah terlalu luas dan ini mungkin memberi peluang untuk penyalahgunaan kuasa termasuklah amalan perbuatan rasuah serta lain-lain lagi. Yang kedua, Yang Berhormat bertanya apakah jaminan perlindungan yang akan diberikan kepada exhibit di dalam bentuk barangan mahal seperti permata dan mutiara apabila seseorang itu didapati melakukan kesalahan yang berhubungkait dengan alat timbangan dan sukatan dan barang-barang itu disita. Yang ketiga, kuasa yang meluas hanya diberikan kepada Inspektor Timbang dan Sukat, tetapi apakah perlindungan kepada pihak tertuduh termasuklah memberi perlindungan kepada rahsia perdagangan dan menyarankan supaya garis panduan sewajarnya diperbuat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab perkara pertama yang dikedemukakan, izinkan saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa perkembangan di dalam legal methodology, dengan izin, khususnya ke atas peralatan timbangan dan

sukatan adalah amat pesat dan sophisticated. Alat-alat yang digunakan pada masa kini tidak lagi terbatas kepada alat-alat yang menggunakan mekanisme yang mudah termasuk alat-alat yang menggunakan perkiraan komputer dan lain-lain perrekaan yang ultra moden. Di sini saya mengesahkan kepada Yang Berhormat dari Bukit Bintang Akta ini melibatkan komputer juga. Dengan meningkatkan tahap kerumitan dalam perkara ini, kuasa-kuasa yang membolehkan Inspektor Timbang dan Sukat untuk mengumpul bukti bagi tujuan tindakan ke atas pihak-pihak yang menyeleweng amat diperlukan agar para pengguna termasuk Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini terhindar daripada dieksploitasi oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab. Sekiranya kuasa-kuasa seperti mana yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang ini tidak diperuntukkan, sesungguhnya akan sukarlah segala tugas penguatkuasaan. Umpamanya dalam proses untuk mengesan penyeleweng ke atas alat-alat timbangan atau sukatan dari jenis yang dilengkapkan dengan alat komputer yang juga merupakan satu alat yang amat sophisticated. Maka tanpa kuasa-kuasa untuk memeriksa dokumen, certificate dan lain-lain rekod yang merupakan output dari peralatan berkenaan. Bagaimanakah keterangan yang diperlukan boleh diperolehi oleh pegawai-pegawai. Jadi, pada kesimpulannya kuasa-kuasa yang diperlukan itu adalah selaras dan bertujuan untuk menimbangi perkembangan-perkembangan di dalam legal methodology. Dalam hubungan ini Kerajaan melalui Custodian Timbang dan Sukat iaitu SIRIM sentiasa mengikut perkembangan-perkembangan yang berlaku di bidang ini daripada organisasi antarabangsa mengenai legal methodology dan Bureau of International de Qua a Measure di negara Perancis yang mengkaji aspek-aspek perubahan di dalam peralatan timbangan dan sukatan.

Yang kedua, mengenai kebimbangan Ahli Yang Berhormat ini dari aspek perlindungan kepada exhibit yang berharga, sukacita saya menyatakan bahawa apa jua tindakan di bawah undang-undang ini adalah menjadi subject matter, dengan izin, kepada pertimbangan di Mahkamah. Di samping itu setiap exhibit yang disita bagi tujuan tindakan di bawah undang-undang bukanlah diambil begitu sahaja tanpa sebarang dokumen bukti seperti search list, laporan-laporan Polis dan kertas-kertas siasatan yang sempurna. Amalan-amalan ini sedang dan akan diteruskan dengan ketat walaupun tidak dinyatakan di dalam undang-undang. Jika keadaan memerlukan kawalan yang lebih ketat lagi, sukacita saya memaklumkan bahawa di bawah Seksyen 29 (i) (h) Akta Timbang dan Sukat 1972 ada memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk menggubal undang-undang subsidiary bagi tujuan menetapkan apa-apa perkara dikehendakki oleh Akta adalah bagi tujuan untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini supaya menjadi lebih berkesan. Ini termasuklah perkara-perkara seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu.

Ketiga, dalam aspek memberikan perlindungan kepada pihak yang melakukan kesalahan, ingin saya menyatakan apa jua keterangan yang akan diambil terhadap pihak yang berkenaan adalah perkara-perkara yang mempunyai hubungkait dengan alat timbangan dan sukatan yang digunakan dan bukan lain-lain perkara yang tidak ada kena-mengena dengan kesalahan yang dilakukan. Dalam menguatkuasakan undang-undang ini, Kementerian memberi jaminan bahawa tidak ada pihak yang akan dianiayai. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, pegawai-pegawai yang dilantik untuk menguatkuasakan undang-undang ini adalah merupakan penjawat-penjawat awam yang bukan sahaja tertakluk kepada semua

undang-undang di negara tetapi juga tertakluk kepada Perintah Am khususnya Bab D yang memperuntukkan kuasa kepada Kementerian bagi mengambil tindakan disiplin terhadap apa jua penyelewengan yang dilakukan oleh penjawat awam yang terkeluar dari lunas-lunas peraturan-peraturan kerja atau prosedur yang telah ditentukan. Disamping itu, jika pegawai-pegawai melakukan rasuah, ingin saya menyatakan dengan terang dan tegas di Dewan yang mulia ini, Kementerian tidak akan teragak-agak, will not hesitate, merujuk-kannya kepada Badan Pencegah Rasuah untuk apa jua tindakan di bawah Akta Badan Pencegah Rasuah.

Begitu juga saya tujukan saranan ini kepada orang ramai dan peniaga-peniaga dan termasuklah Ahli-ahli Dewan yang mulia ini supaya jangan teragak-agak untuk melaporkan kepada agensi-agensi yang berkenaan ke atas apa jua perbuatan rasuah yang timbul dari pelaksanaan Akta Timbang dan Sukat 1972 atau lain-lain undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai bangun.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berasa bangga di atas jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai tindakan yang akan diambil sekiranya berlaku penyelewengan atau salahguna kuasa pegawai-pegawai ataupun tersilap dengan penggunaan timbang dan sukat ini. Saya ingin menarik perhatian bahawa terdapat banyak bantahan daripada petani-petani terhadap sistem timbangan dan potongan yang dibuat oleh LPN ataupun pembeli-pembeli padi swasta yang bukan sahaja menimbang tetapi memotong mengikut

sesuka hati tanpa memberi satu andaian ataupun sukatan yang sesuai terhadap kandungan air yang ada di dalam hasil jualan yang dibuat oleh petani-petani. Perkara ini sudah menjadi satu percakapan mulut di seluruh kawasan-kawasan tanaman padi di negeri Kedah, di sebahagian daripada negeri Perak dan juga di tempat-tempat lain. Apakah pandangan dan tindakan yang dibuat oleh badan ini terhadap pindaan Akta Timbang dan Sukat untuk melihat bahawa kepentingan petani-petani yang menjual hasil tanaman mereka ini tidak dipotong sehingga membangkitkan rasa tidak puas hati oleh petani-petani terhadap LPN sendiri yang menggunakan timbangan dan potongan mereka dan begitu juga badan-badan swasta yang membeli padi dengan menggunakan timbangan dan potongan mengikut sesuka hati mereka?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, LPN sebenarnya bukanlah di bawah kendalian Kementerian saya, tetapi walau bagaimanapun, di sini saya bolehlah bercakap dengan lantangnya bahawa jikalau Ahli Yang Berhormat ada butir-butir tentang perkara yang tidak wajar ini, kalau beliau boleh memberikan butir-butir kepada LPN atau Kementerian saya juga, saya sendiri boleh menyusuli perkara itu.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah berniat untuk berhujah, tetapi sebenarnya perkara ini bukan satu perkara yang baru. Ianya merupakan suatu perkara yang sentiasa berulang dan menjadi-jadi. Saya tidak kaitkan bahawa LPN di bawah Kementerian Ahli Yang Berhormat, tetapi saya kaitkan bahawa LPN ataupun kilang-kilang LPN menggunakan sistem timbang di mana kuasa mutlak memberi kuasa untuk menggunakan sistem ini adalah daripada Kementerian Yang Berhormat sendiri. Jadi, apa yang dibangkitkan oleh petani terhadap

potongan yang dibuat oleh LPN dan begitu juga pembeli-pembeli swasta yang lain terhadap hasil jualan mereka adalah tidak sama. Maka apakah tindakan Kementerian ini supaya menjadikan perkara yang saya bangkitkan ini sebagai satu rayuan ataupun kalau mahu ianya dianggap sebagai satu ingatan daripada petani-petani. Jadikan perkara ini sebagai satu yang formal, supaya saya tidak payah lagi menulis surat, kerana Dewan ini boleh kita jadikan sebagai tempat untuk kita menyampaikan rintihan ataupun masalah yang dihadapi oleh rakyat.

4.35 ptg.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bagan Serai. Di sini, saya boleh tegaskan bahawa saya telah mengambil perhatian tentang perkara ini dan saya akan mengarahkan pegawai-pegawai di Kementerian saya untuk menyiasat perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, setiap pegawai yang dilantik, sama ada sebagai Ketua Inspektor atau Timbalan Ketua Inspektor atau Inspektor Timbang dan Sukat di bawah Seksyen 26 adalah tertakluk kepada peruntukan Seksyen 26 (4) di mana Menteri boleh memberikan arahan-arahan bagi tujuan pelaksanaan Akta ini. Justeru itu, segala tindakan yang dilakukan oleh Ketua Inspektor adalah diberikan kawalan secara total oleh Menteri di dalam konteks untuk menentukan bahawa pegawai-pegawai tidak bertindak mengikut selera hati mereka tetapi mematuhi undang-undang yang wujud di negara ini.

Mengenai pengwujudkan peruntukan bagi melindungi pegawai-pegawai, peruntukan ini bukanlah merupakan satu peruntukan yang meluas, tetapi ianya terhad yang semata-mata bertujuan untuk melindungi pegawai-pegawai semasa menjalankan tugas dan

yang mematuhi kuasa-kuasa yang dibekalkan. Ini bukanlah untuk melindungi penyalahgunaan kuasa atau kegagalan mematuhi prosedur dan sebagainya. Peruntukan-peruntukan seperti ini adalah juga wujud di dalam undang-undang yang lain dan merupakan satu standard provision.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang ada membangkitkan 6 perkara. Di sini saya meringkaskan perkara-perkara itu, Yang pertama, beliau menyentuh riksaan dibuat pada setiap tahun; yang perlu disediakan untuk orang awam; kedua, supaya certificate of verification dipamerkan dan pemeriksaan dibuat pada setiap tahun; ketiga, hukuman denda tidak disemak dan hendaklah dipinda dengan keseluruhannya; keempat, mengenai Article 20A supaya alat-alat timbang diperiksa semula; kelima, mengenai meter untuk letak kereta supaya ditentu ukur (calibrate); dan keenam, mengenai computerised weighing scale.

Tuan Yang di-Pertua, maksud alat-alat timbang awam ialah alat-alat yang digunakan bagi penimbangan barangan dan kenderaan bagi tujuan perbandingan oleh pihak ketiga untuk menentukan tidak ada penyelewengan dari segi timbangan. Yang kedua, setiap alat yang telah diperiksa dan disahkan, memang telah diberikan penandaan khas pada alat-alat tersebut dan penandaan khas ini memang senang dilihat oleh orang awam. Oleh sebab itu, pameran sijil tidak diperlukan. Ketiga, tujuan penggubalan Akta ini bukan untuk menghukum tetapi bagi membuat peraturan-peraturan mengenai penimbangan dan sukatan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Ahli dari Bagai Serai bangun.

Dato' Kok Wee Kiat: Nanti sekejap. Buat masa ini adalah dirasakan

hukuman denda yang diperuntukkan adalah memadai.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk meminta penjelasan terhadap pemeriksaan semula alat-alat timbang. Satu perkara yang saya ingin menarik perhatian ialah tidak semua rakyat di negara kita yang tahu bahawa sudah terdapat masa-masa yang tertentu pihak jabatan akan mengadakan pemeriksaan semula terhadap alat-alat timbang ini, terutama sekali bagi timbangan yang di mana seperti lori yang membawa kelapa sawit, ataupun muatan yang ditimbang sekali gus dengan kenderaan. Sejauh mana dan bagaimanakah pihak penguasa dapat mengetahui kerana certificate yang dimaksudkan tidak akan dipamer. Bagaimanakah orang akan mengetahui pihak-pihak jabatan telah pun memeriksa alat timbang ini sudah diperiksa dan ianya didapati betul dan sesuai.

Yang keduanya, saya juga terdapat khasnya di kawasan saya Bagan Serai satu ketika pihak Pasukan Polis Di-Raja mengadakan satu alat timbang untuk muatan berat yang akan digunakan bagi mengetahui kesan berat berlebihan muatan lori. Ianya tergendala beberapa tahun kerana tidak mendapat kebenaran katanya daripada pihak-pihak yang tertentu. Oleh sebab itu sekiranya pihak polis menangkap ataupun menahan lori-lori yang dianggap membawa muatan lebih ini lanya terpaksa dihantar jauh ke Taiping ataupun ke satu tempat di Butterworth di bahagian utara. Saya tidak tahu sama ada Butterworth ataupun Nibong Tebal. Ini akan menimbulkan beban kepada pengusaha-pengusaha kenderaan ataupun pengangkutan dan juga menimbulkan marah mereka kepada pihak pasukan keselamatan khasnya pasukan lalutintas.

Apakah yang menyebabkan kelewatan untuk meluluskan sistem

timbang berat ini di tempat-tempat yang tertentu oleh pihak jabatan ini. Terima kasih.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pasti perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bagan Serai sama ada termasuk ke bawah Kementerian Pengangkutan atau Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Tetapi, perkara-perkara yang dibangkitkan saya boleh ambil perhatian dan saya akan mengkaji sama ada perkara-perkara itu di bawah Kementerian saya. Kalau ya, saya boleh ambil tindakan yang sewajarnya.

Yang keempat....

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan tidak puas hati tetapi saya tidak berapa seronok sahaja. Sebab apa yang saya bangkitkan saya harap ianya masuk di bawah kuasa Kementerian Yang Berhormat kerana ia melibatkan timbangan alat timbang awam, menimbang hasil pertanian seperti saya katakan contohnya kelapa sawit yang ditimbang sekali gus dengan kenderaan, dengan lori. Ianya merupakan alat timbang awam. Begitu juga bila pihak pasukan keselamatan jalanraya menimbang lori yang agak membawa muatan lebih. Ianya juga terlibat dengan orang awam yang menggunakan ataupun memulakan perusahaan ini. Kedua-dua pertimbangan ini adalah merupakan jenis pertimbangan yang melibatkan orang awam.

Bagi saya, istilah ini adalah alat timbang awam. Saya harap ianya dimasukkan di bawah kuasa jabatan atau di bawah Kementerian Yang Berhormat sendiri. Oleh itu saya suka satu soalan yang pertama tadi bagaimana orang awam akan mengetahui bahawa alat timbang ini sudah diperiksa dan tarikhnya bila

kerana certificatenya tidak dipamerkan. Tarikh bila ianya diperiksa dan didapati betul, sesuai boleh digunakan.

Yang kedua, apakah masalah yang dihadapi oleh alat timbang bagi pasukan polis di kawasan saya, di Bagan Serai pada suatu ketika tergendala begitu lama kerana beberapa masalah khasnya kelulusan; kemungkinan pihak Jabatan Timbang Awam negara ini. Terima kasih.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya faham apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bagan Serai. Seperti saya katakan tadi, custodian timbang dan sukat itu di bawah SIRIM. SIRIM pun di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Saya sudah mengaku saya tidak pasti siapa sebenarnya ada kuasa yang tetap bagi melindungi perkara-perkara yang dibangkitkan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat biar dia habis dulu.

Dato' Kok Wee Kiat: Saya harap Yang Berhormat tidak melanjutkan perkara ini oleh kerana saya di sini tidak boleh memberi jawapan yang pasti, yang tentu. ,

Dato' Zainal Abidin bin Zir.. Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat terima kasih di atas pengakuan ikhlas daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sendiri pun tidak tahu. Jadi kalau rakyat di kawasan saya bertanya di manakah saya hendak buat reference untuk hendak merujukkan problem yang mereka bangkitkan. Kerana bagi saya, saya kemukakan kepada Dewan ini kepada Kementerian yang bertanggungjawab. Kalau Kementerian yang bertanggungjawab pun tidak dapat memberi satu penjelasan yang konkrit yang

boleh saya bawa balik kepada pengetahuan rakyat, bagaimana Tuan Yang di-Pertua, boleh cadangkan supaya rakyat mengetahui bentuk sukatan ini

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh siasat perkara ini dan beritahu.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Itu yang saya hendak tanya ini, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana rakyat ketahui proses. Bagaimana rakyat hendak mengetahui?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia sudah kata begitu.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Dia hendak siasat tetapi proses rakyat hendak mengetahui. Ini saya hendak minta sama ada melalui suratkhabar, melalui surat siaran daripada kementerian ataupun melalui macam mana saya pulangkan. Tetapi saya hendak perkara ini diberitahu kepada rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Pilih yang mana yang sesuai, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Kok Wee Kiat: Seperti saya kata tadi, Saya boleh ambil perhatian kepada perkara ini. Kalau Yang Berhormat tidak boleh menerangkan kepada penyokong-penyokong di kawasan Yang Berhormat, penyokong-penyokong di kawasan saya pun tidak puas hati, bukan?

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Article 20A sememangnya telah sedia ada peruntukan di bawah peraturan yang menghendaki setiap alat yang dibaiki oleh pembaik diperiksa semula oleh Inspektor selepas dibaiki bagi menentukan alat-alat tersebut boleh digunakan.

Kelima, berhubung dengan perkara yang ditimbulkan mengenai alat-alat timbang berkomputer, pengesahan alat-alat tersebut memang ada dijalankan pada masa ini oleh Inspektor mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh penyimpan atau custodian iaitu pihak SIRIM.

Keenam, berhubung dengan meter letak kereta. Cara pengesahan dan penandaan sedang dikaji.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Arau membangkit tiga perkara iaitu menyentuh aspek teknikal mengenai susutan barang-barang yang ditimbang. Yang kedua, adalah ukuran yang boleh digunakan bagi membolehkan tidak wujud banyak perbezaan. Ketiga, ia menyarankan atau mencadangkan supaya semua pegawai-pegawai diberikan latihan.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama bagi maksud susutan, ada diwujudkan tahap-tahap tolerance. Itu ada had tertentu seperti mana diwujudkan di bawah bentuk-bentuk atau penentuan timbang dan sukat di sini. Barang-barang seperti beras yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat atau padi memang susut dari satu masa ke satu masa. Dan timbangan akan menunjukkan kurang dan mungkin tidak ada penyelesaian yang memuaskan tetapi apa yang patut ditegaskan ialah alat-alat itu sendiri disahkan tepat dan operasinya dalam lingkungan tolerance. Semua alat-alat adalah disahkan sebelum digunakan atau dijual. Jika diubahsuai ianya perlu diuji semula dan disahkan.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Besut bangun.

Dato' Kok Wee Kiat: Saya minta Yang Berhormat bersabar sedikit

kerana saya ada sedikit lagi di sini, belum habis. Yang Berhormat ada peluang untuk menyol saya.

Pegawai-pegawai adalah sedia diberi latihan dalam perkhidmatan sama ada di dalam negeri ataupun di luar negeri. Latihan-latihan dalam bidang alat-alat timbang elektronik adalah juga diberikan berperingkat-peringkat dan pegawai-pegawai telah sedia menjalankan tugas dengan berkesan. Pemeriksaan yang dijalankan adalah teliti dan mengikut prosedur tertentu. Mana-mana alat-alat yang tidak sesuai lagi dan tidak menepati kehendak kegunaannya akan dikenakan tindakan permadaian iaitu obligatory.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menuntut penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang kesahihan timbangan dan susutan bahan-bahan bancuhan dan bahan-bahan bungkusan terutama sekali yang diimport. Saya membuat contoh, misalnya, bahan-bahan bancuhan termasuk ubat-ubatan, makanan dan sebagainya yang diimport di dalam botol-botol atau di dalam tinton yang biasanya memang ditulis ingredientnya—a sekian gram, b sekian gram, c sekian gram dan sebagainya. Pada dasarnya bahan-bahan campuran ini juga yang menentukan kadar harga bahan-bahan jualan. Kalau benda-benda ini tidak diperiksa dan pastikan ianya sah, mungkin penipuan, yakni pengguna-pengguna akan tertipu kerana apa sahaja yang dibancuh di dalam satu botol atau satu tin sudah tentu pihak pengguna tidak dapat memastikan, katakanlah, garam atau gula sahaja, kalau disebut 100 gram, bagaimana kita hendak menentukan ianya sebenar-benarnya 100 gram. Begitu juga bahan-bahan yang dibungkus yang diimport, katakanlah bahan-bahan makanan yang diimport dari negeri China, barangkali yang

ditimbang di tempat pembungkusannya 100 gram tetapi apabila sampai di sini selepas tiga bulan, selepas tiga tahun, mungkin keadaannya susut dan ini juga menyebabkan kerugian yang ditanggung oleh pengguna jika ianya tidak pastikan dengan betul oleh jabatan di bawah Kementerian Yang Berhormat. Saya suarakan perkara ini semata-mata kerana meyakini bahawa tujuan jawatan ini diwujudkan dan pegawai-pegawai yang melaksanakan penguatkuasaan ialah salah satu daripada tujuan yang penting ialah melindungi kepentingan pengguna. Terima kasih.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak menerangkan bahawa Akta Timbang dan Sukat ini hanya melibatkan alat-alat sahaja. Tetapi perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut tadi mungkin tentang pelanggaran Trade Description Act. Itu satu perkara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pagoh telah membangkitkan dua perkara, dia bercadang supaya pegawai tidak menyeleweng bila membuat pemeriksaan alat-alat semasa bertugas. Beliau ada membangkitkan dua tiga perkara lagi, yang pertama, beliau mengatakan penguatkuasaan pegawai inspektor, jumlahnya mestilah ramai dan mencukupi, pegawai-pegawainya mestilah bijak, berkemahiran, ikhlas dan jujur dan mereka mesti bertanggungjawab. Saya di sini boleh memberi jaminan bahawa semua pegawai-pegawai dan inspektor-inspektor untuk penguatkuasaan di bawah Akta ini are required, dengan izin, mereka mestilah ikhlas dan jujur apabila mereka menjalankan penguatkuasaan undang-undang itu.

Kedua, beliau mencadangkan pemeriksaan dan penguatkuasaan itu lebih baik kalau dijalankan dengan mengejut, jangan ada jadual atau

program dan sebagainya. Itu saya boleh ambil perhatian dan sebenarnya kalau perlu pemeriksaan dan tugas-tugas adalah dijalankan dengan mengejut. Ia juga ada menyentuh mengenai inspektor-inspektor palsu dan peniru ini mesti dikawal. Itu pun saya ada ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak

Tuan Ahmad bin Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pagoh minta penjelasan.

Dato' Kok Wee Kiat: Ya.

Tuan Ahmad bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, adakah ini bermakna bahawa pada hari ini Kementerian berpendapat bahawa inspektor-inspektor penguatkuasaan ini telah mencukupi dan kalau mencukupi, berapakah bilangan yang ada pada hari ini dan kalau belum, adakah akan ditambah dan berapa bilangan yang mungkin akan ditambah?

Dato* Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tugas Pegawai-pegawai Penguatkuasaan ini kalau kita ada berapa ribu pegawai pun tidak cukup. Itu yang sebenarnya. Tetapi saya haraplah apabila Kementerian saya meminta peruntukan yang besar, Yang Berhormat dari Pagoh boleh menyokong dengan kuatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengulangi sekali lagi bahawa di dalam penguatkuasaan pegawai-pegawai dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak menjalankan tugas penguatkuasaan dengan sewenang-wenangnya. Tindakan selalunya diambil berdasarkan undang-undang dan bahagian penguatkuasaan sentiasa

peka kepada keadaan semasa dan iklim perdagangan. Di sini juga penguatkuasaan ini tidak discriminate. Terdapat dua cara di mana satu-satu penguatkuasaan dibuat. Yang pertama berasaskan aduan-aduan yang ditekankan dan yang kedua berasaskan pemeriksaan biasa oleh Pegawai Penguatkuasa. Dalam penguatkuasaan dan pemeriksaan pegawai-pegawai mematuhi semua prosedur dan peraturan-peraturan tertentu yang mereka terpaksa mengikuti. Kementerian sentiasa mengalu-alukan sebarang aduan berhubung dengan penguatkuasaan yang tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang dapat saya berikan kepada isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Apa-apa perkara yang saya tidak jawab, saya minta maaf, tetapi saya menjaminkan bahawa saya ada mengambil perhatian kepada perkara-perkara itu, Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

(*Timbalan Yang di-Pertua mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA PEMASARAN
PERTANIAN PERSEKUTUAN
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.03ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama pindaan Akta ini ialah untuk mengatakan proviso utama yang jelas bagi memperkemas perkara-perkara berkaitan dengan tata tertib dan surcaj. Di samping itu, pindaan ini juga mewujudkan proviso baru bagi menggaris dengan nyata tujuan dan tanggungjawab Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai serta kakitangan Lembaga Pemasaran Pertanian. Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan yang sedia ada telah ada digubal dan diluluskan pada tahun 1965. Sejak 24 tahun yang lalu, pentadbiran dan pengurusan Lembaga Pengarah Pertanian Persekutuan berjalan dengan baik dan lancar. Tumpuan utama yang dititik beratkan ialah memberi khidmat sokongan pemasaran dengan menyediakan program-program maklumat pasaran, meningkatkan pengetahuan atau amalan pertanian dalam aktiviti-aktiviti pemerosesan dan pemasaran.

Dalam usaha memperkukuh dan memantapkan peranan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan saluran pasaran hasil-hasil pertanian di dalam dan luar negeri diperluaskan. Usaha-usaha ini telah berjalan dengan berkesan dan telah merintis peluang-peluang baru serta memperteguhkan urusan niaga pemerosesan dan pasaran yang menguntungkan. Langkah-langkah yang diambil mendatangkan

hasil yang sangat bererti dan berjaya juga memberi jaminan bahawa pengeluar-pengeluar dan pengusaha hasil pertanian menerima harga yang sesuai dan munasabah sementara di pihak pengguna pula dapat menikmati, bukan sahaja bekalan dan bahan yang bermutu tinggi malahan pada harga di tahap yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam proses melaksanakan peranan dan tanggungjawab ini, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan terpaksa memantapkan jentera pentadbirannya. Selain daripada memperkemas strategi pemasaran hasil pertanian, pegawai-pegawai dan kakitangan yang menyeleweng, rasuah dan salahlaku perlu diambil tindakan tata tertib atau surcaj mana yang berkenaan. Selama ini tindakan tata tertib yang diambil terhadap seseorang pegawai atau kakitangan Lembaga adalah diselenggarakan mengikut Perintah-perintah Am Pegawai Awam yang mana sebelumnya dikenali sebagai Peraturan-peraturan Pegawai-pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) Bab "D" 1968 atau lebih awal lagi dikenali sebagai Peraturan-peraturan Pegawai-pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1956 di samping Pekeliling-pekeliling berkaitan yang dikeluarkan dari masa ke semasa. Tindakan surcaj pula diselenggarakan mengikut Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan yang juga dikeluarkan dari masa ke semasa. Perintah Am Bab "D". Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling-pekeliling tersebut yang terpakai bagi pegawai-pegawai dan Perkhidmatan Awam Am Persekutuan telah diterima pakai oleh Lembaga menggunakan peruntukan umum Seksyen 12, Akta induk bagi maksud tindakan disiplin dan mengenakan surcaj terhadap pegawai dan kakitangan Lembaga.

Walau bagaimanapun, proses terima pakai ini tidak dibuat sepenuhnya kerana perlu dibuat pengubahsuaian

supaya selaras dengan peranan dan tanggungjawab Lembaga memandangkan banyak kesulitan yang dialami semasa menerima pakai Perintah-perintah Am Bab "D", Arahan-arahan Perbendaharaan dan Pekeliling-pekeling tersebut sehingga boleh melambatkan proses tindakan tata tertib dan pengenaan surcaj terhadap seseorang pegawai atau kakitangan maka Lembaga bercadang mengadakan peraturan-peraturan tata tertib dan surcajnya tersendiri. Setelah diteliti Akta induk Lembaga, Kementerian dengan pandangan pihak Peguam Negara mendapati peruntukan-peruntukan yang sedia ada, khususnya takrif terms and conditions, dengan izin, yang terdapat dalam Akta induk adalah terlalu tidak nyata bagi maksud tersebut. Sekiranya tidak diadakan peruntukan kuasa yang nyata dalam Akta induk maka dikhuatiri peraturan-peraturan dan kelakuan tata tertib serta surcaj yang digubal itu boleh menimbulkan keraguan apabila ianya dicabar di mahkamah atas alasan *ultra vires*. Dengan mengadakan peraturan yang nyata maka tidak akan timbul apa-apa keraguan mengenai tindakan yang diambil di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan yang ringkas mengenai bahagian-bahagian yang dipinda dalam Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1989, yang antara lain, adalah bermaksud seperti berikut:

Pertama, memperjelas kuasa Lembaga untuk membentuk Jawatankuasa Tata tertib dan menyedikan peraturan-peraturan tata tertib sendiri Fasal 2, seksyen baru (6). Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965, Akta 141 tidak mempunyai peruntukan yang khusus mengenai kuasa kepada Lembaga untuk menubuhkan

Jawatankuasa Tata tertib bagi setiap pegawai dan kakitangan Lembaga, termasuk Ketua Pengarah sendiri. Untuk membolehkan tindakan disiplin terhadap kakitangan dibuat dengan teratur dan sempurna diambil oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Persekutuan maka peruntukan mengenai pembentukan Jawatankuasa Tata tertib perlu diadakan dengan nyata dalam Akta yang menubuhkan Lembaga itu sendiri. Peruntukan ini juga menetapkan bidang kuasa. Kuasa-kuasa yang membolehkan perwakilan kuasa serta rayuan dibuat terhadap apa-apa keputusan Jawatankuasa Tata tertib tersebut. Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 juga tidak memperuntukkan dengan nyata mengenai kuasa kepada Lembaga bagi mengadakan peraturan-peraturan tata tertibnya sendiri. Bagi membolehkan tindakan disiplin yang diambil terhadap kakitangan dibuat dengan teratur dan sempurna, adalah juga difikirkan perlu diadakan peruntukan yang membolehkan Lembaga menggubal peraturan yang terperinci mengenai tata tertib dan Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian (Pindaan) 1989 ini, Fasal 5, seksyen baru (12A) mencadangkan peraturan yang akan digubal itu boleh menetapkan jenis-jenis kesalahan-kesalahan, hukuman-hukuman dan prosedur-prosedur yang perlu diikuti termasuk mengadakan peruntukan yang memberi peluang kepada kakitangan yang dikenakan tindakan tata tertib untuk membuat pembelaan ke atas pertuduhan yang dikemukakan kepadanya.

Kedua, memberi kuasa kepada Lembaga untuk mengenakan surcaj. Fasal 3, seksyen baru HA, Dalam Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1989 ini, kuasa diperuntukkan kepada Lembaga untuk

mengenakan surcaj ke atas mana-mana pegawai atau kakitangan Lembaga yang lalu atau yang sekarang yang bertanggungjawab menyebabkan kegagalan mengutip wang membuat apa-apa bayaran tak patut, menyebabkan kekurangan atau pemusnahan harta, kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya dan kelambatan dalam membuat bayaran. Peruntukan ini juga mencadangkan kakitangan yang terlibat diberi peluang mengemukakan alasan-alasannya sebelum tindakan surcaj diambil ke atasnya di samping menetapkan kaedah dan kadar bayaran balik yang dikenakan.

Yang ketiga, Jadual Pertama yang baru, seksyen 2 (2) untuk memperkemas kuasa penubuhan mana-mana Jawatankuasa dan mesyuarat yang diadakan—Fasal 8. Fasal 8, Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1989 ini mencadangkan Jadual pertama yang baru dengan memansuhkan Jadual Pertama Akta Induk.

Peruntukan-peruntukan Jadual Pertama baru ini digubal dengan mengekalkan beberapa peruntukan asal dan sebahagian lagi diubahsuai selaras dengan keperluan semasa di samping memasukkan peruntukan-peruntukan baru manakala sebahagian lagi peruntukan dalam Jadual asal telah dijadikan proviso utama kepada Akta induk. Jadual baru ini bertujuan untuk memberi kuasa kepada Lembaga menubuhkan apa-apa jua Jawatankuasa bagi membantu Lembaga melaksanakan fungsi-fungsi, dan juga untuk memastikan bahawa minit-minit mesyuarat yang diadakan oleh Jawatankuasa berkenaan dapat digunakan sebagai satu keterangan yang sah dalam apa-apa prosiding mahkamah. Menurut Jadual baru ini, mana-mana ahli yang gagal menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa

persetujuan bertulis Yang Berhormat Menteri, sama ada ia masih memegang jawatan tersebut atau tidak, akan dianggap telah mengosongkan keanggotaannya sebagai Ahli Lembaga Pengarah. Ini berbeza dengan amalan sekarang di mana keanggotaan mereka hanya boleh dilucutkan oleh pihak yang berkuasa meiantik terlebih dahulu.

Yang keempat, memperkemas tugas-tugas Ketua Pengarah, kedudukan kakitangan sebagai pekerja Lembaga dan kuasa kepada Pegawai Penguatkuasa untuk menguatkuasakan Undang-undang Kecil atau, dengan izin, Subsidiary Legislation—Fasal 2, Seksyen baru 4. Dalam Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 tiada peruntukan yang khusus mengenai tugas dan tanggungjawab Ketua Pengarah dan kedudukan kakitangan dari segi undang-undang, tiada seperti lain-lain Akta Badan-badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian. Peruntukan baru ini menentukan secara khusus tugas-tugas dan fungsi-fungsi Ketua Pengarah seperti melaksanakan pentadbiran harian Lembaga, menyediakan program, skim-skim dan projek-projek untuk persetujuan Lembaga Pengarah dan seterusnya melaksanakan dan mengawalinya.

Peraturan-peraturan berhubung dengan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan seperti kemudahan pinjaman, pembentukan Tabung Kumpulanwang Simpanan, kemudahan pencen, pemberian elaun dan ganjaran kepada kakitangan boleh digubal setelah peruntukan yang nyata diadakan dalam Akta induk.

Peruntukan baru ini juga akan membolehkan pegawai-pegawai penguatkuasa menguatkuasakan sebarang Undang-undang Kecil atau, dengan izin, Subsidiary Legislation yang dibuat di bawah Akta Lembaga

Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 dengan cekap dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya, Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1989 akan dapat memantap dan melicinkan lagi tindakan-tindakan yang akan diambil oleh pihak Lembaga khususnya mengenai tindakan tatatertib dan pengenalan surcaj terhadap semua pegawai dan kakitangan termasuk Ketua Pengarahnya.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan yang nyata mengenai kuasa untuk menubuhkan Jawatankuasa Tatatertib, mengubal peraturan-peraturan tatatertib dan pengenalan surcaj di atas akan juga digubal untuk Akta Bank Pertanian Malaysia 1969, Akta Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969, Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971, Akta Lembaga Kemajuan Pertanian KEMUBU 1972, Akta Lembaga Kemajuan Pertanian MUDA 1972, Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973 dan Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971, melalui Rang Undang-undang Pindaan masing-masing yang akan dibentangkan dalam mesyuarat ini.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Padang Terap.

5.18ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk menyokong pindaan-pindaan yang dibuat di dalam Akta FAMA ataupun Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, yang bertujuan memperkemaskan lagi pentadbiran Lembaga ini sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Saya menyokong khususnya Fasal 5, iaitu Fasal yang baru yang memberi flexibility, dengan izin, kepada Lembaga ini dengan syarat mendapat persetujuan Yang Berhormat Menteri menentukan regulation-regulation yang baru dan di dalam menentukan surcaj dan lain-lain tindakan disiplin untuk diambil ke atas pegawai-pegawai yang terlibat di dalam kerja-kerja yang tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, dari masa ke semasa satu agensi yang menjadi sebuah birokrasi besar perlu meminda peraturan-peraturannya untuk memastikan supaya kerja-kerja house-keeping, dengan izin, dapat dijalankan dengan lebih kemas. Kadang-kadang apabila sesebuah birokrasi itu menjadi suatu badan yang besar seperti FAMA ini dengan mempunyai bahagian-bahagian, unit-unit yang dianggotai oleh beratus-ratus orang pegawai dan kakitangan masalah-masalah dalaman mengorbankan banyak masa dan fikiran pihak pengurusan atasannya. Pengorbanan ini merompak masa dan fikiran yang seharusnya diberi kepada usaha-usaha mencapai matlamat-matlamat pembangunan masyarakat yang mana agensi itu ditubuh khas untuknya. Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, agensi itu bekerja untuk dirinya sendiri lebih daripada untuk masyarakat yang mana ianya ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, semoga dengan adanya pindaan undang-undang ini segala masalah dalaman akan beres diselesaikan bukan sahaja

untuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, tetapi juga untuk semua agensi di bawah Kementerian Pertanian yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Tanpa pihak pengurusan mengorbankan masa dan fikiran yang banyak semata-mata untuk membuat kerja house-keeping, dengan izin, misalnya masalah-masalah tata-tertib dan perlantikan secara otomatis digariskan dengan terang oleh pindaan-pindaan yang terdapat di dalam Akta ini tanpa banyak persoalan mengenai kuasa siapa, tanggungjawab siapa dan lain-lain lagi. Justeru itu agensi seperti FAMA ini bolehlah menumpukan masa yang lebih kepada kerja-kerja pembangunan ekonomi masyarakat tani.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai kerja-kerja pembangunan ekonomi kaum tani, saya ingin menyentuh beberapa persoalan mengenai kerja-kerja FAMA selama ini. FAMA sebagai namanya memberi erti kepada kita adalah sebuah badan yang berkuasa menentukan segala bentuk ataupun peraturan-peraturan, cara dan memperkembangkan aktiviti pemasaran hasil pertanian negara. Apabila FAMA ditubuhkan pada akhir tahun 1960an dahulu, ianya mempunyai kuasa ke atas semua pengeluaran pertanian melainkan getah. Tetapi apabila kehendak-kehendak pengkhususan diperlukan untuk pengeluaran-pengeluaran pertanian yang besar seperti padi, nanas, koko, tembakau dan lada hitam, agensi-agensi khas ditubuhkan pula oleh Kerajaan untuk pemasaran tiap-tiap komoditi yang tersebut. Akhirnya tinggalah FAMA dengan pengeluaran-pengeluaran pertanian yang merupakan sisa-sisa di kalangan pengeluaran-pengeluaran pertanian negara yang tidak menyumbang pulangan yang besar kepada negara seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ternakan dan hasil-hasil pemerosannya.

Apabila ini berlaku pada awalan 1970an dahulu, harapan kita kepada FAMA ialah supaya pengeluaran-pengeluaran pertanian yang disifatkan sebagai sisa-sisa yang orang lain tidak mahu ini, diperkemas dan diperkembangkan pemasarannya supaya mereka menjadi penyumbang yang besar kepada ekonomi negara. Adakah FAMA telah mencapainya selepas 15 tahun yang lalu? Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan kepada Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ramai orang nanti berhujah bahawa pengeluaran barang-barang seperti sayur-sayuran, buah-buahan, binatang-binatang ternakan dan bahan-bahan daripada pemerosannya tidak mencapai tahap banyak dan kualitinya yang cukup untuk meningkatkan permintaan pasaran dari dalam dan dari luar negeri. Saya menyangkal hujah-hujah ini, berasaskan pengalaman dan pengetahuan saya sebagai Pegawai Agronomi pada akhir tahun enam puluhan dahulu dan awal tahun tujuh puluhan. Mengikut pengetahuan yang saya dapati, kajian-kajian saintifik yang dipelopori dan dimajukan oleh Jabatan Pertanian di dalam bidang penternakan, pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran adalah cukup untuk mengeluarkan bahan-bahan ini mengikut kuantiti dan kualiti yang dikehendaki oleh pasaran semenjak awalan tahun 1970an lagi.

Contohnya, klon-klon durian, jambu batu dan rambutan, ayam, kambing dan babi kacukan yang mempunyai produktiviti dan kualiti yang tinggi telah pun disediakan oleh Jabatan Pertanian dan apabila MARDI ditubuhkan, hasil-hasil dari kajiannya mengenai pengeluaran item-item yang saya sebut tadi bertambah mendalam dan meluas. Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, pemasaran barangan-barangan ini masih lagi tidak mencapai matlamat untuk membolehkan kita mengurangkan

import makanan yang menelan belanja sebanyak \$3,000 juta wang negara pada tiap-tiap tahun.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, pemasaran adalah penting kerana ianya mencetuskan permintaan. Ianya lebih penting dari segi perbandingan dengan pengeluaran. Kita ambil contoh, belimbing besi dan jambu batu—20 tahun dahulu buah-buahan ini tidak mempunyai nilai ringgit langsung. Mereka tinggal reput di bawah-bawah pokoknya di kampung-kampung kerana pada masa itu masyarakat kota di negara kita lebih senang dengan memakan buah epal, anggur dan limau yang diimport dari luar negeri. Tetapi lebih kurang 7 tahun yang lalu melalui pembaikan teknik pengeluaran dan pemasaran yang dibuat oleh peladang-peladang di Perak dan di Selangor, buah-buahan ini bukan sahaja menjadi buah-buahan utama di semua peringkat rakyat di bandar dan juga di desa di dalam negara ini, malah kita diberitahu mereka telah dieksport ke luar negeri. Sekarang kita lihat kebun-kebun jambu dan belimbing besi diwujudkan di merata pelusuk negara. Tidak hairan kalau satu hari nanti pokok buah-buahan ini yang dahulu hanya ditanam sebagai pokok selingan di kampung, akan menjadi pokok-pokok yang ditanam pada peringkat estet atau ladang.

Tuan Yang di-Pertua, inilah apa yang dikatakan dalam ilmu ekonomi sebagai "bekalan mencetuskan permintaan", bukan yang lazim berlaku iaitu "permintaan mencetuskan bekalan". Peranan FAMA di sini mestilah memperkenalkan bekalan ini kepada pasaran negara dan pasaran luar negeri walaupun pada mulanya kosnya agak tinggi. Usaha FAMA mengadakan bilik-bilik sejuk untuk menyimpan barang-barang untuk dipasarkan adalah baik. Walaupun kosnya agak tinggi, bilik-bilik sejuk

mesti digunakan di dalam rangka merangsangkan permintaan dengan mengenalkan barang-barang yang belum diketahui umum tentang kegunaannya.

Saya memuji usaha-usaha FAMA di dalam mewujudkan Pasar-pasar Tani selain daripada pembinaan bilik-bilik sejuk tadi. Saya ingin tahu berapa buahkah bilik sejuk yang dibina di seluruh negara dan di mana pula ianya dibina, dan berapa pula Pasar-pasar Tani yang ditubuh di seluruh negara. Saya juga ingin bertanya, adakah FAMA telah atau akan melakukan kajian kekesanan ke atas projek-projek bilik sejuk dan Pasar Tani ini dari segi "linkage"nya, dengan izin, kepada peningkatan pengeluaran dan pemerosesan barang-barang yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kajian-kajian ini adalah penting memandangkan peranan yang strategis yang patut dimainkan oleh FAMA di dalam menarik bahan-bahan pertanian yang dahulunya diabaikan ke dalam pasaran negara, malah pasaran dunia sekalipun. Lebih-lebih lagi penting ialah hakikat bahawa kita masih lagi jauh dari cukup di dalam membekalkan semua barang makanan kita. Pencapaian kecukupan bekalan makanan ini bukan sahaja perlu dari segi strategik di dalam masa perang malah ianya lebih perlu di masa kita sedang mara ke arah ekonomi perindustrian. Permintaan terhadap barang-barang makanan akan bertambah luas dan dari segi skop dan kuantitinya apabila pendapatan bertambah hasil dari perindustrian. Bekatan dari dalam negeri mesti boleh memuaskan kehendak ini jika kita hendak mencapai keseluruhan pertumbuhan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, FAMA harus ingat bahawa permintaan ke atas barang-barang makanan yang bukan staple adalah mengikut aliran atau "fad", dengan izin, selain dari rasa

lidah seperti juga pakaian yang mengikut fesyen selain dari keselesaan memakai. Misalannya, kalau dahulu orang-orang Melayu tidak makan biawak malah jijik melihat biawak, tetapi sekarang dengan adanya "fad", dengan izin, memakan "dab" iaitu biawak pasir dari Saudi Arabia oleh orang-orang Arab Saudi, maka biawak-biawak pasir dari Siam pun habis dibaham oleh orang-orang Melayu. Ramai jemaah-jemaah Haji telah membawa balik "dab-dab" kering dari Jeddah bersama-sama dengan buah tamar dan air zam-zam. Tuan Yang di-Pertua, kita jangan hairan pada satu hari nanti.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Boleh minta jalan?

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Sila.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Yang Berhormat dari Padang Terap sebut soal biawak-biawak pasir, orang Melayu makan biawak pasir, orang Melayu jenis mana ini dan apakah yang dikatakan khasiat biawak pasir ini yang menjadi kesukaan orang-orang Melayu? Terima kasih.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk memberitahu jenis, saya tidak tahulah, tetapi saya telah berjumpa ramai orang-orang Melayu yang balik dari Mekah bersama-sama dengan saya telah membawa balik "dab" kering dari Saudi Arabia, dan khasiatnya saya fikir sama juga dengan khasiat Tongkat Ali (*Ketawa*) yang baru-baru ini direkomenkan oleh seorang Professor daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita jangan hairan pada satu hari nanti "dab" akan menjadi buah tangan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Batu Berendam.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya minta penjelasan sedikit, Yang Berhormat. Mengenai khasiat biawak dari Arab (dab) dengan Tongkat Ali, bolehkah Yang Berhormat terangkan sedikit apakah khasiatnya, saya kurang faham.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, khasiatnya di sini, saya cuma hendak tunjuk cara pemasaran yang boleh menentukan bekalan mencetuskan permintaan. Tetapi kalau Yang Berhormat dari Batu Berendam ingin tahu, saya fikir khasiatnya—secara serius—khasiatnya ialah khasiat "aphrodisiac"—khasiat yang boleh me "rejuvenate", dengan izin, kebolehan-kebolehan orang lelaki—orang lelaki sahajalah, bukan orang perempuan—untuk kehidupan seks yang lebih aktif. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, cukup setakat itu dahulu, minta duduk, Yang Berhormat boleh sambung kemudian.

Saya menanggukkan perbahasan ini untuk membenarkan Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Jelutong untuk membawa usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18. Dijemput Yang Berhormat dari Jelutong—satu jam; setengah jam untuk Yang Berhormat berbahas dan setengah jam lagi saya akan menjemput Menteri Dalam Negeri untuk menjawab.

USUL

KEMATIAN ORANG-ORANG TAHANAN DILOKAP POLIS, WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR

5.30 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jetutong):

Tuan Speaker, usul yang ada di hadapan kita sekarang untuk perbincangan sudah jadi satu usul penting. Isi kandungan usul ini mengenai kepentingan orang ramai di seluruh negara. Dalam usul ini, Tuan Speaker, ada kesan-kesan bahawa polis dalam negara ini tidak bertanggungjawab, bukan kerana kelalaian, tetapi kerana tidak bertanggungjawab.

Baru-baru ini, Tuan Speaker, ada persidangan CHOGM di negara kita dan \$35 juta telah dibelanjakan atas persidangan ini dan baru-baru ini dalam Communique yang dikeluarkan oleh CHOGM, oleh Ketua-ketua Kerajaan dalam Negara-negara Commonwealth, ada satu perkara mengenai hak asasi manusia. Hak asasi manusia tidak wujud dalam negara ini, Tuan Speaker, oleh kerana dalam negara ini ada undang-undang seperti ISA, Emergency Ordinance 1969, dengan izin, dan Dangerous Drugs (Special Provisions) Ordinance 1985, dengan izin.

Tuan Speaker, potis ada diberi tanggungjawab, ada diberi oleh undang-undang, kuasa-kuasa yang luas di bawah Criminal Procedure Code Section 117. Tuan Speaker, ada peruntukan bagi polis untuk tahan seseorang suspect, dengan izin, selama 14 hari, dan dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri ada peruntukan di bawah seksyen 73 di mana seseorang yang ditahan di bawah undang-undang itu boleh ditahan selama 60 hari. Selepas itu jikalau Menteri tidak mengeluarkan satu perintah untuk tahanan itu dilanjutkan dua tahun lagi, maka

orang itu dibebaskan dan seperti itu juga di bawah Emergency Ordinance 1969.

Tuan Speaker, jikalau polis ada diberi kuasa-kuasa lanjut seperti ini apa checks and balances, dengan izin, ada untuk hadkan kuasa-kuasa ini, untuk menentukan tidak ada salah guna kuasa yang diberi kepada polis di bawah Akta-akta sebagaimana yang ada saya bangkitkan tadi.

Tuan Speaker, baru-baru ini, kelmarin dalam satu Inquiry Koroner di Mahkamah Majistret, Kuala Lumpur, pengadil Majistret Pretam Singh ada dengar satu inquiry mengenai kematian D. Anthonysamy. Walau bagaimanapun, Tuan Speaker, perkara itu sub-judice dan saya tidak mahu sebut tentang perkara itu, tetapi keterangan ada diberi oleh satu Pakar Perundingan Forensik, Hospital Besar, Kuala Lumpur, Dr Abdul Rahman bin Yusof, dan keterangan itu jadi punca usul yang dibangkitkan oleh parti DAP melalui saya pada hari ini. Dalam keterangan yang diberi, dan Tuan Speaker keterangan ini bukan keterangan biasa tetapi keterangan dalam mahkamah—keterangan bawah satu sumpah dan oleh seorang pakar iaitu orang yang tahu apa yang dia berhujah dalam mahkamah.

Tuan Speaker, saya ada dengar inquiry ini barangkali boleh ditangguhkan dahulu sebelum ia diselesaikan dalam dua, tiga minggu ini, oleh kerana pengadil Majistret Pretam Singh telah ditukarkan ke Miri. Saya merayu kepada Kerajaan untuk tentukan Encik Pretam Singh tidak ditukarkan ke Miri sampai inquiry ini diselesaikan.

Tuan Speaker, jikalau saya tuju kepada apa yang dicakapkan oleh Dr Abdul Rahman dalam mahkamah kelmarin dan saya baca apa yang ada dilaporkan di dalam suratkhbar *The*

Star, jikalau saya boleh, dengan izin Tuan Speaker, . . .

"Between 30 to 40 persons die every year while under detention in the city and its surrounding area, the Coroner's Court heard here today. Dr Abdul Rahman Yusof of the Kuala Lumpur General Hospital said a vast majority of the prisoner's died of pneumonia or inflammation of the lungs while many others had died of congestive heart failure. "In very few cases do we suspect foul play", Dr Rahman said in reply to Coroner Pretam Singh's question on the number of prisoners who died while in custody of the police, customs and the immigration departments. Dr Rahman told the court that there were no proper medical examinations or check-up by doctors and sometime the detainee just refuse to tell the doctors anything. The condition of the cells, hygiene and other facilities, may contribute to the problem of infection, said the doctor, who has been attached to the General Hospital here since 1979.

Dr Rahman was testifying in the inquest of ISA detainee, D. Athonyamy, 30, who died in police detention on October the 16th".

Tuan Speaker, dengan angka-angka yang telah diberi oleh doktor tersebut, ada 30 sampai 40 kematian yang berpunca dari "congestive heart failure with pneumonia". Doktor ini di dalam pengalaman beliau selama 10 tahun, ini jadi average, 30 sampai 40 kes-kes di mana ada kematian seperti itu.

Tuan Speaker, jikalau kami kira dari angka-angka ini telah terjadi 400 kematian dalam 10 tahun, dan jikalau kami bahagikan angka-angka ini ia menunjukkan bahawa dalam 10 hari ada satu kematian di Kuala Lumpur dan di sekelilingnya juga. Tuan Speaker, ini menunjukkan angka-angka yang ada di Kuala Lumpur juga, tetapi jikalau ada keadaan seperti ini di

Kuala Lumpur, keadaan seperti itu juga tentu ada di 13 atau 12 negeri-negeri lain dalam Malaysia (13 saya ingat—Kuala Lumpur pun jadi satu negeri tetapi jadi Federal Territory, jadi 13 buah negeri juga)—ada 13 negeri-negeri lain.

Tuan Speaker, jikalau kami ikut angka-angka ini, ini akan jadi satu kes tertentu, bukan satu atau dua kes tetapi beribu-ribu, di mana ada satu keadaan yang mana satu pihak juga boleh bertanggungjawab dan pihak itu, Tuan Speaker, ialah pihak polis. Jikalau ada satu keadaan di mana seseorang dapat satu penyakit seperti pneumonia atau congestive heart failure di lokap, siapa bertanggungjawab?

Tuan Speaker, saya tahu, saya ada pengalaman sendiri apabila saya ditahan di bawah Akta "haram" ini—Akta ISA—dalam tahun 1987, besok jadi anniversary 27 October 1987. (*Tepuk*) Saya tahu apa boleh terjadi dan jikalau itu boleh terjadi kepada seorang Ahli Parlimen seperti saya, Tuan Speaker, saya tahu apa yang boleh diakibatkan kepada seorang yang tidak jadi seorang Ahli Parlimen tetapi seorang warganegara yang biasa.

Tuan Speaker, dalam lokap—bukan lokap, ini jadi satu cell, satu secret camp—satu secret camp yang ada dalam Kuala Lumpur juga di mana saya dikurungan selama 57 hari. Apa hygiene ada di sana, tidak ada apa-apa, satu lokap yang kecil di mana saya dikurung secara solitary confinement. Orang-orang biasa ditahan hari-hari dalam negara ini. Apa checks and balances ada—seperti apa yang saya berucap tadi—dalam negara ini? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada kritik apa yang terjadi di Palestine—pembunuhan di Palestine. Tuan Speaker, Sharpville di South Africa tetapi kami ada Sharpville di negara ini juga (*Tepuk*) dan untuk Sharpville ini siapa yang bertanggungjawab—Menteri Dalam Negeri dan Timbalannya yang duduk di sana. Ini

satu perkara yang memalukan negara kita oleh kerana kelmarin apa yang saya cakap tadi, Tuan Speaker, ada satu Communique di mana saya ingat negara kita melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentu ada tandatangani Communique itu, untuk menghormati hak-hak kebebasan. Tidak ada apa-apa hak-hak kebebasan yang ada dihormati oleh Kerajaan dalam negara kita.

Tuan Speaker, negara kita jadi satu police state. Itu ada satu bukti bukan dalam kes ini sahaja tetapi dalam apa yang telah dikatakan oleh bukan seorang Hakim yang biasa tetapi seorang bekas Ketua Hakim Negara iaitu Tun Suffian. Saya baca apa yang ada di dalam *The Malayan Law Journal*, Volume II, muka x, dengan izin,

"In *Lai Kim Hon & Ors. v. Public Prosecutor*, the Federal Court gave a preliminary judgement in dealing with the appeals by the accused and by the Public Prosecutor stating that it will give its reasons in writing later. The Federal Court dismissed the appeals against conviction by the first, third, fourth and fifth accused—semua ini pegawai polis, celaka ini—holding that the learned trial judge had enough evidence before him which, if believed, would justify his finding the appellants guilty. The Federal Court also dismissed the cross-appeal by the Public Prosecutor against the acquittal of the second accused, stating that they would not be justified in disturbing the trial judge's verdict. The Federal Court then dealt with the sentences on the accused whose convictions were upheld". Ini apa yang penting, Tuan Speaker, Lord President Suffian delivering the judgement of the Federal Court said:

"The Police Force exists to protect the public from criminal elements, and are given wide powers of arrest, search, investigation and so on—(sepertimana yang terkandung di

dalam ISA dan undang-undang lain) to detect offenders, to collect evidence against them and to bring them to book. These powers are to be found in the Criminal Procedure Code and other laws enacted by Parliament, and welcomed by the people. The Police are expected to do their duty energetically and efficiently, and on the whole they do that—as witness the comparative peace and tranquillity that exist in the country. But one power the Police do not have, and it is most unlikely that Parliament and the people will give it to them, and that is power to assault and torture suspects in their custody, least of all power to kill. Parliament and the public expect the police to exercise their power in a civilized and humane way. Those who exceed their powers should not expect to be protected by the law.

In this case, on June 18, 1977 at 9.20 a.m., the Police arrested Noordin, a young boy of 16, son of an ex-sergeant of the Special Constabulary on suspicion of being involved in a spate of house-breakings and thefts in the Datuk Keramat area, Kuala Lumpur. He was arrested in Johore in Chaah and taken to the Segamat Police Station. There was no complaint about his treatment in Johore. From there he was taken to the Cheras Police Station in Kuala Lumpur and then transferred to the Pudu Police Station, where he was beaten to death (sampai mati, Tuan Speaker, oteh polis).

When he arrived at the Cheras Police Station, he was in "good condition". But when he arrived at the Pudu Police Station, there were fresh bruises on his body, obviously acquired while he was at the Cheras Police Station.

He was interrogated—and he insisted he was innocent. This was

regarded as non-operation, and so he was subjected to what is known in the Force as "intensive interrogation", described as continuous interrogation for up to 12 hours by a team of interrogators (or alligators as I have said, Tuan Speaker, polis ini semua alligators, crocodiles) who changed every two hours.

During the interrogation at the Cheras Police Station beginning at 9.20 p.m., on June 19, 1977 he was hung from a window facing outwards handcuffed to the window grill in the manner of a crucifixion; he was completely naked; he was beaten with a rubber hose by a succession of police officers, including, the learned Judge found, the four appellants. He struggled and screamed in pain, and shortly after midnight of 19th/20th June, he became lifeless. When his body arrived at the General Hospital at 2.50 a.m., the doctor who examined it pronounced it dead, death having occurred an hour or so earlier. A post-mortem examination the following afternoon revealed over 24 linear abrasions all over his body, caused by blows with a rubber hose, and by falls, punches and kicks. The doctor said that the cause of death was the cumulative effect of multiple blows, testicular reflex and lower resistance due to disease and possibly due to starvation also. There was trace of drug inside his body.

During the 40 hours he spent in custody, he was given no food; and there was positive evidence that during the interrogation he asked for water, and was ordered not to be given any.

Such was the brutal treatment that the accused—and others unknown in the Force—saw fit to give this young boy who all along maintained his innocence and from whom they wanted to extort a confession or

information. The learned Judge sentenced the first accused (a Chief Inspector) to three years, the third accused to 18 months, and the other two accused to 12 months each.

Each of us, had we been trying this case, might have given more severe sentences, but sitting as a court of appeal, we interfere only if in our opinion the sentences imposed by the learned trial Judge were manifestly excessive or manifestly inadequate or he had proceeded on wrong principles. Counsel on behalf of the four appellants argued that the sentences on their clients were manifestly excessive, while Mr. Mah, the Deputy Public Prosecutor, argued that the sentences, except the one on the first accused, were manifestly inadequate, and that in the public interest to show official disapproval of police brutality, they should be enhanced.

We have given this matter very anxious consideration. While agreeing with Mr. Mah that this is a very serious case and that Malaysia should not be allowed to develop into a police state, we do not think that the sentences on the four appellants are manifestly excessive or manifestly inadequate, and that the learned Judge has proceeded on a wrong principle. In the circumstances we affirm the sentences.

But this should not be regarded as a precedent in future cases. Members of the Force who do their duty in accordance with the law will receive our and public support and encouragement; but those who treat suspects in a cruel manner can expect to receive only very severe punishments from the courts. Parliament and the public will not allow a Savak to be established here, bringing disrepute to those responsible for the government and for the administration of justice".

Tuan Speaker, baru-baru ini lagi satu mangsa ISA, Encik Abdul Rahman Hamzah yang ada dilepaskan baru-baru ini dalam bulan Jun, jikalau saya tidak silap, mangsa inipun jadi satu orang yang ada dipukul, ugut, berbagai cara ada digunakan ke atas beliau dan apa yang ada terjadi kepada beliau ada berbangkit dalam Dewan yang mulia ini melalui satu affidavit. Dan juga satu lagi mangsa', Jamaludin *alias* Joshua Jamaludin. Kedua-dua affidavit ini ada dibaca dalam Dewan yang mulia ini dan saya tidak mahu baca apa yang ada dalam affidavit itu. Tetapi apa yang boleh ditunjuk dalam kedua-dua affidavit itu polis yang jadi punca atas mana kedua-dua mangsa ini ada dipukul sampai hari ini kedua-dua orang ini ada dapat rawatan dalam Hospital Besar.

Encik Abdul Rahman Hamzah ada beri satu statement kepada saya dan dia ada arahkan saya untuk buat satu kes ke atas Kerajaan untuk dapat gantrugi oleh kerana ada kesalahan guna kuasa oleh polis ke atas dia, dia ada dalam hospital, ada bukti beliau ada dihentam oleh pegawai-pegawai polis apabila beliau ada di bawah tahanan.

Baru-baru ini, Tuan Speaker, saya ada hantar satu surat kepada Pengarah Hospital Besar, Kuata Lumpur untuk dapat sijil rawatan bagi pihak beliau, tetapi apa yang saya dapat melalui satu surat jawapan, sijil itu, medical certificate, dengan izin, tidak boleh dikeluarkan oleh kerana tidak ada satu kelulusan dalam perkara itu bagi pihak polis. Oleh kerana apa saya paksa hendak dapat satu perakuan bagi polis, saya mahu dapat tahu. Dalam perkara ini tentu ada cover-up, oleh itu sijil ini tidak ada diissuekan kepada saya.

Tuan Speaker, dalam keterangan yang ada diberi dalam mahkamah kelmarin, dalam fikiran saya ada satu jalan yang tentu diikuti dalam perkara ini dan itu jadi satu cadangan yang saya

mahu buat dalam Dewan yang mulia ini untuk tubuhkan satu Suruhanjaya Di Raja diketuai oleh Tan Sri Eusoffe Abdoolcader, seorang hakim dengan pengalaman, seorang hakim yang baik, seorang hakim yang berani, tidak takut kepada Kerajaan walaupun ada dihadapkan depan satu Tribunal dan barangkali dalam Suruhanjaya Di Raja ini boleh terdiri daripada orang-orang seperti Tun Salleh Abas. Tun Salleh Abas pun seorang Ketua Hakim dalam negara ini yang berani dan juga Dato George Seah dan Tan Sri Wan Hamzah dan Tan Sri Azmi Kamaruddin. Saya ingat orang-orang seperti itu juga boleh berani untuk tindakan apa yang perlu didedah bagi kepentingan orang ramai dalam negara ini.

Dengan itu, Tuan Speaker, saya tamatkan hujah saya dan barangkali rakan saya, seorang doktor pakar, boleh beri pandangan beliau, beri apa congestive heart failure, pneumonia. dia jadi seorang pakar. Dengan itu, saya berterima kasih kepada Tuan Speaker dan Ahli-ahli yang lain di sini tidak kacau hari ini, saya pun hairan (*Kelawa*). Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kepong.

5.54ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, walaupun Ketua Polis Negara telah memberi jaminan bahawa keseksaan secara kekerasan ke atas orang-orang tahanan adalah haram dan sebagainya dan tindakan yang serius, yang tegas akan diambil ke atas mereka, tetapi malangnya dari semasa ke semasa berlakulah kes yang disyaki dikenakan kekerasan seperti Anthonysamy a/l Dewarasu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan di mana Anthonysamy itu mati, wujudlah beberapa syak wasangka. Yang pertamanya, keadaan

di dalam lokapnya, keadaan yang tidak begitu sihat, tidak begitu baik untuk seseorang itu yang boleh menyebabkan infeksi.

Tuan Yang di-Pertua, orang seperti Anthonysamy yang muda, yang tegap, yang sihat, kalau mereka mudah mengidap pneumonia ataupun congestive heart failure, ini bermakna keadaan dia itu telah berubah daripada orang yang tegap dan sihat dan muda. Apakah yang menyebabkan keadaan orang seperti ini menjadi lemah, menjadi kurang daya tahan menentang kuman-kuman yang bisa. Adakah ini kerana keadaan seksaan, beliau diseksa sehingga tidak dapat daya tahan. Adakah kerana rawatan perubatan tidak diberi kepada Anthonysamy dan mungkin banyak lagi di negara ini yang mengalami keadaan yang sedemikian. Soal pokoknya adakah rawatan perubatan diberi kepada si mati ini dengan lebih awal, dengan lebih tepat ataupun rawatan tidak diberi kepadanya. Adakah kerana dia diseksa sehingga hilang daya tahan. Ini soal yang penting.

Ada lagi, Tuan Yang di-Pertua. Sama ada di dalam negara ini ada doktor-doktor yang ditugaskan untuk memeriksa, untuk memberi rawatan kepada semua orang di dalam lokap. Saya sebutkan di sini, bukan sahaja di PRC tetapi di semua lokap di negara ini kerana setahu saya keadaan perkhidmatan perubatan tidak mencukupi untuk memberi rawatan kepada orang-orang yang sakit di dalam lokap.

Ada satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang hendak saya tekankan di sini bahawa ada beberapa pathologist forensik di negara ini untuk memeriksa orang yang mati di dalam lokap. Setahu saya tidak banyak orang yang benar-benar pakar di dalam bidang pembedahan kematian ini, di Hospital Besar Kuala Lumpur ada satu dan di tempat mana lagi ada. Kalau kurang

orang yang pakar untuk membedah untuk mendapat kebenaran daripada punca-punca kematian ini, bagaimana orang-orang yang mati di dalam lokap diperiksa oleh pathologist di kawasan luar daripada Kuala Lumpur. Itu satu soal yang pokok lagi. Berapa pathologist forensik yang digunakan oleh Kementerian Dalam Negeri hari ini di Malaysia sebab orang ramai tidak tahu bagaimana Kementerian Dalam Negeri menguruskan hal kematian di dalam lokap, sebab itulah Kementerian dapatlah dikecualikan daripada tanggungjawab untuk memberitahu kepada orang ramai.

Dengan kerana masa pun tidak cukup, saya hendak ringkaskan ucapan saya.

Yang pertama, keadaan di mana Anthonysamy mati. Kita hendak dapat keterangan yang baik.

Yang kedua, adakah rawatan lebih awal diberi kepadanya.

Dan yang ketiga, kalau ada rawatan, oleh siapakah doktor-doktor yang dipanggil untuk memberi rawatan ini. Adakah doktor yang benar-benar pakar, yang dapat memberi rawatannya dan siapakah yang dapat menetapkan penyakit si mati ini sebagai pneumonia and congestive heart failure? Siapakah yang membuat diagnosis ini? Itu penting, Tuan di-Pertua, kerana diagnosis seperti pneumonia and congestive heart failure di dalam orang yang muda, yang tegap, yang sihat, susah hendak kita buat, kecuali di dalam keadaan yang luar biasa. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Habislah setengah jam, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya jemput Timbalan

Menteri untuk menjawab. Saya bagi masa setengah jam.

6.01 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih ke atas Usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada hari ini. Bagaimanapun, saya tidaklah bercadang untuk menyentuh tentang CHOGM atau hak asasi kebebasan manusia atau perkara-perkara lain sepertimana yang telah dikaitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dalam membentangkan Usul ini. Saya hanya akan menumpukan jawapan saya terhadap Usul yang dikemukakan.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban pada 20-10-1989 telah juga membawa Usul yang hampir sama, tetapi Usul tersebut telah pun ditolak oleh Yang Berhormat Tuan Speaker. Dengan adanya Usul ini yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, dapatlah pihak Kementerian menerangkan keadaan yang sebenarnya. Adakah perangkaan yang didakwa itu betul atau tidak? Kalau betul, maka saya akan jawab semua permohonan-permohonan daripada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap tadi. Tetapi kalau tidak, perangkaan itu tidak betul sepertimana yang didakwa, maka tidak perlu saya menjawab atas tuduhan-tuduhan yang telah dilemparkan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tegaskan di sini bahawa statistik yang dibuat atau disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sebentar tadi adalah tidak benar. Dengan ini saya menafikan bahawa angka kematian 30 hingga 40 orang setahun di lokap Polis di Wilayah Persekutuan dan sekitarnya adalah tidak benar. Di sini saya turunkan bilangan sebenarnya berhubung dengan perkara tersebut,

iaitu di tokap Polis di Wilayah Persekutuan dan sekitarnya:

Tahun	Bilangan kematian
1980	0
1981	2
1982	0
1983	0
1984	1
1985	5
1986	0
1987	0
1988	2
1989	2
	—
Jumlah ..	12 orang
	—

Perangkaan yang saya berikan tadi jelas menunjukkan bahawa dalam masa sembilan tahun iaitu 1980-1989 hanya 12 orang yang mati dalam lokap Polis di Wilayah Persekutuan dan sekitarnya dan tidak 30 atau 40 orang setahun sepertimana yang didakwa.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, jikalau apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri benar, adakah angka-angka yang telah diberikan dalam Mahkamah kelmarin oleh pakar perunding itu tidak benar? Bolehkah saya tahu itu?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Bagi saya tidak benar, kerana itu laporan akhbar, kerana saya sendiri tidak ada mendengar dalam Mahkamah. Itu laporan daripada akhbar.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Adakah akhbar itu betul memberi penjelasan, saya tidak tahu. Tetapi inilah perangkaan yang ada pada saya.

Tuan R. Karpal Singh: Ini bermakna apa yang dikatakan oleh pakar perunding itu palsu dan ianya jadi satu

kesalahan di bawah undang-undang jenayah? Bagi keterangan yang palsu dalam Mahkamah di bawah sumpahan, itu terjadi?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan bahawa Dr Abdul Rahman membuat satu kenyataan yang palsu tetapi laporan yang dibuat oleh suratkhbar *The Star* adalah tidak benar, itu sahaja, kerana saya tidak dengar Dr Abdul Rahman memberi hujah, saya hanya membaca daripada akhbar *The Star*. Laporan yang diberi oleh *Straits Times* tidak benar. Itu sahaja yang dapat saya nyatakan.

Tuan R. Karpal Singh: Minta penjelasan. Tuan Speaker, saya ada berunding dengan Peguam yang telah hadir bagi pihak si mati. Dia ada beritahu kepada saya dalam keterangan apa yang ada dikatakan oleh saya tadi itu benar. Peguam itu pun ada di sini. Tiga puluh sampai empat puluh orang dalam satu tahun. Itu keterangan di bawah sumpah, bukan satu kenyataan yang tidak ada berasas tetapi satu kenyataan yang betul oleh satu pakar perunding bagi pihak Kerajaan juga, bukan bagi pihak Peguam—bagi pihak Kerajaan, oleh seorang yang ada ditempatkan di Hospital Besar Kuala Lumpur.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, ini juga statistik yang telah saya beri tadi adalah statistik yang benar. Tetapi tolonglah dengar penjelasan saya yang lebih lanjut. Kemungkinan ada kesilapan daripada laporan yang telah pun diberi.

Tuan P. Patto: Minta penjelasan, Tuan Speaker. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu adalah yang benar dan apa yang diberi dalam keterangan oleh pakar perunding Forensic Pathologist Dr Abdul

Rahman dalam Coroner's Inquiry maka yang diadakan semalam itu tidak benar, adakah beliau menyatakan bahawa pakar perunding itu bohong dalam Mahkamah? Itu pertama. Kedua, oleh kerana pihak Polis berada dalam Coroner's Inquiry itu, kenapa pihak Polis tidak membuat sebarang bantahan pun pada ketika itu atau challenge, cabar apa yang dikatakan oleh pakar perunding itu tadi. Kenapa? Kenapa direka angka-angka sekarang ini di dalam Dewan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, tidak usah putarbelit. Saya telah nyatakan dengan jelas bahawa apa yang telah dilaporkan oleh *The Star* tidak benar. Saya tidak kata apa yang telah diperkatakan oleh Dr Abdul Rahman tidak benar.

Tuan R. Karpal Singh: Inipun dilaporkan dalam *The New Straits Times*. . . .

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Walau apa akhbar manapun. . . .

Tuan R. Karpal Singh: Suara Kerajaan, NST.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Siapa yang kata suara Kerajaan?

Tuan R. Karpal: Saya cakap. (Ketawa)

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jadi Yang Berhormat boleh cakap, saya tidak mahu cakap.

Tuan P. Patto: Penjelasan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ini adalah satu-satunya cerita yang dibuat oleh *The Star*, tetapi menurut *The Star* cerita itu bukanlah sendiri punya tetapi BERNAMA, iaitu National News Agency. Siapa bohong? BERNAMA bohong?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, ini akhbar. Itu sebab dia tidak boleh sentuh. Macam baru-baru ini dilaporkan dalam *Utusan Malaysia* juga yang dianggap sebagai

suara Kerajaan, saya telah membuat kenyataan di satu perhimpunan MIC di Langkap, bahawa saya tidak pernah hadir di perjumpaan MIC—MCA ada. Kemungkinan ini berlaku. Tetapi apa yang berlaku dalam Mahkamah itu, itu sahaja yang betul. Jadi, bagilah saya memberi penerangan yang jelas dahulu.

Tuan P. Patto: Kalau begitu, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengaku bahawa apa yang dikatakan oleh pakar perunding itu betul.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Saya tidak cakap pakar perunding.

Tuan P. Patto: oleh kerana itu dikatakan dalam Mahkamah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak cakap pakar perunding. Apa yang telah dilaporkan dalam akhbar adalah tidak benar. Saya tidak sebut pakar perunding. Saya tidak dengar pakar perunding bercakap.

Tuan P. Patto: Tadi, saya ada tanya kenapa pihak Polis pada ketika itu tidak bantah apabila ini dikatakan oleh pakar perunding dalam Mahkamah, oleh kerana Peguam yang menghadiri, dengan izin, who was holding watching brief bagi Anthonysamy—dia pun berada dalam Dewan ini hari ini, sekarang.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, itu menunjukkan bahawa ada kesilapan laporan dalam akhbar yang menyebabkan bahawa pihak Polis tidak membantah apabila pihak itu memberi hujah dalam Mahkamah. Kerana saya hendak beri keterangan yang lebih lanjut selepas ini, mungkin kita akan faham. Tetapi dalam Wilayah Persekutuan kita tahu dalam masa sembilan tahun hanya 12 orang sahaja mati dalam lokap. Itu statistik yang telah kita adakan.

Tuan P. Patto: Penjelasan. Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri sering menggunakan phrase, rangkai kata, "mati dalam lokap", apa yang dibangkitkan di sini adalah mati dalam tahanan lokap—Polis custody. Kita bukan tuduh mati dalam lokap, tetapi waktu dia ditahan oleh Polis, dalam Polis custody, itu yang penting.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, yang dua belas orang itu mati seperti mana Ahli Yang Berhormat kata itulah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya ingin menyatakan sebab-sebab kematian orang-orang tahanan Polis di Wilayah Persekutuan dan sekitarnya adalah seperti berikut: heart failure, tuberculosis (batuk kering), asthma, gastrik, sakit tua, penagihan dadah yang serius, pergaduhan di antara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, apabila satu-satu kematian berlaku dalam lokap, maka laporan Polis akan dibuat dan siasatan segera akan dilakukan. Doktor dan Majistret akan dipanggil dan selanjutnya post-mortem akan dilakukan dengan segera untuk menentukan punca kematian. Jika didapati oleh mahkamah kematian itu disebabkan oleh kesalahan atau kelalaian di pihak-pihak tertentu sama ada oleh orang-orang tahanan atau pegawai-pegawai Polis, maka tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka.

Berdasarkan kepada statistik yang saya bentangkan di atas, maka saya dengan ini menyangkal tuduhan-tuduhan dari Ahli Yang Berhormat itu.

Usul dari Ahli Yang Berhormat itu, mungkin semata-mata berdasarkan kepada laporan akhbar yang dibuat oleh Dr Abdul Rahman seperti yang dilaporkan di dalam akhbar pada hari ini, yang mana kematian yang dilaporkan tidaklah terhad hanya

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Saya belum habis lagi

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berani untuk hadir diri di mahkamah besok pagi, enquiry ini ada disambung besok, untuk teliti apa yang ada ditulis dalam rekod oleh Tuan Majistret. Ada berani besok pagi, pukul 9.00 pagi sampai di sana, saya pun akan hadir di sana. Ada berani?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, apa sebabnya saya terpaksa menawarkan diri yang tidak ada kena-mengena, kerana hendak memuaskan nafsu Yang Berhormat itu semata-mata, kerana saya hendak beri penjelasan mungkin ada kesilapan tentang itu.

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau mungkin, datanglah ke mahkamah besok pagi.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Berilah saya baca ini dahulu. Saya baca ini dahulu, mungkin Ahli Yang Berhormat akan faham.

Tuan R. Karpal Singh: Baca, baca tetapi tidak ada apa-apa hasil.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Apa yang tidak ada hasil?

Tuan R. Karpal Singh: Sudah 15 minit.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Yang Berhormat, mungkin tuduhan yang Ahli Yang Berhormat buat ini tak betul, itu sebab Ahli Yang Berhormat marah. Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan.

Dato* Megat Junid bin Ayob: Usul dari Ahli Yang Berhormat itu, mungkin semata-mata berdasarkan

laporan akhbar yang dibuat oleh Dr Abdul Rahman seperti yang dilaporkan dalam akhbar pada hari ini yang mana kematian yang dilaporkan tidaktah terhad hanya kematian dalam lokap Polis Wilayah Persekutuan, tetapi adalah perangkaan kematian bagi banduan-banduan termasuk banduan-banduan remand di seluruh negara di lokap-lokap dan juga di penjara-penjara. Dan kalau saya beri statistik kemungkinan bahawa perangkaan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat itu ada persamaan. Ini saya takut laporan yang telah dilaporkan dalam akhbar itu silap. Kita lihat jumlah kematian di seluruh negara:

<i>Tahun</i>	<i>Dalam Penjara</i>	<i>Daian Lokap Polis</i>	<i>Jumlah</i>
	Orang	Orang	Orang
1985 ..	44	5	45
1986 ..	47	7	54
1987 ..	46	6	52
1988 ..	48	4	52
1989 ..	31	3	34

Saya mempunyai kepastian bahawa kemungkinan besar bahawa statistik inilah yang telah diutarakan oleh Dr Abdul Rahman yang telah silap dilaporkan yang mengatakan di dalam Wilayah Persekutuan mati 30-40 orang dalam setahun. Itu sebab, dengar dahululah, berilah chance. Saya tadi tak kacau, saya cakap pada rakan-rakan saya, jangan kacau Yang Berhormat dari Jelutong. Niat dia baik, tetapi bila saya bercakapitulah menunjukkan kita bertanggungjawab. Dengar penjelasan ini. Saya berharap kesangsian orang ramai terhadap pasukan Polis seperti mana diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi tidaklah wujud lagi, serta kepercayaan masyarakat dan orang ramai terhadap pasukan Polis tetap utuh seperi sediakala. terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa untuk berbahas telah

habis. Pihak Kerajaan telah menjawab, kita berbalik semula kepada perbahasan kepada Akta FAMA.

**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA PEMASARAN
PERTANIAN PERSEKUTUAN
(PINDAAN)**

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud); Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap.

6.15ptg.

Dato Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, tadi saya bercakap mengenai dengan soal bekalan yang mencetuskan permintaan di dalam proses pemasaran barang-barang pertanian dan saya sebut mengenai dengan satu binatang iaitu biawak pasir yang dinamakan dab yang dulunya jijik bukan sahaja untuk dimakan oleh orang Melayu dan orang Islam di Malaysia ini, malah jijik untuk dilihat. Tetapi dengan adanya fad ataupun fashionable yang dimulakan oleh orang-orang di Arab Saudi dan dibawa balik fad ini ke Malaysia oleh jemaah-jemaah haji, maka sekarang ini orang Melayu pun makan biawak dan biawak pasir yang dipanggil dab dan kita tidak hairan satu hari biawak-biawak gabuk pun akan dimakan oleh orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat menyanjung dan memuji usaha-usaha mewujudkan fad di dalam amalan pemakanan yang dilakukan oleh Menteri Pertanian sendiri. Kempen minum air kelapa muda dan kempen makan ulam yang telah dipelopori oleh Yang Berhormat itu adalah usaha-usaha yang gigih dan usaha-usaha yang boleh disifatkan usaha-usaha yang innovative, untuk mewujudkan fad ini, walaupun ada

orang-orang yang mempersendakan usaha-usaha Yang Berhormat ini sebagai perkara remah.

Pada saya, ianya adalah merupakan langkah-langkah significant di dalam usaha memasarkan bahan-bahan ekonomi pertanian yang selama ini diabaikan ataupun di dalam ilmu ekonomi dipanggil slack resources. Banyak sumber-sumber pertanian negara masih lagi diabaikan, Tuan Yang di-Pertua, dengan kurangnya usaha mengenengahkan mereka kepada dunia sebagai bahan-bahan yang bernilai.

Cuba kita ambil lagi satu contoh, apa beza rasa di antara umbut bayas iaitu satu pokok palm yang tumbuh liar di dalam hutan atau umbut pokok kelapa yang di atasnya itu dengan artichoke yang diimport dengan harga yang mahal dari Barat yang menjadi salad di dalam banquet-banquet atau di dalam jamuan Diraja dan apa bezanya khasiat akar seruntun yang orang Melayu makan berzaman-zaman dengan ginseng yang diimport dari Korea, yang mahal harganya. Tidak ada beza khasiatnya dan tidak ada beza rasa, tetapi yang berbeza ialah ginseng dan artichoke ini dipopularkan sebagai satu fad, satu fashion, dengan izin, di dalam amalan makanan dan pemakanan orang kaya-kaya dan orang bangsawan. Jadi, hakikat inilah di dalam pemasaran yang mana saya minta supaya FAMA mengambil sebagai contoh untuk dijadikan strategi di dalam pemasaran barang-barang pertanian yang tinggal pada FAMA yang saya kata tadi, sisa-sisa di kalangan komoditi-komoditi pertanian di negara kita. Malah, Tuan Yang di-Pertua, MARDI telah pun mencipta kacukan-kacukan seperti kobis dan asparagus yang boleh ditanam di tanah dataran iaitu ditanam di dalam iklim biasa di negara kita ini yang tidak perlu lagi ditanam di dalam iklim hawa bukit yang memerlukan suhu yang rendah dan juga memerlukan ecosystem bukit bukau.

Jadi, adakah semua ini telah diwujudkan pemasarannya yang luas oleh pihak FAMA? MARDI telah menciptakan ini lebih dari 10 tahun lagi, misalannya kobis, lowland cabbage, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua? Kobis yang boleh ditanam di tanah-tanah bendang, yang boleh ditanam di tanah-tanah gambut dan lain-lain lagi tanpa perlu ditanam di Cameron Highlands ataupun di Fraser's Hill ataupun di Genting.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah berniat untuk mengajar pihak FAMA. Niat saya hanya setakat mengingatkan perkara-perkara yang kadang-kadang dipandang remeh, tetapi sebenarnya adalah penting, Kalau FAMA terbuka pemikirannya, sifatlah saranan-saranan saya ini sebagai sumbangan ikhlas. Kalau FAMA telah pun menjalankannya, sifatkanlah pandangan saya ini sebagai reenforcement, dengan izin, kepada apa yang sedang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya menyokong pindaan Akta ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Jemput Timbalan Menteri menjawab.

6.21 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk menghulur ucapan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat dari Padang Terap yang telah mengemukakan pandangan dan juga memberi teguran serta cadangan-cadangan semasa membahas Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1989, sekejap tadi.

Yang Berhormat telah memberi satu sokongan yang bermakna terhadap

usaha Kementerian untuk memperkukuhkan soal disiplin. Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa pihak Kementerian Pertanian memang menitikberatkan soal-soal disiplin ini kerana ianya memang penting. Oleh sebab jikalau ianya dipraktik dengan erti kata yang sebenar maka satu penumpuan yang lebih dapat diberi kepada pengeluaran pemerosesan dan pemasaran bahan-bahan makanan negara ini.

Yang Berhormat sekejap tadi membangkitkan soal kegiatan FAMA sama ada berjaya atau tidak. Sukalah saya nyatakan bahawa FAMA boleh dikatakan telah berjaya dalam kegiatan-kegiatan pemasaran hasil-hasil pertanian terutamanya belimbing besi, betik dan juga pisang. Nilai pengeksporan belimbing besi sahaja pada tahun 1988 adalah \$16 juta.

Percubaan untuk mengeksport hasil pertanian seperti buah mangga juga mendapat sambutan yang menggalakkan dari negara-negara Eropah dan Timur Tengah. Begitulah juga dengan belimbing besi dan betik di mana buah-buahan itu pada masa ini mendapat sambutan yang baik di negara Eropah dan juga di negara-negara Timur Tengah. Pihak FAMA pada hari ini menjalankan kegiatan-kegiatan untuk mempertingkatkan lagi pemasaran buah-buahan ini.

Yang Berhormat juga membangkitkan soal penubuhan pasar tani. Penubuhan pasar tani sebenarnya Yang Berhormat, membuka peluang kepada petani-petani untuk memasarkan hasil pertanian mereka dan setakat ini kita mempunyai tidak kurang daripada 94 buah yang mana hampir setiap daerah mempunyainya, dan nilai urusniaga yang terkumpul oleh petani di pasar tani ini setakat hari ini telah meningkat ke tahap \$90 juta sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1985.

Berhubung dengan bilik sejuk yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi, hari ini kita mempunyai 24 buah dan ianya boleh didapati di semua negeri di Malaysia ini kecuali Sabah dan Sarawak. Pada masa ini bilik-bilik sejuk ini disewakan kepada pihak swasta bagi mempertingkatkan penggunaannya.

Yang Berhormat juga menyentuh soal fad di mana jikalau kita menekankan sesuatu, umpamanya air kelapa muda ataupun ulam ataupun juga jenis-jenis bahan yang lain dengan seriusnya, maka dengan sendirinya makanan itu akan menjadi satu bahan yang akan dimakan oleh rakyat di negara kita ini dan mungkin juga akan menjadi satu bahan eksport yang penting. Tetapi yang perlunya, ialah kita menunjuk dan menzahirkan dengan seriusnya, bahawa, bahan-bahan ini benar-benar dipopularkan oleh kita, bukan sahaja untuk rakyat, tetapi untuk sesiapa jua yang datang ke negara kita. Umpamanya pada hari ini air kelapa, di jual di hotel-hotel. Ini menjadi satu bahan yang memberi keuntungan bukan hanya kepada empunya ladang-ladang kelapa, tetapi juga menjadi suatu yang boleh, sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi, mempertingkatkan dari segi kedudukan fizikal seseorang itu, bukan melemahkan, termasuklah barangkali, dari segi ketahanan tenaga batin sebagaimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat sekejap tadi.

Yang Berhormat juga membangkitkan soal kobis dan asparagus yang sepatutnya dititikberatkan dari segi penanamannya. Maka suka-lah saya nyatakan, bahawa, pihak Kementerian pada hari ini sedang menekankan soal penanaman lowland cabbages. Saya sendiri lebih-lebih lagi Yang Berhormat Menteri Pertanian pada hari ini dan sebelumnya telah menekankan soal-soal penanaman lowland cabbages supaya ianya dapat dieksport ke luar negeri. Hari ini kita masih mengimport kobis daripada

Indonesia. Ini sesuatu yang malang. Sepatutnya dengan kesuburan tanah yang wujud di negara kita ini, kita tidak seharusnya mengimport daripada Indonesia. Sepatutnya kita mengeksport ke negara lain.

Jadi, Yang Berhormat, percayalah bahawa pihak Kementerian akan sentiasa mengambil berat dalam soal-soal bahan-bahan makanan bukan sahaja dari segi penanaman tetapi dari segi eksportnya ke luar negeri agar ekonomi penanam-penanam kita akan bertambah baik dari masa ke semasa dan di samping itu kedudukan ekonomi negara akan bertambah kukuh.

Saya sekali lagi, mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah memberi pandangan yang begitu bernas dan kalau ada hujah-hujah yang tiada berkesempatan bagi saya untuk menjawabnya maka yakinilah bahawa pihak Kementerian akan memberi perhatian yang sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:

Bahawa walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 18

(4) Dewan ini mengikut proviso Peraturan Mesyuarat 12 (1) hendaklah ditangguhkan sekarang.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul yang dibawa sebentar tadi, iaitu mengikut proviso Peraturan Mesyuarat 12 (1) Mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (4) Dewan ini mengikut proviso Peraturan Mesyuarat 12 (1) hendaklah ditangguhkan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok, Jumaat, 27hb Oktober, 1989.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30petang.